

Jilid 1  
Bil. 52



Hari Jumaat  
18hb Januari, 1980

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 5013]

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 5042]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Taman Negara [Ruangan 5043]  
Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia [Ruangan 5065]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- ” DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- ” PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- ” TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

- ” DATO' SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- ” PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- ” DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- ” TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- ” TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- ” PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.**

**Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar**

**Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.**

**BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

**Penyunting: Yahya Manap.**

**Penolong Penyunting: P. B. Menon.**

**Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.**

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

**BENTARA MESYUARAT**

**Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.**

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Jumaat, 18hb Januari, 1980

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

LAWATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA KE INDIA

1. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil dari lawatan beliau ke India baru-baru ini.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, lawatan saya ke India itu bukanlah baru. Lawatan itu dijalankan dekat setahun lamanya dan di antara masa itu ada banyak perubahan di India—Kerajaan pun sudah bertukar, pilihanraya pun sudah diadakan, Perdana Menteri baru telah dipilih dan Kerajaan baru di India.

Walaupun demikian, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat lawatan rasmi saya ke India dalam bulan Januari tahun lalu adalah di atas jemputan Perdana Menteri India pada waktu itu. Tujuan utama lawatan itu ialah untuk mempererat lagi hubungan yang telah diwujudkan antara Malaysia dan India, dan membincangkan perkara-perkara kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi, teknikal, kebudayaan dan perdagangan.

Semasa lawatan saya itu, dua perjanjian telah ditandatangani, iaitu,

- (i) Perjanjian Ekonomi dan Kerjasama Teknikal.
- (ii) Perjanjian Ekstradisi.

Dengan adanya Perjanjian Ekonomi dan Kerjasama Teknikal itu, hubungan dan kerjasama di bidang-bidang itu dapat dipertingkatkan lagi. Kedua-dua buah negara telah bersetuju untuk mengambil langkah yang konkrit bagi meningkatkan lagi perdagangan dua hala.

Perbincangan telah juga diadakan untuk mengujudkan satu program kebudayaan dalam usaha memajukan lagi kerjasama kebudayaan yang ada sekarang.

Saya telah berbincang dengan Perdana Menteri Morarji Desai dan Ahli-ahli Kabinetnya mengenai isu serantau dan antarabangsa, dan telah menerangkan kepada mereka kebimbangan ASEAN terhadap keadaan di Vietnam dan Kampuchea, masalah pendatang-pendatang haram dari Vietnam yang sedang dihadapi oleh Malaysia perkembangan di kalangan ASEAN.

Kita telah bersetuju untuk meningkatkan lagi hubungan melalui pertukaran-pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kedua buah negara.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, adakah sama sikap Perdana Menteri India waktu Yang Amat Berhormat melawat ketika itu dengan sikap Perdana Menteri yang baru ini.

Kedua, dalam hubungan kita antarabangsa serantau ini dan juga dalam blok berkecuali tidakkah dapat dijalankan lagi perundingan antara kita dengan India kerana ketika menghadapi perkara antarabangsa perkara-perkara yang dibawa oleh Malaysia itu tidak dipersetujui oleh Kerajaan India dalam dasar luar khasnya berhubung dengan usul Malaysia dalam perkara negara Indochina. Dapatkah ini dibetulkan pada masa yang akan datang.

**Perdana Menteri:** Tentang soalan pertama, saya tidak berapa jelas sikap mana, sikap peribadikah atau sikap berkenaan dengan polisi yang Ahli Berhormat maksudkan. Saya tidak berapa faham.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

**Perdana Menteri:** Saya tidak dapat menjawab soalan umum seperti itu.

Berkenaan dengan soalan yang lain atas perkara-perkara yang tepat, memang ada perbezaan di antara pendapat kita dengan India atas perkara-perkara berhubung dengan serantau dan antarabangsa dan ini memanglah perkara biasa oleh kerana kedua-dua negara ini ada dasar luar negerinya bersendirian.

Walaupun demikian, kita dapat bekerjasama dan mempunyai persefahaman di dalam beberapa perkara. Banyak juga perkara-perkara yang lain yang kita ada persefahaman di antara perkara-perkara dasar luar negeri dan antarabangsa. Ada juga pendapat-pendapat kita berlainan dengan pendapat mereka atas perkara-perkara yang tertentu.

Inilah satu daripada tujuan kita membuat lawatan ke negara-negara seumpama itu supaya pemimpin-pemimpin negara-negara itu dapat bertemu dan dapat mengenali pemimpin-pemimpin negara kita dan memahami pendirian masing-masing atas satu masalah yang tertentu yang ada kaitan dan faedahnya kepada kita. Kita akan mendapat penerangan mengenai sebab-sebab pendirian yang diambil oleh satu-satu negara itu seperti India. Selalunya kita tidak diterangkan secara umum. Pertemuan-pertemuan antara pemimpin-pemimpin dapat mendalami lagi fahaman-fahaman kita atas pendirian sebuah negara itu atas dasar-dasar atau tindakan-tindakan mengenai masalah-masalah antarabangsa.

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat sama ada beliau akan menimbang untuk berhubung dengan Perdana Menteri India yang baharu iaitu Puan Indira Gandhi atas pendirian Malaysia berkenaan dengan masalah Vietnam Kampuchea.

**Perdana Menteri:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat tahu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedang membuat lawatan ke India dan saya percaya beliau dapat berpeluang mengunjungi Perdana Menteri India yang baharu dan bertukar-tukar fikiran dan pendapat berkenaan masalah-masalah yang satu daripadanya sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa pada waktu lawatan ke India dan akhir-akhir ini Kerajaan India telah mengakui pemerintahan Heng Samrin, sedangkan kita mengakui Kerajaan Pol Pot di Kampuchea. Adakah dengan penghantaran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini bagi menerangkan atau memohon supaya Kerajaan India simpati dengan ASEAN supaya mengakui Pol Pot itu Kerajaan yang sah di Kampuchea.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini ialah hari akhir mesyuarat Dewan Negara yang nampaknya soalan tambahan makin banyak (*Ketawa*). Masalah ini, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui daripada akhbar, akan dibangkitkan dan dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada Perdana Menteri India yang baharu itu.

## KRAFTANGAN TRADISI

2. **Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan memandangkan kraftangan tradisi Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sedang memainkan peranan yang penting dalam ekonomi dan kebudayaan negara Malaysia dan semenjak Akta Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia diluluskan, kemajuan yang dicapai sehingga kini dan sama ada kajian bagi menyuburkan seni itu dan pemasaran barang-barang akan dapat disiapkan pada akhir tahun ini.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang baru saja ditubuhkan pada 1-10-1979

telahpun mengurus program-program pembangunan dan struktur organisasinya. Di antara lain Perbadanan tersebut telah:

1. menyertai 4 pameran-pameran perdagangan di luar negeri dan hasilnya pertanyaan-pertanyaan perdagangan mengenai barang-barang kraftangan telahpun mulai diterima.
2. melatih sekarang ini sebanyak 486 orang pelatih di berbagai bidang kraftangan.
3. mengkaji dan menguji beberapa teknik pengeluaran barang-barang kraftangan di samping mencipta rekaan-rekaan baru barang-barang kraftangan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar walaupun latihan telah kita wujudkan bahawa telah berlaku dengan penyuburan kraftangan ini iaitu kekurangan bahan-bahan yang dihadapi oleh ahli-ahli pertukangan tangan kita itu. Adakah Kementerian ini cuba hendak memberi bantuan matabenda kepada mereka.

Yang kedua, adakah diusahakan berhubung dengan pasaran kraftangan yang akan dikeluarkan oleh pengusaha itu sama ada pasaran dalam dan juga luar negeri.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Adalah menjadi dasar Perbadanan ini untuk sentiasa meneliti supaya bahan-bahan kraftangan itu akan sentiasa ada dan kadang-kadang pada masa-masa yang lepas memang ada berlaku kekurangan seperti kain-kain putih tetapi pada umumnya tidaklah begitu serius.

Berkenaan dengan pasaran pula, memanglah menjadi tanggungjawab perbadanan ini untuk mencari pasaran dalam negeri dan juga luar negeri dan di atas langkah-langkah yang diambil telahpun saya jawab bahawa kita telahpun ada menyertai pameran-pameran di luar negeri dan di dalam negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

## JAGUH-JAGUH SUKAN NEGARA

**3. Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengambil perhatian berat terhadap jaguh-jaguh sukan negara yang telah mengharumkan nama negeri ini dan sama ada beliau akan memberi keutamaan kepada mereka untuk memperoleh pekerjaan, membeli rumah dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Chin Hon Ngian):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa memberi perhatian berat kepada jaguh-jaguh sukan negara umpamanya memberi perakuan-perakuan, mendapatkan pertimbangan untuk pingat-pingat dan bintang-bintang kehormatan Negeri dan Persekutuan.

Berkenaan dengan memberi keutamaan kepada mereka untuk memperoleh pekerjaan, membeli rumah dan sebagainya, perkara ini terkeluar daripada bidang tugas Kementerian saya ini. Walau bagaimanapun, di mana yang boleh Kementerian saya memberi perakuan dan sokongan kepada pihak yang berkuasa yang berkenaan untuk memberi keutamaan kepada jaguh-jaguh sukan negara.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa seorang daripada jaguh sukan yang masyhur di negara kita ialah Encik Santokh Singh. Beliau akan mengundurkan diri daripada arena perlawanan bola sepak antarabangsa di negara kita dengan sebab beliau gagal tiga kali di dalam peperiksaan Jabatannya dalam PKNS. Sebab-sebab kegagalan itu ialah kerana banyak masa menumpukan latihan permainan akhirnya tidak berpeluang hendak membaca buku untuk peperiksaan. Adakah Yang Berhormat boleh berunding dengan PKNS supaya beliau boleh dinaikkan pangkat dengan cara istimewa supaya dapat beliau menyambung lagi tenaganya dalam arena boleh sepak negara kita.

**Tuan Chin Hon Ngian:** Tuan Yang di-Pertua, perkara Encik Santokh Singh ini adalah perkara yang baharu timbul, jadi kita belum dapat apa-apa maklumat yang lanjut, saya minta notis.

## KILANG-KILANG PERUSAHAAN DI PERAK

**4. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan kilang-kilang perusahaan yang telah dibangunkan di Malaysia dan bilangan yang terdapat di negeri Perak semenjak tahun 1970;
- (b) bilakah perusahaan projek simen di Padang Rengas akan dimula dan jumlah modal yang dianggarkan bagi projek tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian saya tidak dapat memberikan bilangan yang tepat tetapi berdasarkan rekod-rekod simpanan kami bagi jangka waktu 1-1-1970 sehingga 30-6-1979 jumlah bilangan projek-projek yang telah diluluskan dan dilaksanakan di seluruh Malaysia adalah lebih kurang 2,200 dan bilangan yang terdapat di negeri Perak adalah sebanyak 184 buah.
- (b) Perusahaan projek simen di Padang Rengas, Negeri Perak dijangka bermula Pengeluaran pada tahun 1983 dan ianya melibatkan Perbelanjaan modal sebanyak \$375 juta.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Jawapan bahagian (b), projek ini akan dibangunkan pada tahun 1983 dengan modal sebanyak \$375 juta. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat dari Kementerian tersebut, adakah ini usahasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Perbadanan Negeri Perak ataupun joint venture dengan luar negeri?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, projek simen ini akan ditubuhkan di Padang Rengas Perak ialah satu usahasama di antara SEDC Perak dengan Hoon Lai Group daripada Korea.

## PENERBITAN TV NEGARA ASEAN

**5. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada TV Malaysia akan mengadakan rancangan TV dari

negara Thai, Filipina, Indonesia dan Singapura sebagai memenuhi hasrat kerjasama dalam bidang ini di kalangan negara-negara anggota ASEAN.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan itu adalah ia, jika institusi-institusi penyiaran di negara-negara ASEAN itu menawarkan bahan-bahan penerbitan TV mereka untuk siaran RTM dan penerbitan-penerbitan TV itu mencerminkan semangat dan aktiviti kerjasama ASEAN di samping tidak mengeneipkan kepentingan rakyat dan negara Malaysia. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, RTM telah menyiarkan tiga rancangan terbitan bersama negara-negara ASEAN iaitu rancangan ASEANIKA dan dari pertukaran filem rencana di kalangan negara-negara ASEAN, RTM ada menyiarkan filem-filem rencana berhubung dengan perusahaan kampung atau cottage industry negara-negara tersebut.

## PERJANJIAN ASEAN

**6. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Malaysia dan negara-negara ASEAN selain daripada berpegang kuat kepada dasar keamanan, kebebasan dan berkecuali telah juga memperkuat dan mengukuhkan tentera bersama untuk menjaga dan mengawal keamanan dan kebebasan di rantau ini; jika ya, sama ada satu pakatan bersama telah atau akan diadakan untuk tujuan ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Perjanjian ASEAN bukanlah merupakan satu pakatan tentera. Tujuan asasnya ialah untuk mencapai kemajuan dari segi sosial dan dari segi ekonomi untuk rakyat serantau. Dari semenjak penubuhannya dalam tahun 1965 oleh kerana adanya perjanjian ini sebagai asas (basis) maka timbullah satu keadaan ASEAN itu, ASEAN ini, pemikiran rakyat sekarang ini semuanya ASEAN, bermakna the new state of mind, ASEAN state of mind sudah wujud. Oleh kerana adanya pemikiran begini maka teruslah terserah kerjasama bukan sahaja dari segi ekonomi, bukan sahaja dari segi sosial tetapi apa sahaja yang ada sangkut-paut dan kena-mengena antara satu sama lain. Kerana apa? Kerana rakyat

mendokong ASEAN sehingga rakyat berasa kalau satu negara ASEAN terancam, yang lain berasa pula terancam. Dengan state of mind inilah maka segala persiapan sekarang sedang disediakan untuk menjaga keselamatan ASEAN dengan cara itu mendapat menjaga keselamatan keseluruhannya.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kedudukan dunia sekarang bertambah merunging adalah pada 16 haribulan ini Yang Berhormat Menteri Luar Indonesia merayu kepada Amerika Syarikat supaya negara mereka itu membantu lagi penjualan dan segala bantuan kelengkapan tentera kepada negara-negara Asia Tenggara supaya dapat diperkemaskan lagi pertahanan mereka. Soalan saya sama ada Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan rayuan itu dan akan menimbang membuat sedemikian juga.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kebijaksanaan terikat kepada kita sendiri, iaitu kalau perlu kita cari dan berikhtiar di mana sahaja senjata ini boleh dapat. Bagi pihak kita insya Allah kerana kita telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen iaitu \$2.9 billion untuk membeli senjata tidak payahlah kita minta daripada orang tetapi di mana kita dapat beli senjata ini, insya Allah kita beli.

#### BEKALAN ELEKTRIK KE PEKAN KARAK

7. **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab mengapa hingga sekarang LLN tidak membekalkan sendiri kuasa elektrik ke Pekan Karak, Pahang tetapi telah memberi kontrak pembekalan elektrik kepada sebuah syarikat swasta dan ini telah mengakibatkan kesusahan kepada orang ramai dan kadar pembayaran pun lebih tinggi.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, LLN tidak dapat membekalkan sendiri kuasa elektrik ke Pekan Karak oleh kerana pembekalan ini akan melibatkan pengambilan alih ke atas syarikat swasta yang sedang membekalkan kuasa elektrik di kawasan itu pada masa sekarang. Pengambilan alih ini akan melibatkan

perbelanjaan sebanyak \$1.67 juta, sedangkan peruntukan bagi projek bekalan elektrik di negeri Pahang telahpun digunakan untuk melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan sebelum ini.

Walaupun bagaimanapun, sukalah saya maklumkan kepada Yang Berhormat Kementerian ini sedang pertimbangan untuk melaksanakan pengambilan alih ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat nanti.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar Pekan Karak di Pahang telah dipotong bekalan elektrik 24 jam oleh kontrak pembekal di pekan itu. Apakah sebab maka keadaan itu berubah dan apakah pandangan Kerajaan, khasnya LLN dalam perkara ini?

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bekalan elektrik ke Pekan Karak telah dipotong daripada 24 jam ke 12 jam. Ini adalah disebabkan oleh kesukaran untuk mendapat bekalan diesel daripada pihak yang berkenaan. Lembaga Letrik Negara telah membuat syor kepada pihak swasta yang berkenaan untuk mengambil bekalan diesel daripada pihak yang lain, umpamanya, daripada PETRONAS jika pihak itu dapat menyediakan pengangkutannya sendiri. Jadi perkara ini sedang diusahakan di antara Lembaga Letrik Negara dan syarikat swasta. Walau bagaimanapun, untuk menjamin bekalan yang lebih baik saya rasa tidak ada jalan lain selain daripada mengambil alih bekalan elektrik ke Pekan Karak ini oleh Lembaga Letrik Negara sendiri.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa bekalan elektrik kepada orang ramai yang diusahakan oleh syarikat swasta itu mengalami berbagai-bagai kesulitan, kesusahan, termasuk sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, kadangkala tengah duduk, apinya padam. Jadi kesulitan ini dialami oleh pengguna elektrik yang diusahakan oleh swasta. Tidakkah Kerajaan dapat mengkaji satu ketika kelak bahawa semua bekalan elektrik yang diusahakan oleh swasta itu patut diambil alih oleh LLN walau perbelanjaan besar?

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, itu memanglah matlamat kita untuk mengambil-alih bekalan elektrik ke seluruh negara, tetapi kita harus sedar bahawa bekalan elektrik ke seluruh negara ini kita tidak dapat capai dalam sekali gus, serentak, tetapi akan dilaksanakan berperingkat-peringkat kerana bukan sahaja melibatkan peruntukan yang besar tetapi daripada segi teknikal juga kita perlu mengatasi beberapa masalah, seperti penyambungan talian negara (national grid) ke seluruh negara. Jadi kena buatlah berperingkat-peringkat.

### JUALAN BARANG TIRUAN

**8. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengawal penjualan barang-barang tiruan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang ingin mendapat keuntungan cepat tanpa mengira akibat buruk kepada pengguna.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedar mengenai amalan menjual barang-barang tiruan di negara ini tetapi sukalah saya memaklumkan iaitu masalah ini bukanlah merupakan satu masalah yang berleluasa di seluruh negara. Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang terlibat di dalam menjalankan amalan tersebut tanpa mengira sama ada mereka itu pengeluar atau ahli peniaga biasa.

Tindakan-tindakan yang dijalankan oleh Kementerian saya adalah dilakukan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 yang mana Pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasa dilengkapkan dengan peruntukan kuasa bagi bertindak terhadap mereka yang melakukan amalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31hb Oktober, 1979 sebanyak 562 tindakan telah diambil di bawah Akta tersebut dan jumlah denda yang dikenakan ke atas mereka bagi tempoh masa yang sama ialah sebanyak \$161,867.

Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan iaitu kerjasama dari semua pihak, terutama sekali daripada pengguna-pengguna

adalah amat perlu. Orang-orang ramai hendaklah melaporkan kepada Kementerian saya jika sekiranya mereka mengetahui ada pihak-pihak yang terlibat dalam amalan menjual atau mengeluarkan barang-barang tiruan supaya dapat tindakan yang tegas diambil oleh Kementerian saya.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam barang tiruan yang disebut dalam soalan ini Kementerian kita telah mengambil tindakan yang begitu cergas kita patut berikan kepujian. Cuma saya hendak tahu dapatkah dikesan barang-barang tiruan ini adakah dikeluarkan oleh pengilang luar ataupun pengilang tempatan.

Kedua, apakah kaedah-kaedah yang diberi oleh Kementerian ini kepada pengguna atau orang ramai bahawa dapat mengetahui barang yang dikeluarkan itu barang tiruan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan bahagian pertama, boleh dikatakan seluruh barang tiruan yang kita rampas itu ialah dikeluarkan daripada kilang tempatan tetapi ini bukan kilang yang diluluskan oleh Kementerian saya tetapi kilang haram.

Mengenai soalan kedua . . . .

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Apakah kaedah atau panduan yang diberikan oleh Kementerian ini kepada orang ramai supaya dapat mengesan barang yang digunakan itu barang tiruan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Berkenaan ini selalu pembuat atau kilang-kilang yang mengeluarkan barang yang dituduh sebagai tiruan itu buat laporan kepada Kementerian saya dan apabila rampasan berlaku, Pengarah-pengarah atau urusan daripada kilang itu dijemput untuk mempastikan sama ada barang itu barang tiruan atau barang genuine.

### TENTERA UDARA DI RAJA MALAYSIA—PENAMBAHAN JET PEJUANG

**9. Tuan Yap Peng** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau akan menambakan bilangan jet pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia (Jet fighters).

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin lagi. Rancangan sememangnya ada untuk menambahkan bilangan jet pejuang (jet fighters) yang disebut di sini seperti yang telah diterangkan di dalam Belanjawan 1980 bagi Kementerian Pertahanan yang telah diluluskan. Untuk mengingatkan angkanya iaitu lebih daripada \$1.5 million adalah diperuntukkan untuk pembangunan dan sebahagian besar daripada ini, saya rasa hampir 40% diuntukkan pada pembangunan Angkatan Udara. Jadi memang ada rancangannya yang kita hendak membuat sekurang-kurangnya untuk jet fighters sahaja, sekurang-kurangnya kita hendak mengadakan tiga squadrons, tetapi kapal apa dan jenis apakah yang kita mesti beli sekarang sedang di dalam kajian yang sangat teliti kerana kita terpaksa memikirkan apa juga jenis yang ditawarkan itu adalah sesuai untuk digunakan di sini dan juga mengikut soalnya tadi supaya boleh digunakan bersama untuk membantu teman-teman kita.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa satu ketika dahulu ada penyelewengan dalam pembelian kapal-terbang. Adakah Kerajaan bercadang dan memberi jaminan kepada Dewan ini pada masa yang akan datang ini Kerajaan membeli kapal-terbang di antara Kerajaan dengan Kerajaan dengan tidak melalui orang ketiga.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, cara pembelian itu bergantunglah kepada macam mana perkara itu dikehendaki oleh si penjual, tetapi jaminan yang kita beri iaitu kita sentiasa memperketatkan soal adakah penyelewengan ini atau tidak. Sejauh itu bolehlah jaminan diberi oleh Kerajaan.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan kita akan terus teringat adakah sesuai untuk menambahkan Tentera Udara Malaysia. Begitu juga jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan beberapa lama dahulu, Kerajaan juga menimbang atau ingat hendak membeli kereta kebal. Jadi kita akan ingat sahajalah. Apa akan jadi pun, kita terus ingat sahaja.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita semua maklum iaitu Tentera Udara Singapura telah menjalankan latihan di beberapa negara luar seperti Filipina dan lain-lain tempat. Adakah Tentera Udara Malaysia menjalankan latihan-latihan selain daripada Malaysia pada masa sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan lain.

## DASAR PERTANIAN NEGARA

**10. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Dasar Pertanian Nasional yang selalu disebut-sebut itu sudah siap dan sama ada pendapatan dan teguran daripada orang ramai atau daripada mereka yang berkaitan dengan pertanian dan bidang-bidang yang lain yang berhubung dengannya akan dipertimbangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, deraf laporan mengenai Dasar Pertanian Negara telahpun disiapkan dan sedang dalam penelitiannya bagi tujuan memperkemaskan lagi. Deraf laporan itu akan dikemukakan bagi pertimbangan dan persetujuan Jawatankuasa Kabinet Penggubal Dasar Pertanian Negara sebelum laporan itu disampaikan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangannya. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan tindakan untuk menggubal Dasar Pertanian Negara itu telah disyorkan oleh Jemaah Menteri.

Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam mengambil tindakan untuk menggubal dasar pertanian itu, kita telah memperolehi pendapat-pendapat dari mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan, iaitu mereka yang dianggap pakar mengenai perkara-perkara dalam bidang pertanian, selain dari memperolehi pendapat-pendapat dari agensi-agensi Kerajaan sendiri. Langkah ini telah diambil dengan cara mereka ini dilantik sebagai ahli-ahli di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Teknikal dan beberapa lagi Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil yang telah ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Kabinet dalam kerja-kerja penggubalan

dasar itu. Dengan cara-cara ini maka diharapkan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan yang menyeluruh mengenai pertanian diperolehi dengan tujuan supaya dasar tersebut adalah lengkap dan selaras dengan perkembangan ekonomi negara.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa Dasar Pertanian Nasional akan dilahirkan dalam masa tidak berapa lama lagi. Adakah Kementerian ini sedar selama ini pertanian yang diamalkan oleh rakyat negeri ini ialah mengikut jejak langkah dasar pertanian penjajah. Dengan diwujudkan Dasar Pertanian Nasional ini, adakah Kementerian ini mengambil asas-asas daripada dasar pertanian yang dibuat oleh penjajah dahulu dan adakah termasuk dalam Jawatankuasa atau yang memberikan pandangan ini Yang Berhormat Mulia Professor Ungku Aziz.

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, dasar pertanian ataupun aktiviti-aktiviti pertanian yang dijalankan sekarang ini iaitu sebelum Dasar Pertanian Negara yang baru dikeluarkan nanti adalah berasaskan kepada dasar-dasar yang ditentukan oleh Kerajaan kita selama ini iaitu selepas kita merdeka melalui Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Rancangan Buku Hijau dan sebagainya. Tidakkah betul jika dikatakan sekarang ini kita mengikut dasar pertanian penjajah sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pandangan-pandangan yang diperolehi untuk menggubal dasar ini adalah termasuk pandangan-pandangan yang diperolehi dari semua pakar-pakar termasuk pakar-pakar akademik dan ada wakil-wakil daripada universiti-universiti tempatan yang dilantik di dalam Jawatankuasa Teknikal membantu Jawatankuasa Kabinet untuk menggubal dasar pertanian ini.

#### PERMOHONAN LESEN TEKSI

**11. Tuan Alexander Lee** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada terdapat garis-garis panduan tentang pengeluaran lesen-lesen teksi bagi permohonan-permohonan yang dibuat dan berapa per-

mohonan-permohonan yang masih di bawah perhatian dan berapa lesen-lesen yang baru yang akan dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan bagi Wilayah Persekutuan.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam memang mempunyai garis panduan tentang pemberian lesen-lesen teksi kepada sesuatu permohonan dan ini telahpun dijelaskan dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah Sheikh Hussain pada 21-12-1979.

Permohonan lesen teksi yang masih dalam perhatian hingga 31-12-1979 adalah berjumlah 14,251 yang mana 1,398 adalah permohonan-permohonan untuk mendapat lesen teksi Bandaraya Kuala Lumpur.

Pengeluaran lesen-lesen teksi bagi Wilayah Persekutuan adalah bergantung kepada keperluannya dan juga kepada kajian menyeluruh yang sedang dibuat untuk menyusun kehendak-kehendak perkhidmatan pengangkutan di dalam Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang sedang dilakukan oleh Kementerian.

#### KELAHIRAN ANAK RAKYAT SINGAPURA DI MALAYSIA

**12. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan khasnya Jabatan Imigrasi untuk menyekat rakyat Singapura yang datang ke Malaysia dengan tujuan melahirkan anak mereka di hospital di negara ini khasnya di Johor Bahru dan setakat ini berapa orang bayi demikian yang telah diberi taraf kewarganegaraan Malaysia.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang boleh kita sekat warganegara-warganegara Singapura wanita masuk ke Malaysia sekiranya disyaki dia akan melahirkan anaknya di sini. Sejak bulan September ini kita telahpun mencuba bermacam-macam cara tetapi yang menjadi masalahnya masa ini iaitu payah hendak menentukan ibu itu mengandung hampir bersalin atau tidak kerana saya enggan memberi kuasa kepada

pegawai pemeriksa kalau dia itu memakai baju kurung labuh hendak meraba dan hendak menentukan.

Mengikut peraturan kita janganlah khuatir sangat. Kalau sekiranya kekhuatiran kita itu disebabkan oleh ada sangkaan bahawa kalau anaknya dilahirkan di Malaysia maka dia akan menjadi warganegara, undang-undang kita tidak membuat peruntukan begitu. Jadi kita tidak payah khuatir. Kalau seseorang daripada ibu atau ayahnya itu sudah memang warganegara Malaysia, itu walau dilahirkan di Singapura pun dia boleh mendaftarkan anaknya di sini. Jadi ini jangan kita khuatirkan tetapi yang jadi berat itu iaitu belanja yang dibebankan kepada kita oleh sebab adanya perkara ini berlaku. Umpamanya, di Hospital Johor. Kenalah saya berpakat dengan rakan saya iaitu Menteri Kesihatan untuk mencari jalan bagaimana kita boleh mengaturkan perkara ini melainkan atas dasar peri kemanusiaan, umpamanya hampir sangat hendak pecah ketuban, ini kita terima. Selain dari itu kita suruh dia pergi ke klinik swasta. Ini sedang difikirkan bersama dengan Kementerian Kesihatan.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tidak lagi masam menjawab soalan ini seperti semalam. Saya hendak bertanya bolehkah mulai pada hari ini sebarang rakyat daripada negara asing yang nampak besar sedikit perutnya itu datang ke sini jangan diberi masuk, sebab kita tak sanggup lagi hendak menanggung beban yang demikian, bukan sahaja saya rasa untuk menyelamatkan negara daripada kedatangan warganegara asing tetapi perbelanjaan mereka kita terpaksa ditanggung. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri istiharkan pada hari ini rakyat negara asing tak boleh dibenarkan lagi datang ke sini—maksud saya tak dibenarkan itu kepada yang besar perut (*Ketawa*) yang akan melahirkan anak di sini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Ini sangat rumit, Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini bersangkut-paut dengan bermacam-macam perkara. Kalau orang itu besar perut bukan maknanya hamil, busungpun buncit juga (*Ketawa*). Soalnya sekarang kita menjaga kepentingan negara, dari segi kepentingan kita, dari

segi kerakyatan, itu kita tidak khuatir. Dari segi beban belanja yang ditanggung oleh Kementerian Kesihatan itu sekarang kita usahakan untuk menjauhkan daripada tambahan beban lagi.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Saya sangat senang hati kerana masalah kerakyatan anak-anak asing yang dilahirkan di Malaysia itu tak ada soal, walau macam mana mereka itu tidak akan menjadi rakyat Malaysia. Saya cuma hendak membuat soalan kepada Menteri berkenaan mengenai peri kemanusiaan yang dikatakan itu, Singapura dan Malaysia ini adalah anggota ASEAN malahan pula perhubungan keluarga antara Singapura dengan Malaysia ini sangat erat. Jadi apakah salahnya dibenarkan walaupun dia bunting besar atau kecil dibenarkan masuk ke Malaysia, sekiranya mereka melahirkan ditentukan mereka hendaklah pergi ke hospital swasta, tidak di hospital Kerajaan. Tegaskan orang hamil hendak datang ke mari datanglah oleh sebab keluarga tetapi bila hendak lahirkan anak, tidak boleh mereka pergi ke hospital Kerajaan, bolehkah dibuat begitu?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu daripada perkara yang masuk di dalam pertimbangan bersama dengan Kementerian Kesihatan iaitu mengizinkan mereka ke mari tetapi jangan masuk hospital Kerajaan, pergilah ke hospital swasta.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Apakah jawapan Kementerian Kesihatan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, itu usul yang dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Michael Wong Kuan Lee.

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

#### BELANJAWAN 1980— KAWALAN INFLASI

**13. Datuk Dr Wee Khoo Hock** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan Belanjawan yang

diumumkan oleh beliau baru-baru ini bagi tahun 1980, apakah tindakan yang akan diambil untuk menjamin supaya inflasi boleh dan akan dikawal.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telahpun menerangkan dengan panjang lebar langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membendung inflasi dalam Perutusan Belanjawannya kepada Dewan ini pada 10hb Disember, 1979.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan juga telah menerangkan perkara yang sama apabila menjawab satu soalan di Dewan ini pada 9hb Januari, 1980. Oleh itu adalah jelas bahawa Kerajaan memberi perhatian berat kepada usaha-usaha untuk membendung inflasi supaya memperhatikan masalah kadar inflasi yang lebih tinggi di negara-negara perindustrian yang utama dan kos tenaga yang tinggi tidak akan memburukkan lagi keadaan inflasi yang sederhana yang telah kita nikmati sejak beberapa tahun yang lalu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Dapatkah dipastikan oleh Kementerian Kesihatan ini bahawa pesakit-pesakit puan ini adakah datang dari dalam Malaysia ini atau sengaja didatangkan daripada negara jiran seperti Haadyai, Padang Besar dengan sebab itu banyak penyakit puan ini di sebelah utara, dapatkah dipastikan perkara ini?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Kita pastikan pesakit-pesakit, Tuan Yang di-Pertua, daripada alamat dan daripada Kad Pengenalan mereka sama ada pesakit itu datang dari sebelah utara atau dari dalam Malaysia.

#### PAKAR SAKIT PUAN/SAKIT MATA DI PERLIS

**14. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa pada masa sekarang tidak ada seorang pakar sakit puan dan pakar mata yang berkhidmat tetap di Perlis, adakah Kementerian bercadang menghantar pakar-

pakar tersebut ke sana untuk mengurangkan beban doktor-doktor yang semakin kurang bilangannya di situ disebabkan perletakkan jawatan, pertukaran dan kenaikan pangkat.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar tentang masalah kekosongan jawatan Pakar Perbidanan dan Sakitpuan dan Pakar Mata di Negeri Perlis dan Kementerian ini sedang berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan pakar-pakar tersebut untuk ditempatkan di Negeri ini. Walau bagaimanapun, sebagai satu langkah sementara, Kementerian ini telah menguruskan supaya Pakar Perbidanan dan Sakitpuan dari Hospital Besar Alor Setar bertugas di Hospital Besar Kangar 3 hari seminggu dan juga Pakar Mata dari Hospital Besar Alor Setar bertugas sehari seminggu di Hospital Besar Kangar.

#### RASUAH—BILANGAN KES 1978/1979

**15. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan bilangan kes-kes rasuah yang telah dapat didakwa di mahkamah dalam tahun 1978 dan 1979 dan bilangan kakitangan Kerajaan dan orang awam yang bersabit dalam kes-kes yang tersebut.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1979 seramai 241 orang telah dihadapkan ke mahkamah di atas tuduhan rasuah atau tuduhan bersangkutan-paut dengan rasuah dan mereka adalah terdiri daripada 203 orang kakitangan Kerajaan dan 138 orang-orang awam. Bagi tahun 1979 sehingga bulan Disember sejumlah 188 orang telah dihadapkan ke mahkamah di atas tuduhan seperti tersebut tadi. Di antara mereka 101 orang ialah kakitangan Kerajaan dan bakinya seramai 87 orang ialah orang awam.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, macam manakah surat layang berkenaan dengan rasuah yang boleh dipakai dan diambil tindakan oleh Yang Berhormat Menteri?

Kedua, tadi diterangkan pecahannya dan jawatan-jawatan apakah, adakah teknikal ataupun ikhtisas ataupun apakah pecahan jawatan-jawatan itu?

Ketiga, adakah pegawai yang membuang masa di kantin-kantin waktu masa bekerja itu juga diambil tindakan?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan tambahan yang pertama, pihak BSN boleh mengambil tindakan di atas surat-surat layang dengan syarat ada asas apa yang dikatakan dalam surat-surat layang itu.

Kedua, bagi tahun 1978 seramai 241 orang, pecahannya adalah seperti berikut:

3 orang ...	Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas
23 orang ...	Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas
56 orang ...	Kumpulan Perkeranian dan Teknik
21 orang ...	Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar
138 orang ...	Orang awam

Bagi tahun 1979—188 orang, pecahannya adalah seperti berikut:

2 orang ...	Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas
8 orang ...	Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas
14 orang ...	Kumpulan Perkeranian dan Teknik
77 orang ...	Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar

Mengenai soalan ketiga, pihak BSN boleh mengambil tindakan di atas pegawai Kerajaan yang membuang masa terlalu banyak di kantin-kantin dengan melaporkan kepada Kementerian berkenaan ataupun Ketua Jabatan setelah siasatan dibuat untuk tindakan lanjut oleh Kementerian ataupun Ketua Jabatan itu.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tahun 1979 sahaja pegawai Kerajaan yang sudah ditangkap 101 orang, orang awam 87 orang. Oleh sebab pentadbiran Kerajaan

sebagaimana yang diperlukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendaklah tegas dan bersih, saya hendak bertanya mengenai 101 orang yang ditangkap itu, adakah telah dihukum, dibuang kerja terus mana yang terlampau jahat, terlampau banyak rasuah, ada berapa orang yang dibuang kerja daripada 101 orang itu, atau bagaimanakah hukumannya 101 orang itu, adakah diberi amaran sahaja atau didenda ataupun dibuang kerja?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau berkehendak kepada angka itu, saya berkehendakkan notis, tetapi lazimnya setelah seseorang itu didapati salah dan dihukum maka akibatnya mereka dibuang kerja.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Hasrat Kerajaan ialah untuk mengadakan atau memberi pentadbiran yang bersih kepada rakyat dan dengan tujuan itu, saya ingin tahu, adakah ahli-ahli politik terlibat dalam rasuah, dan jika ada, adakah mereka dibawa ke mahkamah?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Kurang dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak dengar!

**Tuan T. S. Gabriel:** Ahli-ahli politik (politicians) (*Ketawa*).

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Kalau bertanya sama ada di antara mereka yang dihukum ini ada termasuk orang politik atau tidak, jawapannya ada.

#### PERBELANJAAN KEMATIAN TAN SRI V. MANICKAVASAGAM

**16. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Perdana Menteri memandangkan salah seorang Menteri telah meninggal dunia baru-baru ini:

(a) jenis penghormatan yang telah diberikan atas kematian mendiang Tan Sri V. Manickavasagam dan sama ada Kerajaan sendiri yang bertanggungjawab atas semua perbelanjaan atas kematian mendiang Tan Sri itu;

- (b) jumlah perbelanjaan yang terlibat atas pengkebumian itu;
- (c) sama ada penghormatan serupa akan diberikan kepada Menteri-menteri Kabinet yang lain.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai (a), seperti Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa Yang Berhormat mendiang Tan Sri V. Manickavasagam telah meninggal dunia pada petang 12hb Oktober, 1979. Perarakan rasmi dengan penuh penghormatan dan istiadat telah diadakan daripada rumahnya di Lorong Duta Satu, Kuala Lumpur ke Bangunan Parlimen. Mayatnya telah selamat disempurnakan pada petang 14hb Oktober, 1979, di tempat perkuburan di Kelang. Kerajaan tidak bertanggungjawab atas semua perbelanjaan bagi menyempurnakan mayatnya selain daripada mengadakan istiadat rasmi iaitu upacara perarakan.

Mengenai (b), perbelanjaan lain yang terlibat adalah berjumlah \$800. Ini adalah bagi perbelanjaan untuk membina bangsal (shed) oleh pihak Jabatan Kerjaraya untuk mereka yang melawat ke rumah mendiang Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam dan perbelanjaan petrol bagi motorsikal dan lain-lain kenderaan polis dalam urusan mengawal keselamatan dan lalulintas.

Menjawab soalan (c) pula, pihak Kerajaan memang ada peraturan-peraturan yang tertentu dan mengadakan istiadat rasmi terhadap pengkebumian pembesar-pembesar negara yang mana termasuklah pengkebumian Ahli-ahli Jemaah Menteri. Penghormatan rasmi Kerajaan adalah mengikut keadaan dan masa serta tertakluk juga kepada kehendak keluarga yang berkenaan.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama saya ingin tahu kenapa pada satu masa dahulu mendiang Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam ini dipanggil dengan nama Abdul Samad.

Kedua, di waktu pilihanraya di Kelang dahulu bahawa Tan Sri ini bernama . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, ini tidak kena-mengena dengan soalan asal dan tidak diizinkan bertanya.

Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 17.

#### INSPEKTOR POLIS BERIJAZAH BARRISTER-AT-LAW

**17. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah (di bawah S.O. 23 (2))** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa ramai Inspektor Polis yang mempunyai ijazah Barrister-at-Law berhenti berkhidmat oleh kerana kekurangan peluang kenaikan pangkat, jika ya, adakah terdapat sebarang langkah untuk membetulkan perkara ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, waktu saya diberi tugas untuk menjaga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, satu daripada langkah yang saya arahkan kepada Jabatan Polis iaitu mempertingkatkan lagi kecekapannya dan satu daripada langkah yang telah diambil untuk mengisi hasrat itu supaya lebih kelibarnya mereka yang bekerja sebagai pegawai polis iaitu menghantar Inspektor-inspektor muda yang berbakat untuk belajar di mana-mana pun bagi menambahkan pengetahuannya mendapat degree dan sebagainya. Di dalam angka ini daripada tahun 1975 hingga 1979 untuk mengambil pelajaran undang-undang sahaja kita sudah mengiriskan 38 Inspektor, 23 daripada mereka sudah pulang dapat ijazah iaitu mengikut program kita daripada tahun 1975 dan kita masih akan menghantar lagi mereka ini keluar. Tetapi malangnya memang benar 14 daripada yang sudah balik itu berhenti, ini betul. Mereka berhenti bukan alasan kerana tidak dapat peluang kenaikan pangkat dan sebagainya kerana 7 daripadanya berhenti sebelum temuduga walaupun mereka sudah dipanggil temuduga dan 7 lagi berhenti sudah temuduga tetapi belum lagi dapat jawapan hasil temuduga. Alasan yang sebanyak kita tahu mereka ini suka bekerja sendiri kerana lebih lumayan, itu yang pertama.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf menyatakan hal ini bila mereka dapat sahaja degree itu, mereka berasa mereka berhak melompat ke atas dan mereka sudah pandang rendah pada orang

lain. Jadi kita di dalam polis mempunyai satu cara bukan sahaja degree itu yang boleh menjadi pegawai polis yang pandai, yang baik—banyak lagi, kewibawaan yang kita mesti tonjolkan untuk menentukan kebolehan seseorang pegawai polis, dengan alasan inilah maka ada yang berhenti. Saya sudah menasihatkan kepada mereka yang masih ada, dan berterima kasih kepada mereka yang masih ada ingatkan kepentingan untuk negara dan kesempatan yang diberi oleh negara kepada mereka. Janganlah mementingkan banyak sangat kepentingan diri di dalam hal ini menggunakan scholarship ini sebagai tempat untuk meloncat ke tempat yang lain.

### UMUR WANITA/LELAKI— JANGKAAN

**18. Puan Zawiah binti Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengikut Laporan Ekonomi 1979/1980 umur wanita lebih panjang dari umur kaum laki-laki iaitu mengikut perangkaan bagi tahun 1973 hingga 1977, dan sama ada pihak Kerajaan akan membuat kajian di atas sebab-sebab kematian umpamanya mati sakit, kemalangan jalanraya dan sebagainya yang menyebabkan kaum laki-laki pendek umur dari kaum wanita.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah mengemukakan satu soalan yang agak menarik. Suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa keadaan seperti ini bukan sahaja terdapat di Malaysia tetapi terdapat juga di peringkat antarabangsa di mana perangkaan kesihatan (health statistics) menunjukkan bahawa jangkaan umur kaum wanita adalah lebih panjang daripada kaum lelaki iaitu lebih kurang 2 tahun. Adalah juga diakui di peringkat antarabangsa oleh kuasa-kuasa Kesihatan bahawa kependekan umur kaum lelaki adalah disebabkan mereka lebih terlibat dengan tekanan dan ketegangan kehidupan seharian. Tekanan dan ketegangan mental serta pendedahan kepada kecederaan-kecederaan dan trauma mengakibatkan lebih banyak berlakunya penyakit-penyakit jantung “cardiovascular diseases” dan kemalangan-kemalangan di kalangan kaum lelaki. Keadaan ini juga adalah dipengaruhi

oleh tabiat sosial kaum lelaki seperti minum minuman keras dan merokok yang dianggapkan merbahaya kepada kesihatan.

Mengikut apa yang saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dari segi kajibaka (genetics) spesis lelaki lebih lemah dari spesis perempuan semasa dalam kandungan; oleh itu kematian bayi lelaki lebih ramai dari bayi perempuan dalam tempoh umur satu tahun adalah perkara biasa. Di peringkat dewasa pula, lelaki yang dianggap sebagai jantina yang lebih kuat adalah terdedah kepada kerja-kerja fizikal dan lain-lain tekanan juga tekanan mental, berbanding dengan perempuan kedua-dua dalam pekerjaan dan suasana di rumah dan ini memberikan kesan terhadap tempoh hidup. Dari segi fisiologi, wanita dilengkapkan lebih baik daripada lelaki untuk menghadapi tekanan hidup dan dibekalkan dengan mekanisma-mekanisma perlindungan tertentu (preventive mechanism) bagi tujuan ini—umpamanya pengeluaran hormon-hormon khas dan mekanisma menangis yang dapat melepaskan tekanan—perempuan lebih selalu menangis daripada lelaki. Selepas wanita sampai ke peringkat “menopause”, perbezaan tempoh hidup antara lelaki dan perempuan dengan segera menjadi kecil.

Adalah rekaan Maha Pencipta bahawa spesis perempuan patut hidup lebih lama berbanding dengan lelaki untuk memastikan pengujudan terus spesis-spesis, kalau tidak spesis-spesis telah lama pupus.

Adalah difikir tidak perlu dijalankan kajian sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya mengucap terima kasih.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam kajihayat human physical, physiology dan sebagainya lelaki lebih muda daripada wanita. Adakah sampai ke situ kajian atau sekarang dalam kajian Kementerian Kesihatan bahawa lelaki lebih muda daripada perempuan yang se peringkat umurnya. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, atau boleh memberi petua yang lain di dalam Dewan ini.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu tidak begitu terang—lebih muda daripada segi umur atau daripada rupa mukanya; ini yang saya hendak minta penjelasan.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Dari segi rupa mukanya, dari segi tenaganya dan dari segi kelaki-lakiannya (*Ketawa*).

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi muka, ini tidak dapat dipastikan kerana kadangkala ada lelaki itu nampak lebih muda daripada perempuan dan juga sebaliknya. Daripada segi tenaga dan kelaki-lakiannya, saya rasa tenaga lelaki lebih kuat daripada perempuan (*Ketawa*).

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju iaitu salah satu alasan ialah “nagging”?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin itu salah satu daripada sebabnya oleh kerana “nagging” itu merupakan satu perkara yang boleh mengakibatkan mental pressure dan satu tekanan emosi yang tidak baik terhadap lelaki dan jikalau itu merupakan salah satu daripada faktor-nya adalah diharapkan supaya isteri-isteri jangan “nagging” (*Ketawa*).

#### STESYEN MINYAK DIESEL PETRONAS

**19. Tuan Haji Abdul Samad bin Said** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan stesyen minyak disel yang telah didirikan oleh PETRONAS.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa ini PETRONAS telah mendirikan sebanyak 17 buah stesyen disel, iaitu:

Selangor/Wilayah Persekutuan	...	...	6 buah
Melaka	...	...	3 ..
Johor	...	...	3 ..
Kelantan	...	...	1 ..
Trengganu	...	...	1 ..
Kedah	...	...	1 ..
Negeri Sembilan	...	...	1 ..
Pahang	...	...	1 ..

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang hendak mendirikan kilang penapis minyak dalam negeri ini supaya dapat dibekalkan kepada stesyen-stesyen minyak kita yang telah diwujudkan oleh Kerajaan itu?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada dalam rancangan Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 22 adalah diberi di bawah ini*).

#### HUBUNGAN DAGANGAN MALAYSIA DENGAN AMERIKA SYARIKAT/CHINA/RUSIA/EROPAH

**20. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan keadaan perhubungan perniagaan dan perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat, China, Rusia dan Eropah bagi mengekalkan dasar bebas dan berkecuali serta perhubungan sama-jauh (equidistant) bagi kepentingan Malaysia khususnya.

**Dato' Lew Sip Hon:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memaklumkan iaitu negara kita mengamalkan dasar perdagangan bebas dan mempunyai hubungan dagangan mesra dan saling hormat menghormati dengan negara-negara Amerika Syarikat, China, Rusia dan Eropah tanpa mengira sistem politik, ideologi dan ekonomi negara-negara tersebut. Walau bagaimanapun, kita sentiasa meneliti dan mengawasi perjalanan perdagangan dengan tiap-tiap negara tersebut supaya ianya selaras dengan kehendak-kehendak dan matlamat Kerajaan untuk mengekalkan dasar bebas dan berkecuali serta perhubungan sama-jauh bagi kepentingan Malaysia khususnya.

#### OPERASI ISI PENUH—PERMOHONAN

**21. Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Perdana Menteri menyatakan hingga akhir bulan November ini jumlah permohonan yang diterima di bawah Kategori A, B, C dan D serta jumlah pemohon yang telah berjaya mendapat kerja setiap kategori dalam Operasi Isi Penuh yang dilancarkan baru-baru ini.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Jumlah permohonan yang diterima bagi Kumpulan-kumpulan "A", "B", "C" dan "D" untuk iklan-iklan Peringkat Pertama dan Kedua Urusan Operasi Isi Penuh, adalah sebanyak 1,512,347, iaitu 1,135,678 bagi Iklan Peringkat Pertama, dan 376,669 bagi Iklan Peringkat Kedua.

Bilangan calon berjaya yang telah ditawarkan jawatan-jawatan di dalam Perkhidmatan Awam oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pelajaran dan Polis bagi Kumpulan "D" semenjak 1hb Mei, 1979 hingga 30hb November, 1979, adalah sebanyak 5,212, iaitu termasuk jawatan-jawatan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar yang ditawarkan oleh Jabatan-jabatan. Bagi calon-calon yang berjaya di dalam Kumpulan A, B dan C, saya telahpun memberi jawapan yang lengkap di dalam Dewan ini pada 10-12-79, iaitu sebanyak 11,984, semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Abdullah. Yang demikian, jumlah calon yang telah ditawarkan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya berkenaan adalah sebanyak 17,196, termasuk tawaran-tawaran yang dibuat oleh Jabatan-jabatan sendiri bagi jawatan-jawatan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar.

#### TEMPAT PERHENTIAN KERETA

**22. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sepanjang jalan tidak cukup didapati tempat-tempat untuk perhentian kereta khususnya untuk perhentian bas dan jika sedar sama ada beliau akan membuat peruntukan tempat perhentian bagi kereta-kereta supaya lalulintas tidak tergendala.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Soalan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum oleh kerana tidak menyebut jalanraya-jalanraya ada tempat-tempat yang tertentu.

Pada keseluruhannya tempat-tempat perhentian bagi bas-bas dan juga tempat-tempat untuk kenderaan-kenderaan lainnya berhenti di tepi jalanraya adalah disediakan di semua jalanraya-jalanraya. Selain dari perhentian

bas, bahu-bahu jalan yang mempunyai kelebaran yang cukup untuk kenderaan berhenti adalah disediakan bagi semua jalan-jalan dan bagi setengah-setengah jalanraya pula kawasan-kawasan seperti "lay-byes" juga disediakan untuk kemudahan kenderaan-kenderaan berhenti.

Bagi jalan-jalan di bawah Pihak-pihak Berkuasa Tempatan penentuan tempat-tempat perhatian dikelolakan oleh Pihak-pihak Berkuasa itu.

#### USUL

##### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai pertimbangan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak dapat ditetapkan.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai pertimbangan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak dapat ditetapkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Januari, 1980).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari penghabisan yang diuntukkan bagi mesyuarat kali ini. Menurut usul yang baru sahaja diluluskan, kedua-dua Rang Undang-undang hendaklah diselesaikan dipertimbangkan sebelum mesyuarat ini ditangguhkan. Oleh yang demikian, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat meringkaskan ucapan seberapa ringkas yang boleh, walau bagaimanapun, tidak lebih daripada 15-20 minit. Kalau tidak, kita terpaksa bermesyuarat hingga larut malam. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bekerjasama.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim, sila menyambung ucapan.

3.36 ptg.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan maka sebagai sambungan kepada ucapan saya semalam, saya tidaklah hendak membangkitkan sebegitu panjang sebagaimana yang diberi ingatan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Semalam saya telah membangkitkan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kuasa Menteri di dalam melaksanakan Undang-undang ini. Itulah perkara yang besar yang saya timbulkan. Jadi sebelum saya menyudahkan ucapan saya ini, saya hendak mengingatkan sekali lagi iaitu kita di zaman kemajuan sekarang ini tidak patutlah kuasa-kuasa itu dimonopoli oleh seorang Menteri atau oleh seorang sahaja yang berkuasa. Sepatutnya perkara-perkara yang besar, lebih-lebih lagi melaksanakan hal Undang-undang, patutlah perkara itu dijalankan dengan kerjasama daripada pihak-pihak berkuasa yang lain.

Semalam saya telah menyebutkan iaitu dalam membuat peraturan-peraturan menurut di bawah Fasal 11, ini bulat-bulat terserah kepada Menteri membuat peraturan-peraturan yang begitu banyak berhubung dengan Undang-undang ini. Saya harap walaupun boleh jadi Menteri kita yang ada sekarang ini seorang Menteri yang baik dan saya percaya dia seorang Menteri yang adil, dia tidak akan membuat dengan berseorangan, tentulah dengan bantuan daripada Majlis Penasihat dan sebagainya. Tetapi oleh kerana di dalam Seksyen 11 ini tidak menyebut begitu, kuasanya diberi dengan begitu tegas kepada Menteri boleh membuat peraturan-peraturan tersebut.

Jadi saya mintalah tatkala membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang tersebut di dalam Seksyen 11 ini, maka sepatutnyalah Menteri itu berunding terlebih dahulu dengan dua badan yang ada di dalam Undang-undang ini. Yang pertama sekali Majlis Penasihat yang terkandung di dalam Fasal 5 dan yang keduanya dengan Jawatankuasa Taman Negara iaitu yang ditubuhkan di bawah Fasal 7.

Saya menegaskan sekali lagi harapan saya sebagaimana yang saya katakan bahawa di dalam menubuhkan Jawatankuasa di bawah Fasal 7 ini, maka saya sangat-sangatlah berasa terkilan sekali dan berasa ragu-ragu dengan sebab kuasa Menteri itu melantik wakil daripada tiap-tiap Jabatan Kerajaan sama ada di Jabatan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri menurut fikirannya sahaja. Apa yang saya harap jangan begitu. Saya harap di bawah Fasal ini juga hendaklah wakil daripada tiap-tiap jabatan itu iaitu tidak dengan menurut fikiran Menteri sahaja tetapi sepatutnyalah orang-orang yang diwakili dari jabatan-jabatan tersebut itu hendaklah orang yang dari jabatan yang ada hubungan langsung dengan Taman Negara. Orang-orang macam ini mesti dilantik sama ada Menteri itu bersetuju ataupun tidak.

Sebelum saya mengakhiri saya teringatlah nasib saudara-saudara kita Orang-orang Asli. Sebagaimana yang kita tahu negeri kita sudah merdeka dan penduduk-penduduk Asli di negara kita ini sama ada di Malaysia Timur atau Malaysia Barat mereka itu masih lagi menjadi orang yang bertaraf primitif. Orang-orang ini tempat duduknya dalam hutan rimba. Dengan adanya Taman-taman Negara yang akan kita adakan kelak

sebagaimana yang dikatakan negara kita ini telah diteroka 50% tinggalnya hanya 50% lagi. Maka jika ditubuhkan di tiap-tiap negeri satu Taman Negara pada akhirnya kesemua bumi di Malaysia Timur dan di Malaysia Barat akan menjadi bumi pertanian atau bumi yang digunakan dan yang tinggal hanya Taman-taman Negara. Apa nasibnya kepada Orang-orang Asli yang berselerak pada masa ini? Sudah tentulah mereka ini dilarang daripada memasuki Taman Negara dengan sebab satu daripada syaratnya di sini mengatakan, tidak boleh.

Di bawah Fasal 9 (4) tidak boleh mana-mana orang menduduki di Taman Negara itu sama ada Orang Asli ataupun tidak. Jadi tidak hendak Orang-orang Asli ini oleh kerana kebiasaan mereka itu mendiami di hutan rimba, mereka itu akan duduklah di tepi-tepi Taman Negara itu, akan membuat pondok-pondok di tepi Taman Negara itu. Maka di sinilah saya teringat kepada satu pepatah Melayu yang masyhur yang mengatakan, “kera di hutan disusukan, anak di riba mati kelaparan”. Ini adalah satu pepatah yang menceritakan baik budinya orang-orang Melayu sehingga dia menjamu, dia meraikan orang-orang lain walaupun ahli rumahnya kelaparan. Itulah maksud kera di hutan disusukan anak di riba mati kelaparan. Tetapi saya bimbang dengan adanya Taman Negara ini pepatah ini tidak menjadi pepatah lagi tetapi akan menjadi perkara realistik. Kera-kera di hutan itu akan dipelihara dengan bersungguh-sungguh sebagaimana kita lihat kera-kera sekarang ini di mana-mana, baik di Zoo dan sebagainya diberi makanan. Boleh jadi kera-kera di Taman Negara ini juga akan diberi susu-susu seperti “Dumex”, “Dutch Baby” dan sebagainya kerana hendak menyegarkan mereka ini kerana kera-kera ini adalah binatang peliharaan mengikut Rang Undang-undang Taman Negara ini dan ada perbelanjaan dari Taman Negara. Tetapi Orang-orang Asli ini tidak. Jadi apabila Orang Asli ini tidak, dia duduklah di tepi-tepi itu dia meriba anaknya dan matilah dengan kelaparan. Itulah kata pepatah, “kera di hutan disusukan anak di riba mati kelaparan”.

Saya bimbang pepatah ini tidak menjadi pepatah lagi tetapi akan menjadi perkara realistik, perkara yang sebenar berlaku. Maka saya haraplah di dalam merencana-

kan Undang-undang Taman Negara ini janganlah dilupakan nasib kepada orang-orang Asli itu dan lain-lain juga.

Satu lagi yang saya bimbang oleh kerana di negara kita ini sekarang ini penuh dengan pegganas-pegganans, mereka itu berpindah daripada satu tempat ke satu tempat. Kalau sekiranya Taman Negara ini terlampau banyak dibuka, mereka itu mengambil kesempatan pula. Sama ada undang-undang membenarkan ataupun tidak mereka itu akan duduk di dalam Taman-taman Negara itu dengan senampang dan jerat samar mereka. Ini menjadi satu problem pula. Walau bagaimanapun, saya sudahi ucapan saya ini dengan menyokong pada dasarnya sahaja Rang Undang-undang ini.

3.45 ptg.

**Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Taman Negara, 1979 yang dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan pada hari kelmarin. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah mengadakan Rang Undang-undang ini. Dengan adanya Rang Undang-undang Taman Negara ini akan dapatlah Taman Negara di tiap-tiap negeri di dalam Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang, hanya kita tahu yang mana disebut di dalam Bil ini yang mana Tuhan menjadikan hidupan liar ini seperti manusia juga dan mereka juga berkehendakan kepada kesenangan dan makan minum. Tuhan menjadikan mereka makhluk yang bernyawa ini kesemuanya tidak berbeza hanya yang mana sifat binatang ini Tuhan jadikan mereka tidak ada akal fikiran. Dengan adanya Taman-taman Negara ini insya Allah hidupan-hidupan liar ini akan dapat merasa nikmat sebagaimana nikmat manusia juga di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di dalam Bill ini di muka 5 tentang perlantikan ahli-ahli Majlis Penasihat. Saya bersetuju juga tetapi tentang enam orang yang dilantik oleh Menteri itu, saya berharap kalaulah dapat Menteri itu melantik seorang wanita yang ada di dalam jabatan-jabatan yang ada hubungan dengan Taman Negara ini.

Yang keduanya yang saya hendak membangkitkan ialah berkenaan dengan tanah-tanah rezab di mana akan mengadakan Taman Negara itu sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah lepas. Di sinilah saya hendak menekankan supaya dapat mengkaji semula tentang merezabkan tanah-tanah itu yang tertakluk kepada pihak Taman Negara. Saya berharap supaya dapat diberi kuasa kepada pihak Negeri dan pihak Taman Negara Persekutuan akan memberi peruntukan kepada pihak Negeri. Sepertimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya yang mana saya dengar daripada Menteri telah memberitahu 50% tanah yang telah tertinggal itu saya ingin tahu juga adakah termasuk tanah-tanah itu di dalam negeri Kedah.

Saya sebagai wakil dari negeri Kedah, kalau saya tidak menyokong Rang Undang-undang ini, saya berasa tidak sedap kerana seorang wakil negeri Kedah mestilah bercakap. Sebab, di dalam negeri Kedah ini ada banyak tempat yang bersejarah sepertimana Pulau Langkawi yang mana di dalam bill ini disebutkan juga berkenaan dengan laut. Saya percaya dan yakin dengan adanya Taman Negara ini dapat pihak Menteri mengambil daya usaha sepertimana di Langkawi lautnya luas dan cantik dan dapat membelakan sepertimana batu-batu karang dan banyak lagi benda-benda purba di dalam laut yang ada di dalam kawasan Langkawi ini.

Sepertimana sekarang ini benda-benda itu dibiarkan begitu sahaja. Ada juga rakyat-rakyat kita yang rajin sedikit yang suka, mereka inilah yang datang menyelam mengambil batu karang itu untuk dijual sedikit sebanyak. Jadi dengan adanya Taman Negara ini saya percaya dan yakin dapatlah pihak negeri juga mengambil dan mengeluarkan hasil-hasil daripada laut-laut yang saya sebutkan tadi.

Ketiganya, saya suka sebutkan di dalam Bill ini ada juga hendak membelakan tumbuh-tumbuhan. Saya percaya dan yakin tumbuh-tumbuhan inipun kalau kita tidak membelakan dari sekarang ini di masa yang akan datang akan habis begitu sahaja sebagaimana buah-buahan yang disebutkan oleh Menteri iaitu buah langsung dan juga lain-lain benda di dalam hutan seperti jering, petai dan bermacam-macam lagi kalaulah

kita tidak membela daripada sekarang maka pada masa yang akan datang akan hapus begitu sahaja. Begitu juga hutan rotan yang ada di dalam-dalam hutan. Jadi inilah yang saya berharap kepada pihak Kementerian ini supaya dapat membelakan benda-benda yang saya sebutkan tadi.

Itulah sahaja pendapat saya dan saya berharap apabila diluluskan Bill ini maka hendaklah dijalankan Bill ini dengan sebenar-benarnya. Janganlah apabila diluluskan satu-satu Bill, Bill itu tinggal di dalam kertas dan duduk atas meja tidak dapat dijalankan. Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak Ahli Yang Berhormat telah membincangkan masuk dua hari hingga ke hari ini kerana kita hendak memberi pendapat kepada pihak Menteri supaya dapat menjalankan tugasnya sepertimana yang ada di dalam Bill kita ini. Insya Allah kita akan dapat kejayaan.

Sekianlah sahaja, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub.

*3.53 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang sama menyatakan sokongan saya terhadap Bill yang sedang kita bincangkan.

Saya tidak hendak menyentuh banyak dalam peluang ini kerana telah banyak diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya di dalam tempoh dua hari.

Saya bersetuju Taman Negara ini diadakan sebab kesannya akan mendatangkan faedah kepada seluruh negara kita ini. Nampak pada lahirnya sahaja Bill ini menjaga kepentingan hidup-hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan tetapi kesan dan implikasinya memang dinikmati sama oleh kita sebagai rakyat di dalam negara ini. Ini tidak dapat kita nafikan hasil daripada mengadakan Taman Negara ini.

Saya cuba hendak menyatakan soal keadilan dalam pelaksanaan Bill ini nanti bagi menjayakan matlamat, tujuan kenapa Taman Negara ini diadakan. Keadilan yang

saya maksudkan sebagaimana telah dinyatakan oleh sahabat-sahabat saya terdahulunya, memang Taman Negara ini yang telah sedia ada sebahagian dari negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan akan diadakan lagi pula di sebahagian negeri Pahang lagi dan juga Johor. Negeri-negeri inilah yang terlibat dengan penggunaan, pemakaian dan pelaksanaan undang-undang ini dan sudah tentu sebagaimana telah diperbincangkan dengan panjang lebar dalam masa dua hari ini. Dalam kawasan Taman Negara ini kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan sudah diambilalih melalui undang-undang ini setelah mendapat persetujuan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang tersebut. Saya percaya negeri-negeri dalam Malaysia sekarang ini atas rasa persefahaman untuk kepentingan bersama, kepentingan negara seluruhnya, negeri-negeri itu tidak akan tak memberi persetujuan.

Cuma keadilan yang saya hendak tarik perhatian pihak yang berkenaan, terutama Menteri sendiri dan juga Kerajaan Persekutuan dari hasil nikmat yang akan didapati oleh seluruh negara, oleh seluruh rakyat, oleh seluruh kehidupan dalam Malaysia ini, daripada adanya Taman Negara ini dan akibat daripada kepentingan negeri-negeri yang terlibat itu sedikit sebanyak telah diambilalih; kuasanya telah mulai kurang, kemungkinan hasil pendapatannya juga mungkin berkurangan daripada pelaksanaan Taman Negara ini dan kalau kita mengkaji dari segi faedah kenyamanan udara, kesederhanaan iklim yang kita nikmati di seluruh Malaysia ini berpunca daripada adanya hutan rimba kita, tumbuh-tumbuhan hijau kita yang menyebabkan udara kita berada dalam keadaan suasana yang sesuai dengan masyarakat kita sendiri tidak terjadi seperti di padang pasir, di kawasan yang hangat, menyusahkan kehidupan kita sendiri. Hasil daripada nikmat inilah yang saya maksudkan, jikalau kita mengkaji daripada negeri-negeri yang tidak memperuntukkan hutan-hutan rimbanya untuk memberi faedah iklim yang baik kepada kita. Negeri-negeri yang terlibat ini telah mengalami kekurangan hasil walaupun pada masa sekarang ini kawasan-kawasan yang dijadikan Taman Negara ataupun yang akan dijadikan Taman Negara itu belum lagi menerima pembangunan, tetapi mungkin kalau tidak dijadikan Taman Negara suatu

masa akan diusahakan untuk pembangunan yang boleh mendatangkan faedah khusus kepada negeri itu sendiri.

Pengorbanan ini perlulah diambil kira sama oleh pihak Kerajaan Persekutuan supaya negeri-negeri yang terlibat itu akan mendapat faedah kalau tidak daripada premium kawasan itu sendiri pun sekurang-kurangnya mendapat gantirugi tahunan kepada premium ataupun dengan cara apa yang telah disarankan sebelum ini supaya Kerajaan Persekutuan membayar seperti apa yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor atau pengambilan alih Wilayah Persekutuan tidaklah sampai begitu, sebab itu akan membebaskan, sudahlah terhadap Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan tidak lagi dapat menyelesaikan masalah-masalah pembayaran itu tetapi kalau ditambah lagi pula umpamanya akan menambah lagi beban negara kita sendiri.

Cuma yang saya sarankan supaya suatu kajian sebagai imbuhan; kalau kawasan ini diberi milik kepada rakyat biasa, Kerajaan-kerajaan Negeri itu akan dapat selain daripada premiumnya, ia akan dapat hasil tahunan. Jadi, sekurang-kurangnya untuk mengganti imbuhan gantirugi yang Kerajaan Negeri ini tidak akan dapat lagi hasil tahunan yang mungkin dibayar oleh pemilik-pemilik tanah, maka imbuhan itu perlu dikaji dari satu masa ke satu masa sebagai membalas—membayar pengorbanan yang dilakukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat itu. Dan mungkin barangkali ada di antara negeri-negeri yang terlampau sayang hendak mereservedkan kepada kawasan hutan walaupun kawasan hutannya masih ada, mungkin terfikir oleh mereka, oleh negeri-negeri yang berkenaan itu inilah punca kerugian mereka, kehilangan kepentingan mereka menyebabkan mereka kurang dan berkebetulan negeri-negeri itu pula mengalami kekurangan hutannya yang masih ada sekarang ini. Itulah pandangan yang saya suka hendak tarik secara umum, dalam masa perbincangan ini.

Selain daripada itu, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang kalimah yang saya rasa pernah disebut-sebutkan oleh sahabat-sahabat saya yang terdahulu daripada saya ini tetapi saya rasa disentuh sambil lalu begitu sahaja dengan tidak membuat sesuatu saranan, walaupun

dalam perbahasan Bil ini tidak patut ada sebarang pindaan tetapi buat masa depan, saya rasa, perlulah diambil perhatian.

Umpamanya, dalam muka 5, Fasal 5 (2). Kalimah "Menteri boleh bila-bila masa memecatnya". Maksud memecat jawatankuasa yang dilantik oleh Menteri, saya rasa kalimah "memecat" ini dari segi tata bahasa agak kasar sedikit. Tidak bolehkah digunakan kalimah "menamatkan tempoh atau perkhidmatan seseorang yang dilantik" itu dengan menggantikan kalimah "menamatkan" dengan tidak mengatakan "memecat". Sebab memecat seseorang bererti telah melakukan sebarang kesalahan maka penalti-nya dipecat. Jadi, kalau digunakan perkataan yang lebih lembut, lebih sesuai, "memecat" itu digantikan dengan perkataan "menamatkan" ataupun tidak melanjutkan lagi tempoh perkhidmatannya". Ini sebagai satu pandangan untuk perhatian pada masa akan datang.

Saya juga ragu-ragu tentang kenapa sebabnya tempoh perlantikan itu tidak ditentukan sebagaimana lazim ditentukan kepada mana-mana jawatankuasa atau penubuhan-penubuhan lembaga dan sebagainya, kenapa tidak ditentukan kepada masa setahun, dua tahun, tiga tahun atau sebagainya. Inipun menimbulkan tandatanya yang perlu dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Itulah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya menyatakan sokongan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

4.07 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan sebanyak terima kasih di atas segala sokongan, pendapat serta syor-syor dan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Rang Undang-undang Taman Negara.

Sambutan baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sungguh menggalakkan dan tidaklah dapat dinafikan bahawa pengekalan (conservation) perlu diadakan me-

mandangkan kepada pembangunan pesat yang sedang dan akan dijalankan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Michael Wong Kuan Lee telah menyentuh berkenaan dengan Fasal 3 Rang Undang-undang tersebut dan mengesyorkan supaya Perlembagaan dipinda khas untuk membolehkan Kerajaan Pusat menentukan kawasan-kawasan yang dijadikan Taman Negara di sesuatu negeri.

Seperti yang saya telah maklumkan Rang Undang-undang ini mengambil masa lebih kurang 10 tahun menggubalkannya. Adalah disebabkan hal-hal pokok dalam Rang Undang-undang ini khasnya hal tanah seperti Yang Berhormat sedia maklum adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri, maka Fasal 3 daripada Rang Undang-undang itu telah disesuaikan dengan mengambil kira kehendak-kehendak daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Di atas sokongan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad, saya mengambil perhatian di atas pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh beliau berkenaan perlunya peraturan melarang binatang-binatang dibawa masuk ke dalam Taman Negara oleh lain-lain pelancung dan lain-lain peraturan untuk menjamin Taman Negara tidak terganggu. Saya akan mengambil perhatian di atasnya. Saya juga ucapkan sebanyak terima kasih di atas sajak-sajak yang diberi oleh beliau yang sangat menarik atas apa yang telah dilahirkan oleh beliau itu.

Berkenaan dengan sumber mendapatkan baka-baka pertanian dari hutan kita itu, saya telah menyentuh dahulu dan saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

Di atas pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock, saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan Yang Berhormat dan masalah pembalakan yang mengancam alam sekeliling dan iklim negara ini, memang satu perkara yang diambil berat oleh Kementerian saya.

Berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang pada masa ini adalah satu perhubungan yang rapat akan dikekalkan dan

diperbaiki di masa hadapan bagi menentukan yang hal-hal alam sekitar dan pengekalannya dibawa dengan mewujudkan Taman-taman Negara di beberapa negeri itu akan diteruskan.

Saya mengambil perhatian di atas cadangan Yang Berhormat supaya Ketua Pengarah Muzium menjadi ahli kepada Majlis Penasihat Taman-taman Negara serta Pegawai-pegawai Muzium di peringkat Negeri berada di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Negeri yang berkenaan.

Di atas pandangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin yang telah menyentuh berkenaan dengan Undang-undang Taman Negara di Pahang yang wujud pada masa ini dilonggarkan, suka saya menerangkan yang kes-kes melonggarkan Undang-undang itu di Pahang di bawah Enakmen Taman Negara Pahang adalah kecil yang boleh dikatakan satu atau dua sahaja dalam setahun dan pendakwaan yang dijalankan di negeri Pahang boleh dikatakan kebanyakannya adalah di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar No. 76 Tahun 1972. Beliau juga telah menyentuh supaya Kerajaan Pusat membayar gantirugi kepada Kerajaan Negeri di atas tanah-tanah yang akan dijadikan Taman Negara. Ini akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak telah juga mengemukakan perkara ini. Perkara ini bolehlah dirundingkan mengikut Peraturan-peraturan dan Undang-undang yang wujud masa ini berkenaan dengan penyerahan tanah kepada Kerajaan Pusat, tetapi di bawah Rang Undang-undang ini pihak Kementerian saya hanya akan meminta Kerajaan-kerajaan Negeri untuk me-rezabkan tanah-tanah itu yang masih lagi kekal sebagai hak Kerajaan Negeri dan tidak menjadi hakmilik Kerajaan Persekutuan. Cadangan-cadangan beliau yang lain itu berkenaan dengan peraturan-peraturan akan saya ambil perhatian.

Saya juga suka menyentuh pandangan daripada Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin yang telah bertanya sama ada mengapa Rang Undang-undang ini tidak meliputi negeri Sabah dan Sarawak. Seperti yang saya telah jelaskan, Rang Undang-undang ini tidak meliputi Sabah dan Sarawak memandangkan kedua-

dua negeri itu telahpun mempunyai Enakmen-enakmen Taman Negara masing-masing, iaitu Ordinan Taman-taman Negara Sarawak (Cap. 127) dan Enakmen Taman-taman Negara Sabah (No. 13 Tahun 1977) yang telahpun diwujudkan terdahulu daripada Rang Undang-undang ini.

Pentadbiran Taman-taman Negara di negeri Sabah dan Sarawak boleh dibanggakan oleh kerana beberapa Taman-taman Negara yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

Di Sabah berjumlah 3—

- (1) Kinabalu National Park
- (2) Tunku Abdul Rahman National Park
- (3) Sepilok National Park.

Di Sarawak berjumlah 4—

- (1) Gunung Mulu National Park
- (2) Bako National Park
- (3) Niah National Park
- (4) Lambir Hill National Park.

di samping beberapa kawasan yang masih lagi dalam kajian.

Berkenaan dengan mengapa pula Enakmen-enakmen negeri Pahang, Kelantan dan Trengganu tidak dimansuhkan ialah oleh kerana akan menimbulkan kerumitan dari segi pengrezapan tanah-tanah di bawah Enakmen-enakmen itu bagi Taman Negara yang wujud sekarang ini. Walau bagaimanapun, pihak-pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan, sama ada Pahang, Kelantan dan Trengganu ataupun Sabah dan Sarawak boleh meminta supaya Rang Undang-undang ini digunakan di negeri masing-masing bagi meliputi kawasan-kawasan Taman-taman Negara yang telah ditadbirkan di bawah Enakmen-enakmen yang wujud pada masa ini di masa hadapan.

Dari segi keupayaan Kementerian saya mentadbirkan Akta Hidupan Liar No. 76 Tahun 1972 serta Rang Undang-undang ini saya mengucapkan terima kasih di atas ingatan Yang Berhormat itu yang mana Kementerian saya sentiasa berusaha memperlicin dan mempercepatkan pentadbiran Jabatan-jabatan yang berkenaan dengan

mengadakan program-program tertentu, seperti program latihan dengan mendapatkan tenaga-tenaga mahir dalam bidang-bidang yang khusus seperti ilmu zoology, biology dan pentadbiran Taman-taman Negara.

Fungsi Jabatan-jabatan yang dahulunya dinamakan "Mergastua" telah berubah dari hanya "Jabatan Penguatkuasa Menjaga Hidupan Liar" kepada "Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara" atau dengan ringkasnya "PERHILITAN" yang berhubung rapat dengan pengekalan. Ini memerlukan pegawai-pegawai yang mahir dan terlatih dari bidang "conservation" ataupun pengekalan hidupan liar serta tumbuh-tumbuhan dan bukan sahaja pegawai-pegawai yang mahir dari segi pendakwaan dan tangkapan sahaja.

Pengwujudan Rang Undang-undang ini adalah kena pada masa dan tempat bagi dilaksanakan memandangkan kepada kepesatan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang mana Kementerian saya adalah ketinggalan dalam usaha mewujudkan Taman-taman Negara baru.

Saya telah menerangkan dalam ucapan saya semasa membentangkan Rang Undang-undang Taman Negara di Dewan Rakyat pada 11hb Disember, 1979, yang menyatakan bahawa: "Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh Malaysia, melainkan Sabah dan Sarawak telah dihubungi untuk mendapatkan persetujuan dan persefahaman mereka ke atas Rang Undang-undang ini. Berikutan daripada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan ini, Rang Undang-undang ini telah beberapa kali dipinda sejak ianya mula digubal, iaitu tahun 1968 dengan mengambil kira dan menyesuaikan mengikut pandangan-pandangan dari semua Kerajaan-kerajaan Negeri". Perkara ini telah diterangkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan saya telah memuasskan Tuan Yang di-Pertua menurut Perkara 79, Perlembagaan Persekutuan, sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada Dewan Rakyat, dan telah mendapat persetujuannya.

Saya juga telah menyebut perkara ini semasa saya membentangkan Rang Undang-undang ini pada 14hb Januari, 1980 di Dewan yang mulia ini. Satu perkara yang

penting juga yang telah saya jelaskan di atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah menyoal penggunaan perkataan "Taman Negara" dalam Fasal 1 (2) Rang Undang-undang ini. Mengikut beliau, istilah yang tepat ialah "King George V National Park" seperti disebut dalam Enakmen-enakmen Negeri-negeri yang berkenaan. Malangnya Ahli Yang Berhormat tidak termaklum bahawa Enakmen-enakmen berkenaan telahpun dipinda, dan dari tarikh-tarikh pindaan Enakmen-enakmen itu, "King George V National Park" hendaklah dikenali sebagai "Taman Negara". Enakmen-enakmen berkenaan ialah:

- (a) Enakmen Negeri Kelantan Bil. 5/1960.
- (b) Enakmen Negeri Pahang Bil. 12/1960.
- (c) Enakmen Negeri Trengganu Bil. 4/1961.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya membaca di sini isi kandungan Enakmen Negeri Pahang itu:

"1. This Enactment may be cited as the King George V National Park (Change of Title) Enactment, 1960 and shall be deemed to have come into force on the 9th day of August 1960".

"2. Wherein any written law or in any other document whatsoever the title "King George V National Park" appears there shall be substituted therefor the title "Taman Negara".

It was passed by the Legislative Assembly, Pahang on 9th August 1960.

Enakmen-enakmen Negeri Kelantan dan Trengganu pun mengandungi peruntukan yang sama.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menerangkan perkara itu. Sebenarnya semasa saya berhujah pada hari itu saya sendiri telah mengatakan kesukaran saya mendapat undang-undang yang lengkap daripada Kutubkhanah Parlimen sendiri. Saya mendapat satu naskhah daripada Kutubkhanah Mahkamah Tinggi, itupun rupanya tidak lengkap, tetapi semalam saya sendiri telah memeriksa

dan didapati memang ada pindaan. Tetapi apa yang saya tegurkan pada hari itu, rasa saya tidak lari daripada maksudnya, kerana kalau kita baca Enakmen asal yang dibuat pada tahun 1939 maka jelaslah maksudnya pada masa itu ialah untuk mengadakan sebagai menghormati atau mengenal Jubilee King George V. Itulah sebabnya digelar King George V National Park. Ini tidak menghalangkan negeri-negeri untuk mengubah apa nama, tetapi maksudnya masih tidak berubah. Cuma apa yang berubah ialah titlanya sahaja, satu seksyen sahaja di bawah Enakmen pada tahun 1960.

Saya telah semak selepas daripada itu dan kalau dapat, saya mintalah Tuan Yang di-Pertua gunakan kuasa tertinggi. Tuan Yang di-Pertua mengarahkan semua Kementerian termasuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya membantu perpustakaan kita melengkapkan undang-undang supaya kita semua termasuk saya tidak keliru dalam masalah ini.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin. Saya pun telah tersilap tidak ada menyentuh perkara ini semasa saya mengemukakan Rang Undang-undang. Oleh kerana itu penggunaan perkataan "Taman Negara" dalam Fasal 1 (2) tidaklah salah dari segi undang-undang seperti apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi.

Berkenaan dengan mengapa satu fasal untuk denda tidak diadakan dalam Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperseujui oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin yang peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti di bawah peraturan-peraturan tidak salah dari segi undang-undang. Walaupun saya sedar yang perkara ini boleh diperuntukkan dalam Undang-undang Ibu, tetapi memandangkan keseluruhannya Rang Undang-undang ini dan dari perlaksanaannya adalah didapati pada masa ini lebih sesuai yang perkara ini diperuntukkan di bawah peraturan memandangkan kepada perkembangan sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan pada masa ini. Adalah menjadi kebiasaan bagi perundangan-perundangan kecil melaksanakan kehendak undang-undang yang diperuntukkan dalam Akta Ibu.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum perkataan "Menteri" di dalam mana-mana undang-undang adalah bermaksud keputusan Jemaah Menteri yang bertanggungjawab bersama dalam sistem pentadbiran kita.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik berkaitan dengan kegunaan perkataan "fee" dalam Rang Undang-undang ini, ini tidak dapat dielakkan kerana ianya adalah mengikut istilah undang-undang.

Berkenaan dengan cadangannya untuk menambah perkataan "pantai" di Fasal 3 (1) Rang Undang-undang ini, suka saya menerangkan yang perkataan "pantai" adalah termasuk dalam istilah "tanah" mengikut Kanun Tanah negara.

Berkenaan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad atas perkataan "mutatis mutandis" yang digunakan, ini adalah perkataan yang diperseujui mengikut istilah undang-undang yang mana dalam bahasa Inggeris pun digunakan perkataan yang sama dan perkataan ini adalah perkataan Latin. Perkataan-perkataan "fee" dan "mutatis mutandis" itu telah diperseujui oleh Jawatankuasa Istilah Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menyentuh kepada beberapa teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan penyatuan Undang-undang Negeri mengenai Taman-taman Negara, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Perlembagaan perkara "tanah" adalah satu perkara di bawah bidang kuasa Negeri-negeri. Oleh itu, apa-apa undang-undang yang diwujudkan berkaitan dengan tanah seperti Taman Negara hendaklah digubal berasas kepada perkara ini.

Enakmen-enakmen Negeri berkenaan dengan Taman Negara dan tambahan pula perkara Taman-taman Negara termasuk di bawah senarai bersama Perlembagaan Persekutuan yang mana Negeri-negeri dan Persekutuan masing-masing mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai perkara tersebut seperti yang telah dilaksanakan oleh negeri-negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Trengganu dan Pahang.

Menyentuh pandangan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, suka juga saya memaklumkan bahawa Kementerian saya akan meneruskan usaha-usahanya dalam aspek menyedarkan rakyat tentang alam sekeliling dan hidupan liar. Majalah yang dikeluarkan oleh Kementerian saya yang bernama "SEKITAR" serta usaha yang dijalankan oleh Pusat Alam Semulajadi di Kuala Atok, Pahang adalah bertujuan untuk memupuk semangat cinta kepada alam sekeliling dan hidupan liar. Pusat Alam Semulajadi di Kuala Atok adalah di Taman Negara yang memberi peluang kepada murid-murid sekolah menengah untuk berada di kawasan Taman Negara semasa cuti sekolah dan diaturkan oleh Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara.

Menyentuh kepada pandangan yang dikemukakan oleh Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain, mengapa Taman-taman Negara tidak diwujudkan di lain-lain tempat, suka saya memaklumkan bahawa cadangan-cadangan telah dibuat untuk mengadakan Taman-taman Negara di negeri Perak dan beberapa negeri yang lain. Saya juga mengambil perhatian berkenaan dengan Ahli-ahli Majlis Penasihat Taman-taman Negara dan Jawatankuasa Taman Negara yang akan dilantik di bawah Rang Undang-undang ini adalah terdiri daripada mereka yang difikirkan akan memberi perkhidmatan seperti yang diharapkan.

Mengenai hal-hal carigali, perlombongan dan pembalakan yang dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil perhatian dan memberi jaminan bahawa segala langkah-langkah akan diambil untuk menentukan supaya syarat-syarat yang cukup akan dikenakan untuk melindungi dan untuk kepentingan Taman Negara yang berkenaan.

Saya juga ingin menyentuh pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik berkenaan dengan bahaya berkemah dalam hutan yang mana pada masa ini di Taman Negara tiada pernah lagi berlaku kemalangan atas mana-mana orang yang berkemah dibinasakan atau dcederakan oleh hidupan liar. Tempat-tempat perkemahan dalam Taman Negara adalah diawasi dan dijaga oleh Pegawai-pegawai Jabatan Hidupan Liar

yang menentukan keselamatannya. Adalah diharapkan yang perkara itu tidak akan berlaku.

Menyentuh kepada teguran Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik berkenaan dengan rezab hidupan liar di negeri Selangor, ingin saya memaklumkan bahawa negeri Selangor mempunyai beberapa rezab hidupan liar iaitu:

- (a) Rezab Hidupan Liar Bukit Fraser, 7,360 ekar.
- (b) Rezab Hidupan Liar Bukit Kutu, 4,800 ekar.
- (c) Rezab Hidupan Liar Templer, 2,450 ekar.
- (d) Rezab Hidupan Liar Sungai Dusun, 10,700 ekar.

Dalam Rezab Hidupan Liar Sungai Dusun terdapat 5 ekor badak sumbu (rhinoceros). Adalah benar tanah untuk Taman Negara di negeri Selangor berkurangan tetapi rezab-rezab yang ada pada masa ini hampir-hampir cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh tentang soal mengapa kita mengadakan peruntukan untuk membina hotel dan lapangan terbang sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Sulaiman Ninam Shah. Perkara ini adalah perlu dengan tujuan memberi kemudahan rekreasi kepada rakyat di bandar-bandar yang ingin menikmati keindahan alam semulajadi yang mereka tidak mahu berkemah dan tidak mahu mengikuti perjalanan darat yang akan mengambil masa, maka perlulah hotel dan lapangan terbang diadakan.

Mengenai pendapat Senator Dato Sulaiman Ninam Shah berkenaan benih buah-buahan dan haiwan yang boleh diperolehi dalam kawasan alam semulajadi yang direzabkan sebagai Taman Negara, Kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas cadangannya untuk membiakkan "buaya" dan perkara ini adalah dirancangan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

**Dato Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak menjelaskan kepada Menteri yang berkenaan. Dalam ucapan saya itu, kalau kita telah buat

Taman Negara, memang saya menyokong, cukup bagus semuanya, binatang-binatang semua ada termasuk buaya. Saya ucapkan terima kasih. Mengenai "buaya" yang saya cadangkan, juga harimau dan lain-lain binatang yang tak ada itu dicari dan dimasukkan, tetapi kalau ada tujuan untuk buat padang kapalterbang di sana, ini menyebabkan semua binatang lari keluar. Itu yang saya object. Jadi tak patut padang kapalterbang ada dalam Taman Negara itu.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian. Dan jika ada rancangan itu sepatutnya ia tidak dibuat di tengah-tengah kawasan Taman Negara, mungkin di tepi atau di sisinya supaya dapatlah orang pergi ke kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Mahmoud Salim juga ada membuat beberapa cadangan. Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat itu mengenai nasib orang-orang Asli, suka saya menegaskan yang kedudukan Orang-orang Asli tidaklah terancam, kerana mereka akan dibenarkan berada dalam mana-mana Taman-taman Negara mengikut kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah di bawah Fasal 9 (4). Dalam perancangan meminta tanah negeri direzabkan sebagai Taman Negara, keperluan Orang-orang Asli serta penduduknya akan diambil kira.

Yang Berhormat Senator Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman telah menyentuh berkenaan dengan perlantikan seorang wanita ke dalam Majlis Penasihat ini telah saya ambil perhatian. Begitu juga mengenai pengwujudan Taman Negara di Negeri Kedah, sukalah saya memberi maklumat bahawa Kementerian saya akan membuat perhubungan dengan Kerajaan Negeri Kedah bagi mendapatkan kawasan untuk dijadikan rezab Taman Negara di negeri itu.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub yang berucap akhir sekali menyentuh kepada teguran berkenaan gantirugi dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bahawa negeri-negeri yang telah mewujudkan Taman-taman Negara akan mendapat faedah seperti peluang pekerjaan dan penghasilan wang daripada pelawat-pelawat yang mengunjungi ke Taman-taman

Negara, juga dapat faedah daripada iklim yang indah dan berfaedah dari pengekalannya (conservation).

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad, beliau mengesyorkan bahawa peruntukan mengenai Majlis sepatutnya lebih lengkap dan beliau telah membandingkan Majlis di bawah Rang Undang-undang Taman Negara dengan Majlis di bawah Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia yang akan dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Beliau dapati peruntukan mengenai Majlis seperti dalam Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan hendaklah diadakan mengenai Majlis dalam Rang Undang-undang Taman Negara.

Sukalah saya menyatakan di sini, Majlis di bawah Rang Undang-undang Taman Negara memainkan peranan hanya sebagai Majlis Penasihat, manakala Majlis di bawah Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan ada tugas-tugas tertentu dan berlainan. Ianya ialah satu Perbadanan yang dicadangkan ditubuhkan. Dalam negara kita ada banyak Majlis-majlis dan mereka semuanya berlainan, bukan sama fungsi-fungsinya dan bentuknya, jika dibandingkan. Peruntukan mengenai Majlis-majlis itu ada juga berlainan dan mengikuti tujuan ianya ditubuhkan.

Mengenai perlantikan Ahli-ahli Majlis Penasihat dan Jawatankuasa Taman Negara oleh Menteri perlantikan ini akan dijalankan dengan kajian dan penelitian. Menteri adalah bertanggungjawab kepada Jemaah Menteri dan seterusnya kepada kedua-dua Dewan Parlimen. Oleh kerana itu perlantikan tidak boleh dibuat dengan sesuka hati Menteri atau dengan sewenang-wenangnya. Jabatan-jabatan yang perlu diwakili adalah disebut tetapi mungkin ada juga jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang lain perlu diwakili dari semasa ke semasa. Peruntukan ini adalah bagi mengawali keadaan seperti ini . . . . .

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya itu yang saya katakan wakil daripada jabatan-jabatan yang berkenaan itu semumpama di dalam negeri-negeri ada Jabatan Ugama. Di dalam Taman Negara yang

hendak diadakan itu, boleh jadi ada tanah-tanah wakaf, masjid-masjid dan sebagainya. Jadi, Jabatan Ugama adalah bertanggung-jawab kepada tanah wakaf dan masjid-masjid maka ia adalah patut diwakili di dalamnya sama ada di dalam Majlis itu ataupun di dalam Jawatankuasa. Itu maksud saya, tetapi apa yang ditulis di dalam Rang Undang-undang sekarang ini; pada pendapat Menteri—kalau mustahak dilantik, kalau tidak—tidak. Apa salahnya perkataan itu berbunyi: jabatan-jabatan yang ada kepentingan langsung maka dengan cara otomatis dilantik, tidak dengan fikiran Menteri. Itu maksud saya.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, itu akan ditimbang. Mengenai pandangan Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub berkenaan dengan penggunaan memecat dalam Fasal 5 (2), ini adalah istilah yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Istilah undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka. Tetapi saya boleh juga akan mengambil perhatian atas apa yang dilahirkan oleh beliau tadi. Walau bagaimanapun, pengesyoran ini boleh dibawa ke Jawatankuasa untuk pertimbangan.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga mengesyorkan supaya tanah yang direzabkan bagi maksud Taman Negara tidak sepatutnya dibenarkan untuk perlombongan atau pembalakan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam perkara ini Kerajaan Persekutuan hendaklah mengimbangkan kepentingan-kepentingan yang berlainan iaitu kepentingan negeri dibandingkan dengan kepentingan negara. Oleh kerana itu peruntukan dalam Rang Undang-undang ini di bawah Fasal 3 (3) dan Fasal 10 membolehkan Kerajaan Pusat bersikap "flexible" dalam perkara ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan sebanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan serta teguran-teguran dan saya akan mengambil perhatian di atas pandangan-pandangan yang telah diberi.

Sebelum saya akhiri ucapan saya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba berpantun sedikit walaupun saya bukan seorang penyair setelah mendapat ilham daripada Senator Haji Ahmad bin Arshad dan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik. Dengan

ihlan dari penyairnya, saya menyebut dua rangkap daripada sajak iaitu mencerminkan satu rayuan daripada hidup-hidupan liar yang berbunyi:

Ini seruanku kali penghabisan  
Kekalkan belantara jangan habiskan  
Untung balak segelintir insan  
Hingga jenis ku mereka lupakan  
Untuk kenangan di hari depan  
Generasiku, generasimu kita kekalkan  
Nada dan lagu tak dapat dipisahkan  
Hidupan liar dan belantara bagaimana pula?  
Begitulah juga air dan ikan  
Tolong fikirkan wahai manusia (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan betapa perlunya Rang Undang-undang ini diwujudkan dan dengan sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 11* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.50 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

## **RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.10 ptg.*

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979 bagi bacaan kali kedua dalam Dewan yang mulia ini.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dasar pelajaran kita dalam Bahasa Malaysia akan dijadikan bahasa pengantar utama dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat universiti telah diterima oleh semua lapisan masyarakat dan semua kaum di negara ini. Sesuai dengan dasar ini sejak tahun 1970 telah dimulakan proses peralihan bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan ini telah berjalan dengan licin dan sempurna daripada peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat sekolah menengah atas.

Mengikut program ini keseluruhan peperiksaan dalam sistem persekolahan kita akan hanya diadakan dalam perantaraan Bahasa Malaysia mulai tahun 1982. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian saya telah berjaya mengambilalih pengendalian Peperiksaan MCE/SPM mulai tahun 1978. Dengan demikian pengambilalihan Peperiksaan HSC merupakan satu proses yang logik dalam perkembangan pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan negara ini yang mana dinanti-nanti oleh seluruh rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, peperiksaan HSC selama ini adalah dikendalikan oleh Universiti of Cambridge Local Examination Syndicate dengan kerjasama Universiti

Malaya. Peperiksaan dalam bentuk sekarang dapat diperkemas lagi dari beberapa segi tertentu, umpamanya dari segi kesesuaian sukatan pelajaran-sukatan pelajaran dan juga dari segi penglibatan ke semua lima universiti yang terdapat di tanahair kita. Lagipun adalah juga tidak lagi sesuai dan wajar bagi peperiksaan di peringkat HSC terus dikendalikan oleh sebuah badan peperiksaan luar sedangkan negara kita telahpun layak dan mampu memikul tanggungjawab ini sepertimana terbukti dalam kejayaan kita mengambilalih Peperiksaan MCE/SPM.

Dalam hal ini Kementerian Pelajaran telah banyak berunding dengan pihak Cambridge dan juga dengan universiti-universiti dalam negeri, dan pihak Cambridge telah memberi jaminan bahawa mereka akan terus memberi bantuan dan kerjasama apabila kita mengendalikan Peperiksaan HSC kita secara tersendiri kelak, sebagaimana juga mereka telah memberi kerjasama dalam pengambilalihan pengendalian Peperiksaan MCE/SPM. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat atas sokongan dan kerjasama Cambridge beberapa buah universiti terkenal di United Kingdom telahpun memberi pengiktirafan kepada sijil MCE dan juga SPM.

Dalam skim pengambilalihan pengendalian Peperiksaan HSC, pengalaman yang diperolehi daripada projek pengambilalihan Peperiksaan MCE/SPM dahulu akan dipergunakan sepenuhnya. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa saya berasa penuh yakin dengan adanya bantuan yang ditawarkan oleh pihak Cambridge dan sokongan kuat yang akan diberikan oleh Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia maka Majlis Peperiksaan yang akan ditubuhkan itu akan dapat memikulkan tanggungjawabnya dengan cekap demi untuk menjaga keutuhan dan taraf peperiksaan yang tinggi sesuai dengan cita-cita Kerajaan dan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, setelah memberikan gambaran latarbelakang Rang Undang-undang ini benarkan saya mengulaskan peruntukan-peruntukan utama di dalamnya.

Seksyen 3 Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979, memperuntukkan penubuhan sebuah badan berkanun yang diberi nama Majlis Peperiksaan Majlis atau "Malaysian Examination Council".

Seksyen 4 memperuntukkan bahawa Majlis ini akan dianggotai oleh Naib-Canselor kelima-lima buah universiti tempatan, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Ketua Pengarah Pelajaran, Pengawal Peperiksaan dan lima ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi Majlis akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dari Naib-Canselor-Naib-Canselor Universiti-universiti tempatan. Majlis ini dianggotai secara seimbang bagi mewakili kepentingan-kepentingan Kerajaan, universiti-universiti dan juga orang ramai. Teras Majlis ialah universiti-universiti dan perlantikan Naib-Canselor Universiti sebagai Pengerusi Majlis adalah wajar untuk menjamin status dan kepimpinan Majlis.

Seksyen 7 memperuntukkan bahawa tugas Majlis ini ialah untuk mengendalikan peperiksaan atau peperiksaan-peperiksaan seperti yang tercatat dalam jadual Pertama Akta ini. Dalam pengendalian ini Majlis akan bekerjasama atau "collaborate" dengan kelima-lima universiti tempatan serta mana-mana badan atau ejensi di dalam dan di luar negeri yang difikirkan perlu. Penglibatan kelima-lima universiti buat pertama kalinya dalam pengendalian peperiksaan bukan sahaja akan memperkokohkan kepercayaan orang ramai (public confidence) serta menjamin sumber tenaga akademik dan kepakaran yang lebih besar tetapi juga supaya peperiksaan ini benar-benar memenuhi keperluan kelayakan masuk ke universiti-universiti. Peruntukan bagi Majlis bekerjasama dengan badan-badan peperiksaan di dalam dan di luar negeri, umpamanya dengan Cambridge, adalah penting bagi mendapatkan bantuan-bantuan teknik, kepakaran dan khidmat nasihat bagi menjamin keutuhan, mutu dan kebolehpercayaan peperiksaan yang akan dijalankan. Pada tahun-tahun peralihan Majlis, jika perlu, dapat mengendalikan peperiksaan itu bersama (joint) Cambridge dengan kerjasama kelima-lima buah universiti tempatan sebagai persediaan dan untuk mendapatkan pengalaman serta membolehkan perpindahan tanggungjawab diuruskan dengan licin dan sempurna dan sijilnya diperkenalkan di luar negeri bagi kepentingan pengiktirafan.

Seksyen 8 memperuntukkan bahawa Majlis akan mengendalikan peperiksaan atau peperiksaan-peperiksaan bermula pada tahun yang ditetapkan oleh Menteri dalam Warta Kerajaan.

Seksyen 10 memperuntukkan bahawa Majlis boleh meminta bantuan Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri dalam tugas pengendalian peperiksaan ini. Bantuan dan kerjasama Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran adalah penting sebagai ejen-ejen untuk mentadbirkan peperiksaan sebagaimana yang sedang dibuat olehnya bagi pihak Cambridge selama ini.

Seksyen 14 dan 15 memperuntukkan bahawa seorang Setiausaha Agung atau "Secretary General" akan dilantik sebagai Ketua Eksekutif, Ketua Pentadbir dan Ketua Akademik bagi Majlis. Setiausaha Agung yang pertama akan dilantik oleh Menteri. Seorang yang layak dan berpengalaman perlu dilantik untuk membuat perancangan awal dan menentukan Majlis berjalan dengan cekap dan licin dalam tahun-tahun pelancarannya.

Seksyen 17 memperuntukkan bahawa bagi membiayai perbelanjaan Majlis sebuah tabung akan diwujudkan, terdiri daripada peruntukan Parlimen, bayaran-bayaran peperiksaan dan sumber-sumber lain yang merupakan hasil perolehan Majlis. Keteguhan Majlis bergantung kepada sebuah tabung yang mempunyai sumber yang cukup supaya kegiatan-kegiatan dapat dibiayai dengan memuaskan dan perkhidmatannya dapat dibayar dengan cepat pada kadar-kadar yang menarik. Walaupun sumber-sumber hasil tahunan pendapatan Majlis dalam bentuk bayaran peperiksaan dijangkakan lebih kurang enam juta ringgit pada masa peperiksaan ini diambilalih sepenuhnya tetapi Majlis memerlukan satu peruntukan pelancaran sebaik-baik sahaja ianya ditubuhkan untuk pembiayaan kerja-kerja awal.

Seksyen 21 memperuntukkan bahawa Majlis adalah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh memberi apa-apa arahan kepadanya selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta. Peruntukan ini penting untuk memastikan supaya Majlis tidak terkeluar daripada dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan pelajaran.

Seksyen 25 dan Seksyen 27 memperuntukkan bahawa tiap-tiap ahli Majlis dan sesiapa juga yang dilantik oleh Majlis atau menjalankan kerja-kerjanya adalah terikat untuk memelihara kerahsiaan kegiatannya dan hukuman-hukuman tertentu diperuntukkan bagi sebarang penyelewengan bersabit dengannya. Hukuman-hukuman diperuntukkan bagi sesiapa yang terlibat dalam perbuatan membocorkan kertas-kertas soalan atau maklumat-maklumat peperiksaan yang lain. Kerahsiaan dan amanah adalah tonggak kepada keutuhan dan keselamatan peperiksaan, dan peruntukan ini memenuhi maksud itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penggubalan Rang Undang-undang ini Kementerian Pelajaran serta semua pihak yang berkenaan telah mengkaji bentuk dan susunan beberapa badan peperiksaan terkemuka di dunia luar dan telah mengambil unsur-unsur dan pengalaman terbaik daripadanya. Segala pertimbangan telah juga diberikan kepada unsur-unsur yang akan menentukan kejayaan atau sebaliknya pengendalian sesuatu peperiksaan oleh sesebuah badan peperiksaan, khususnya dua unsur tonggak iaitu "keselamatan" dan "keutuhan" atau "security" dan "integrity".

Peruntukan-peruntukan yang tegas dan luas telah disediakan bagi menentukan langkah-langkah keselamatan yang memuaskan diwujudkan dan lagi hukuman-hukuman yang wajar dikena bagi keseluruhan kegiatan di bidang pengendalian peperiksaan. Begitu juga keadaannya dengan matlamat menjamin keutuhan dan keamanahan peperiksaan. Selain dari itu perhatian yang tegas juga diberikan kepada matlamat memastikan kepercayaan orang ramai terhadap peperiksaan yang dikendalikan itu seperti yang jelas kelihatan dari segi keanggotaan Majlis itu sendiri, statusnya sebagai badan berkanun dan kemudahan-kemudahan untuk ia berkolaborasi dengan badan-badan, institusi-institusi dan individu-individu, di dalam dan di luar negeri, untuk menjamin sumber-sumber kepakaran dan kemahiran yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu soal yang amat penting yang menjadi tumpuan perhatian orang ramai, iaitu isu pengiktirafan atau "recognition" sijil-sijil keluaran Majlis ini kelak, khusus-

nya sijil HSC atau STP. Dalam hal ini pengiktirafan dalam negeri adalah menjadi tanggungan atau "commitment" Kerajaan. Pengiktirafan di luar negeri pula dijangka tidak akan merupakan masalah, iaitu berasaskan kepada beberapa pertimbangan tertentu. Pertamanya, berdasarkan kepada pengalaman Peperiksaan MCE/SPM diambillah daripada Cambridge pada tahun 1978 yang mana sijilnya sekarang telahpun diiktirafkan di luar negeri seperti yang telah saya sebutkan tadi. Keduanya, peranan utama universiti-universiti tempatan yang sudah terkenal di dunia luar itu dalam kegiatan Majlis ini. Ketiganya, kerjasama rapat yang akan diteruskan oleh Majlis dengan badan-badan peperiksaan terkemuka di luar negeri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa selepas Majlis ditubuhkan dan Peperiksaan HSC diadakan dalam negara ini sepenuhnya dalam pengantar Bahasa Malaysia (juga dalam Bahasa Inggeris untuk calon-calon di Sarawak sehingga selesainya program peralihan bahasa pengantar) maka Peperiksaan Cambridge HSC tidak akan diadakan lagi oleh Kerajaan. Dengan itu kemasukan ke universiti-universiti tempatan dan untuk perkhidmatan Kerajaan akan didasarkan kepada sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Majlis sahaja. Saya maklum mungkin ada segolongan kecil pelajar-pelajar yang masih ingin mendapatkan kelayakan-kelayakan selain daripada HSC bagi tujuan melanjutkan pelajaran di seberang laut. Bagi golongan ini pihak Kerajaan tidak akan menghalang mereka mengambil peperiksaan-peperiksaan luar (external examinations) yang serupa, seperti Peperiksaan GCE "A" level yang sekarang pun sedia ada, tertaklukkan kepada syarat-syarat tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979 dibacakan kali kedua sekarang terbuka untuk dibahaskan.

5.27 ptg.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya membaca dengan terkejut kepala berita (headline) *New Straits Times* kelmarin dahulu, dan untuk mengingatkan kembali pengingatan Dewan yang mulia ini, saya baca sekali lagi berita itu dengan ringkas:

(*Dengan izin*) "Details of 1,294 SRP students held back pending probe.

The Sijil Rendah Pelajaran examination results of 1,294 government school candidates from five centres are being held back by the Education Ministry because of "suspected irregularities".

Examinations Syndicate Director, Encik Omar Hashim, who confirmed this today, said the move was made after the Syndicate received reports from various sources.

Judging from the reports, we think it possible that the way the 1979 SRP examination was conducted at these centres was far from satisfactory, Encik Omar said.

There were indications in the reports of several irregularities at these centres. They included, among other things, alleged wilful help given to candidates by invigilators.

The desks of candidates were also arranged so close to one another that there are allegations of copying.

The centres are located in two States.

Encik Omar said the State Education Directors and State Examinations Secretaries concerned had been instructed to conduct a full investigation.

We are particularly perturbed when we hear allegations of our invigilators helping candidates. It is a very serious offence.

At least two such cases have occurred in the past and severe disciplinary action was taken against the teachers involved.

Encik Omar said this was the first time so many centres were alleged to have committed dishonest acts at a single SRP examination.

He disclosed that out of the 212,524 candidates who sat for it last October, 16 were caught cheating red-handed. Their results had been nullified."

Pada hari ini pula, satu berita daripada *New Straits Times* mengatakan:

(*Dengan izin*) "A total of 148 of the 1,294 candidates whose Sijil Rendah Pelajaran examination results were held back by the Education Ministry have now got their results.

Examination Syndicate Director Omar Hashim, who announced this today said: We are now satisfied that these candidates were not guilty of dishonesty in their SRP examination.

However, we are still holding back the results of the other 1,146 candidates, he added.

The candidates whose results have been cleared can go to Form Four or be retained in Form Three, depending on their results.

Encik Omar said it was the syndicate's aim to clear with-held results as soon as possible so as to enable pupils to get back to lessons, if they are eligible."

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji Pengarah Sindiket Peperiksaan itu atas tindakan pesatnya berkenaan dengan 148 murid-murid yang telah dapati keputusan peperiksaan mereka dan saya berharap banyak lagi keputusan-keputusan murid-murid yang tak bersalah akan dapat dilepaskan.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan cuba berlaku curang dalam ujian dilakukan oleh seseorang penuntut adalah kejadian biasa yang lama dan rumit hendak dielakkan sungguhpun penuntut itu pasti didenda jikalau didapati mereka itu bersalah. Tetapi apabila Pengawas Peperiksaan sendiri menolong dalam kecurangan itu dan banyak Pusat Ujian dalam dua buah negeri terlibat, maka kejadian itu bukan sahaja sangat serius tetapi juga nama baik sistem peperiksaan kita telah dikotorkan. Di mana sistem ini dan siapa yang salah? Telah banyak kali kita dengar pada masa yang lepas peperiksaan di sesuatu pusat digantung atau murid

berkenaan tidak dibenarkan lulus oleh sebab kecurangan, tetapi inilah pertama kalinya yang mungkin ramai Pengawas Peperiksaan terlibat. Saya khuatir jikalau tindakan sewajarnya tidak diambil untuk menjamin perkara ini tidak akan berlaku lagi pada masa depan, maka kepercayaan kepada sistem peperiksaan kita akan merendah. Saya dapati Kementerian telah mengarahkan Pengarah-pengarah Pelajaran dan Setiausaha-setiausaha Peperiksaan Negeri-negeri yang berkenaan membuat penyiasatan yang penuh dan teliti. Kami berharap penyiasatan ini dimulakan dan diselesaikan dengan secepat mungkin dengan mendedahkan nama-nama pegawai-pegawai atau guru-guru yang bersalah dan pegawai-pegawai yang terlibat itu dijatuhkan hukuman dengan seberapa berat yang boleh. Jikalau Rang Undang-undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan tidak lama lagi saya berharap orang-orang itu perlulah dijatuhkan hukuman di bawah Fasal 28 (1) Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kecurangan Pengawas Peperiksaan ini telah menunjukkan satu tanda erosi akhlak di sekolah-sekolah kita dan tidakkah Kerajaan memandang masanya sudah sampai bahawa masalah rohani atau masalah morality di sekolah-sekolah patut diambil berat dan pendidikan rohani khususnya pendidikan watak dipentingkan lebih lagi di sekolah-sekolah di seluruh negara untuk menahankan erosi akhlak kaum muda kita yang dipengaruhi oleh unsur-unsur tidak sihat dalam masyarakat moden yang mengakibatkan turunnya taraf maruah kaum muda kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin membangkitkan perkara berkenaan Fasal 22 di mana Yang Berhormat Menteri, boleh, selepas berunding dengan Majlis, dengan perintah meminda Jadual Pertama. Oleh sebab Pindaan Jadual Pertama satu perkara kait-berkait dengan pihak pendidikan awam, saya berharap Majlis Peperiksaan Malaysia yang akan ditubuhkan di bawah Akta ini akan memberi peluang kepada ahli-ahli pendidikan swasta atau badan-badan pendidikan atau institusi-institusi awam memberi pandangannya sebelum keputusan diambil di bawah Fasal 22 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya berucap.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook.

*5.35 ptg.*

**Dr Choo Kooi Fook:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia yang telah dikemukakan bagi perundingan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

Tidaklah dinafikan bahawa semenjak kemerdekaan negara kita mengambil masa yang agak panjang supaya berkebolehan mengelolakan peperiksaan-peperiksaan diri sendiri. Kita telah mulai dengan Peperiksaan LCE atau SRP dan dalam tahun 1978 Peperiksaan MCE/SPM dan sekarang ini kita akan mengambil alih Peperiksaan HSC. Saya memang setuju proses ini harus kita menganggap secara logik dan perlu bagi negara kita yang telah merdeka.

Memandangkan hakikat bahawa Lembaga Peperiksaan di bawah Kementerian Pelajaran mampu menjalankan tugasnya dengan sempurna dalam tempoh transition ini adalah satu bukti kita boleh mengelolakan peperiksaan-peperiksaan diri sendiri. Dalam perkara ini saya ingin memberi tahniah saya kepada Kementerian Pelajaran kita. Saya percaya bahawa dengan pengalaman yang cukup dalam masa yang lalu Majlis Peperiksaan Malaysia yang baru ini memang tidak susah melaksanakan tugas yang begitu beratnya dengan memuaskan. Di samping itu saya berharap bahawa Majlis itu akan bersikap liberal dan membenarkan warganegara-warganegara kita kebebasan mengambil peperiksaan-peperiksaan luar negeri sebagaimana yang telah banyak mengambil pada masa dahulu dan mencapai kejayaan di masa yang lalu.

Bila saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia itu dan juga bersukacitalah menyampaikan tahniah saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran atas membentangkan

Rang Undang-undang yang sangat komprehensif ini. Saya juga ingin mengambil peluang ini supaya membuat beberapa komen atas perkara-perkara yang berhubung dengannya.

Menyentuh Bahagian II—Keanggotaan Majlis, seksyen 4 (1) (e)—“lima orang ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertua Agong.” Sungguhpun ianya tidak menyatakan apakah kategori 5 ahli-ahli itu akan dipilih, saya berharap bahawa mereka akan dipilih daripada orang-orang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat, berkelayakan tinggi dan dengan pengalaman yang baik serta mempunyai hubungan rapat dengan pelajaran nasional kita. Dalam hubungan ini saya ingin menegaskan bahawa kaum, warna kulit ataupun agama tidak patut diambil dalam pertimbangan. Saya berharap bahawa Menteri itu akan berpandukan kepada jasa dan merit sahaja, yang terutama ahli-ahli yang dipilih patut dapat menempatkan kepentingan nasional atas kepentingan perseorangan ataupun perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh pula Bahagian II, muka surat 5 berkaitan dengan Fasal 7 (1) (a) “menyedia dan menerbitkan sukatan-sukatan pelajaran peperiksaan; (b) menyediakan kertas-kertas peperiksaan”. Saya berharap bahawa Majlis itu akan berusaha dengan sedaya upaya supaya mempertahankan satu standard yang tinggi yang dapat kita membandingkan dengan sebarang negara dalam rantau ini. Adalah satu kesilapan jika kita mengorbankan standard bagi quantity. Memanglah kami selalu membaca hal yang menyatakan sekolah-sekolah luar bandar yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang agak kurang baik, tanggungjawab meningkatkan mutu pelajaran terpulanglah kepada Jabatan Pelajaran dan adalah berharap bahawa tindakan-tindakan positif akan diambil supaya membetulkan keadaan luar bandar agar mereka boleh menikmati kemudahan-kemudahan yang sama dengan sekolah-sekolah yang lebih besar di bandar.

Mengenai Bahagian V, Fasal 25, Tuan Yang di-Pertua, penzahiran (leakage). Sebagaimana rakan saya Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock mengatakan tadi angka-angka telah dilaporkan dalam *Straits Times*. Kita memang anggap kejadian

ini dengan serius. Penzahiran kertas-kertas peperiksaan telah dijadikan satu perhatian yang berat baru-baru ini. Saya berharaplah apabila Majlis Peperiksaan Malaysia ditubuhkan, ia akan menjalankan kawalan yang lebih berkesan dan lebih ketat supaya mencegah kejadian penzahiran maklumat di masa depan. Biarlah kita belajar daripada pengalaman yang lalu. Penzahiran adalah satu pelanggaran yang sangat serius dan Fasal 25 (3) di mana berbunyi:

“25 (3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen-kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya”.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya menganggap penzahiran sebagai serius, saya mencadangkan denda-denda akibat darinya dinaikkan dua kali ganda. Jadi didendakan tidak lebih daripada \$20,000 ataupun penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bahawa susahlah bagi saya menerima Fasal 26 di bawah Bahagian V, bertajuk Merahsia-kan markah dan skrip jawapan. Fasal 26 adalah berbunyi berikut:

“26. Tiada seorangpun adalah berhak terhadap penzahiran markah yang didapati atau skrip jawapan yang dihasilkan oleh mana-mana calon dalam sesuatu peperiksaan tertentu, dan tiada satupun mahkamah boleh memaksa Majlis atau mana-mana ahli, pegawai atau penjawatnya membuat apa-apa penzahiran semumpama itu kepada mana-mana orang”.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Fasal ini adalah “complete or absolute protection,” dan di sesuatu perbuatan manusia, jika kita beri “absolute protection, it is going to backfire.” Apabila saya bersejaja membela dan melindungi Majlis itu dalam menjalankan tugas-tugasnya, saya memang tidak menyokong perlindungan dengan mutlaknya dan sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 26 itu. Bila saya menegaskan perkara ini di sini, saya ingin menunjukkan dengan seterang-terangnya bahawa saya tidak bersangsi atau mungkin

muncul kegiatan-kegiatan yang tidak jujur atau tidak sihat ataupun diskriminasi dalam pemeriksaan kertas-kertas itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dipercayai akan bersetuju dengan saya bahawa satu perlindungan yang mutlak seperti yang dinyatakan dalam Fasal 26 itu mungkin akan berlawanan dengan maksud dan keinginan Majlis itu. Orang-orang yang dilantik untuk memeriksa kertas-kertas itu mungkin tidak memandang dengan beratnya atas tugasnya. Mereka yang kurang bersemangat dedikasi boleh mencari dalih. Misalnya karangan boleh diperiksa hanya mengikut pendek panjangnya. Pemeriksa-pemeriksa mungkin akan dipandukan dengan fikiran bahawa sama ada beliau membaca kertas-kertas calon-calon itu dengan teliti, beliau juga dilindungi sama.

Saya tidak berniat menyatakan perkara ini akan muncul tetapi adalah wujud peluang di mana pemeriksa-pemeriksa yang memeriksa kertas-kertas calon itu tidak payah menghadapi hukuman sama ada mereka bersungguh-sungguh memeriksa kertas itu dengan jujur dan adil.

Sebagaimana untuk mengatasi kemungkinan menyalahgunakan kuasa, saya ingin mencadangkan bahawa lebih baik kami mengikut cara-cara yang digunakan oleh Universiti Cambridge pada masa yang lalu.

Pada masa yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri juga kita semua mengambil Peperiksaan Senior Cambridge dari zaman penjajahan British dahulu. Pada masa itu jika seseorang daripada kita tidak puas hati dengan keputusan-keputusan yang diberikan, kita berhak membuat rayuan kepada Cambridge University dengan bayaran yang dipanggil "search fee." Seorang pelajar yang baik jika markah-markah yang didapati oleh beliau adalah berlawanan dengan keputusan-keputusan peperiksaan di sekolah, maka sekolah itu ataupun Guru Besar itu patut boleh menulis surat kepada Majlis Peperiksaan membuat satu siasatan ataupun pertanyaan.

Sebagai contoh, saya hendak memberi penjelasan sedikit. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat ada anak-cucu di sekolah dan agak-

nya mereka cerdas dan pandai dalam peperiksaan sekolahnya selalu mendapat nama pertama, atau kedudukan atas sepuluh nama . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah mengambil masa lebih daripada 15 minit. Sila ringkaskan.

**Dr Choo Kooi Fook:** Jika tiba-tiba di dalam peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dia tidak lulus dalam sesuatu matapelajaran itu, pada fikiran saya patutlah diberi satu peluang bagi ibubapa itu, membolehkan mereka membuat satu rayuan kepada Majlis untuk menyiasat mengapa selalunya dia pandai, tetapi dalam peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dia tidak lulus. Ini adalah satu contoh yang saya ingin mengemukakan di sini.

Untuk mencegah sebarang Tom, Dick and Harry membuat pertanyaan dan meminta penjelasan dalam satu peperiksaan tanpa sebab-sebab yang baik maka bolehlah mengenakan satu wang bayaran yang tinggi sebagai yang dijalankan oleh Universiti Cambridge itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan di sini bahawa Fasal 26 ini dipindahkan dengan syarat-syarat yang berikut:

- (1) Sebarang pertanyaan atau penyiasatan peperiksaan itu mesti mendapat persetujuan gurubesar sekolah itu terlebih dahulu.
- (2) Wang bayaran yang tinggi patut dikenakan kepada sesiapa yang membuat pertanyaan atau meminta pemeriksaan itu.

Ini adalah cara-cara yang terbaik untuk memperkuatkan kepercayaan orang ramai, dan sementara itu akan memaksakan semua pemeriksa-pemeriksa menjalankan tugas mereka dengan lebih penuh bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya dengan sukacita mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya meminda Fasal 26 Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rahmah Othman.

5.52 *ptg.*

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun pada petang ini untuk membahar dan memberi pandangan serba sedikit berhubung dengan cadangan Kementerian Pelajaran untuk menubuhkan satu Majlis Peperiksaan Malaysia dengan membentangkan Rang Undang-undang Peperiksaan Malaysia, 1979 di Dewan yang mulia hari ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri dan mereka yang bertanggungjawab di Kementerian Pelajaran yang telah mengambil masa lebih dari 2 tahun mengambil satu tindakan yang berani, tegas dan positif sehingga dapat mengemukakan satu Rang Undang-undang yang saya rasa patut diberi pujian, kerana sebagai sebuah negara yang merdeka selama lebih 22 tahun setelah mempunyai bahasa dan dasar pelajaran sendiri, sudah sewajarnya mengadakan pula Majlis Peperiksaan sendiri.

Pada pendapat saya sudah tidak sesuai lagi negara ini membiarkan pengendalian peperiksaan dalam apa peringkat sekali pun dikendalikan oleh satu badan peperiksaan luar negeri sedangkan kita mempunyai cukup tenaga professional di bidang pelajaran, professors dan academicians yang betul-betul pintar dan pakar dari 5 buah universiti tempatan yang telah memberi didikan kepada bijak pandai bumiputra dan bukan bumiputra negara ini sekarang. Negara kita memang layak dan mampu memikul tanggungjawabnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Majlis ini sepatutnya dibuat dahulu lagi tetapi mungkin Kementerian ini tidak bersedia, walau bagaimanapun memandangkan kepada beberapa kejayaan yang telah diusahakan oleh Kementerian ini, misalnya mengalih-bahasa bahasa pengantar di sekolah-sekolah ke dalam Bahasa Kebangsaan sesuai dengan dasar pelajaran semenjak tahun 1970. Usaha ini sekarang berjalan dengan licin dan sempurna sehinggalah ke peringkat sekolah menengah atas.

Satu lagi kejayaan Kementerian ini ialah dalam tahun 1978 peperiksaan LCE telah diadakan dalam bahasa pengantar iaitu Bahasa Malaysia kecuali di Sarawak. Dan dalam tahun ini peperiksaan MCE akan diadakan dalam perantaraan Bahasa Kebangsaan. Maka saya percaya penubuhan Majlis ini akan meyakinkan rakyat betapa seriusnya pemimpin-pemimpin negara kita yang dipilih oleh rakyat untuk mengisi kemerdekaan sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah membentangkan Rang Undang-undang ini dengan memberi penerangan yang begitu jelas sekali sehingga sukar bagi mereka yang tidak berada bersama kita untuk mencari jalan memburuk-burukkan kebolehan kepimpinan negara hari ini, selain dari semasa membahaskan Rang Undang-undang ini memainkan sentimen perkauman. Sewaktu Rang Undang-undang ini dibentangkan di Dewan Rakyat pada bulan Oktober tahun lalu beberapa orang Ahli Dewan daripada parti pembangkang nampaknya menimbulkan keraguan rakyat khususnya bukan sahaja di kalangan rakyat negara ini tetapi menimbulkan juga keraguan di kalangan masyarakat luar terutama sekali berkenaan dengan nilai sijil-sijil yang dikeluarkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pandangan-pandangan mereka itu adalah pandangan mereka sendiri dan saya berharap dalam Dewan yang mulia pada petang ini Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan timbul dan menambah keraguan yang serupa kerana ini adalah satu usaha yang besar maknanya kepada jenerasi yang akan datang dan ianya satu perkara yang terpenting yang dapat diwujudkan bagi menentukan corak masyarakat masa hadapan. Walau bagaimanapun, saya berharap dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat mengawasi dan berhati-hati melaksanakan segala tanggungjawab yang tersebut dalam Fasal 21 (1), (2) dan (3) dan juga Fasal 22. Jika tidak maka kami Ahli-ahli ini akan menggunakan Fasal 20 (2) untuk menyoal kesilapan yang dibuat. Dengan cara ini, saya harap tidak dapat menimbulkan sebarang kecurigaan terutama

daripada mereka yang sentiasa tidak berpuas hati terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk mengujudkan satu masyarakat yang bersatupadu di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh beberapa perkara mengikut Fasal-fasal dalam Rang Undang-undang ini.

Pertama saya ingin menyentuh Fasal 4 (1) yang menyebutkan:

“Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut—(a) Naib Canselor Universiti-universiti.”

Tadi telah kita dengar penerangan yang diberikan oleh Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa pihaknya telah mendapat kerjasama dan bantuan daripada universiti-universiti tempatan bagi mengendalikan peperiksaan HSC ini dan penuh yakin dengan adanya bantuan itu Majlis Peperiksaan yang akan ditubuhkan itu akan dapat memikul tanggungjawab dengan cekap demi untuk menjaga keutuhan dan taraf peperiksaan yang tinggi sesuai dengan cita-cita Kerajaan dan rakyat. Yang demikian, saya tidak meragui kebolehan lantikan seorang daripada Naib-Canselor Universiti itu menjadi Pengerusi yang akan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Fasal 4 (2) tetapi apa yang saya hendak sentuh dan syorkan di sini kerana kita mempunyai 5 buah universiti dan bermakna 5 Naib-Canselor yang ada maka mengikut peruntukan ini lantikan Pengerusi Majlis itu ditetapkan tidak lebih dari tiga tahun. Oleh yang demikian, saya berharap ada satu cara iaitu bertukar ganti Pengerusi supaya dengan cara ini dapat memberi peluang kepada kelima-lima Naib-Canselor menggunakan pengetahuan dan pengalaman serta kebolehan mereka memimpin Majlis bagi meninggi dan memajukan lagi. Hakikat ini adalah perlu untuk menjamin mutu pencapaian yang tinggi kerana ini mencerminkan profession masing-masing yang amat dihargai.

Berhubung dengan lantikan Setiausaha Agung iaitu Fasal 14 (1), saya ingin menyentuh supaya lantikan Setiausaha Agung ini, saya berharap Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan kemudian bahawa lantikan Setiausaha Agung ini adalah kuasa Menteri dan kita mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri nanti tidak mengambil pegawai-pegawai yang sudah bersara.

Saya mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri dapat melantik pegawai-pegawai tinggi sama ada dalam Kementerian Pelajaran ataupun di Kementerian-kementerian lain memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan satu tugas yang amat penting ini, kerana sebagai Setiausaha Agung seseorang itu adalah nadi kepada seluruh organisasi ataupun Majlis.

Menyentuh perkara tugas Majlis ini dalam Seksyen 7 seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengendalikan peperiksaan seperti yang tercatat dalam Jadual Pertama Akta ini yang akan menarik perhatian rakyat seluruhnya ialah dari segi pengiktirafan sijil-sijil dan keputusan-keputusan yang akan dibuat oleh Majlis. Kita patut mengucapkan terima kasih kerana di dalam pengubalan Rang Undang-undang ini pihak Menteri telah mengambil perkiraan tentang soal keselamatan dan keutuhan di dalam sistem pengubalan dan juga telah dapat mengambil contoh-contoh yang terbaik dari negara-negara luar dan Majlis-majlis Peperiksaan di luar negeri dan penglibatan kelima-lima universiti ini. Oleh itu, kita bukan sahaja akan memperkukuhkan kepercayaan orang ramai serta menjamin sumber tenaga akademik dan kepakaran yang lebih besar di masa akan datang tetapi juga akan benar-benar memenuhi keperluan kelayakan masuk ke universiti-universiti itu nanti. Soal pengiktirafan terhadap sijil-sijil yang akan dikeluarkan oleh Majlis ini adalah satu perkara yang amat penting sekali. Oleh yang demikian, saya sangat-sangat berharap Yang Berhormat Menteri dapat bukan sahaja bekerjasama dengan pihak universiti-universiti dalam dan luar negeri, tetapi di institusi-institusi pelajaran dalam dan seberang laut.

Dalam hal ini saya ingin menekankan bahawa mengikut apa yang telah dimaklumkan dan dari pengalaman kita dengan adanya peruntukan yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini, saya yakin bahawa segala keputusan dan segala sijil-sijil yang akan dikeluarkan adalah sijil yang benar-benar menunjukkan nilai yang dapat diterima oleh semua golongan dan lapisan masyarakat. Dengan itu tidak perlu timbul syak wasangka tentang nilai sijil ini oleh sektor swasta untuk mengambil mereka bekerja atau membiayai pelajaran anak-anak kita atau menimbulkan sebarang kesulitan

kepada penuntut-penuntut kita yang telah memiliki sijil ini dari Majlis yang kita bentuk.

Seperkara lagi dalam seksyen ini ialah sukatan pelajaran peperiksaan yang sedang dijalankan sekarang. Saya berharap pihak Kementerian dapat menimbangkan supaya menambah matapelajaran iaitu memberi tempat kepada pelajar-pelajar yang ingin mengikuti bidang-bidang yang disukai seperti matapelajaran sociology, political science atau current affairs yang ada di peringkat universiti-universiti, tetapi tidak di peringkat MCE atau sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan dengan Majlis Peperiksaan dengan Perbadanan Peperiksaan Professional luar negeri seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa peruntukan bagi Majlis ini bekerjasama dengan badan-badan peperiksaan luar negeri (Cambridge Examination Syndicate) adalah penting bagi mendapatkan bantuan teknik, kepakaran dan khidmat-nasihat bagi menjamin keutuhan mutu dan keboleh-percayaan peperiksaan yang akan dijalankan dan dengan kerjasama kelima-lima universiti tempatan sebagai perediaan dan untuk mendapatkan pengalaman serta membolehkan perpindahan tanggungjawab diuruskan dengan licin dan sempurna dan sijilnya diperkenalkan di luar negeri bagi kepentingan pengiktirafan. Apa yang saya hendak tekankan di sini supaya Majlis mengambil perhatian bahawa sekiranya sesuatu peperiksaan itu dijalankan penuntut-penuntut tidak dijadikan bahan percubaan misalnya mendatangkan sesuatu pindaan kepada matapelajaran. Katalah, matapelajaran Ilmu Alam, Kira-kira atau sebagainya yang diberitahu atas perubahan itu dengan serta-merta bagi menyesuaikan kehendak sistem baru. Jika ini berlaku mungkin penuntut-penuntut yang berkenaan tidak dapat mengikuti pelajaran mereka dengan tekun dan ini akan merugikan penuntut itu sendiri. Perubahan dasar atau matapelajaran yang dilakukan selalu akan membawa akibat yang kurang sihat kepada penuntut-penuntut terutama mereka yang hendak meningkat. Oleh itu, saya berharap Majlis ini akan dapat berhati-hati dalam usahanya melaksanakan Seksyen 7 (1) (a) dan (b).

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang harus ditegaskan di sini ialah mengenai pengendalian peperiksaan. Kita yakin kepada

pengendalian peperiksaan yang dijalankan pada masa sekarang ini dan memandangkan Rang Undang-undang ini telah menyediakan persediaan untuk menjaga keselamatan peperiksaan itu, maka saya ingin menyentuh Seksyen 12 dan Seksyen 25.

“12 (1) Majlis boleh melantik orang-orang yang mempunyai kelayakan yang sesuai, sama ada yang tinggal dalam Malaysia atau luar Malaysia, untuk menyediakan, menilai atau memeriksa soalan atau jawapan bagi sesuatu peperiksaan tertentu.”

Majlis ini perlu mementingkan seksyen 12 (1) supaya tidak lagi timbul masalah pembocoran.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila ringkaskan.

**Puan Rahmah binti Othman:** Saya baca, Tuan Yang di-Pertua. Masalah pembocoran kertas peperiksaan atau lain-lain pembocoran kerana lantikan orang-orang yang menjalankan tugas dalam bahagian inilah perlu dicarikan orang-orang yang betul-betul amanah dan tidak berhasrat untuk menjadikan perkara ini seperti barang jual beli yang boleh mengayakan dirinya sendiri, dengan senang membocorkan segala soalan peperiksaan seperti yang berlaku baru-baru ini. Pihak Majlis tidak ragu-ragu saya harap menggunakan Seksyen 24.

Saya berharap Majlis dapat memastikan bahawa orang-orang yang dilantik di bawah Akta ini atau yang sedang dan telah diambil kerja untuk menjalankan peruntukan dan maksud Akta ini benar-benar dapat menyimpan dan membantu menyimpan rahsia. Satu cara atau jika perlu mereka ini diikat janji dan bersumpah dengan nama Allah harap dapat dijalankan. Pengambilan mereka yang menjaga dalam masa peperiksaan dijalankan juga perlu diambil perhatian supaya perkara yang berlaku beberapa hari dahulu yang melibatkan pembekuan sijil kepada seramai 1,294 pelajar Tingkatan SRP adalah satu pelajaran kepada Majlis ini supaya tidak meragukan rakyat kepada integriti Majlis dan perkara ini saya percaya akan menyusahkan orang ramai kerana penuntut-penuntut itu sudahlah sekarang tidak dapat meneruskan pelajaran dan takut sijil-sijil mereka ditarik dan terpaksa pula mengambil peperiksaan baru.

Penuntut penuntut private yang sekarang ini mengambil peperiksaan "A" level atau GCE di London, A.B.E. menjalankan peperiksaan bagi mereka. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengadakan satu cara supaya dengan wujudnya Majlis ini tidak lagi pelajar-pelajar private ini menumpukan kepada A.B.E. ini tetapi peperiksaan itu biarlah dijalankan oleh Majlis Peperiksaan ini kerana kalau tidak dibuat demikian, tidak ada makna dan taraf yang kita berikan kepada Majlis ini. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kumaran.

*6.10 ptg.*

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini untuk mewujudkan di Malaysia juga Majlis Peperiksaan adalah satu langkah yang kita memang mengalu-alukan dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Selama ini kita telah bergantung kepada Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge untuk menjalankan peperiksaan MCE/HSC. Dalam beberapa tahun ini, pihak Universiti Malaysia telah juga berusaha bersama dengan Lembaga tersebut. Ini telah menunjukkan kepakaran tempatan dapat juga digunakan bagi mencapai tujuan relevance peperiksaan-peperiksaan tersebut kepada kita di Malaysia. Dengan kemajuan negara dan timbulnya beberapa faktor khas dalam bahasa pengantar dan memeriksa, keadaan sekarang berkehendakkan satu perubahan dalam peraturan ini. Saya rasa cara yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini untuk menubuhkan sebuah Majlis Peperiksaan kita sendiri adalah satu yang wajar.

Peperiksaan-periksaan yang dikendalikan ini sekarang, iaitu MCE dan HSC adalah perkara yang amat penting dalam kehidupan pemuda-pemudi dan keluarga-keluarga kita. Nasib mereka ditentukan secara muktamad oleh kejayaan mereka dalam peperiksaan ini. Sijil-sijil yang dikeluarkan juga memberi kita satu alat pilih atau selection system untuk beberapa bidang khususnya peluang untuk

memasuki Kolej dan Universiti dan juga bagi pekerjaan di sektor swasta ataupun Kerajaan.

Dalam keadaan ini adalah amat mustahak untuk Majlis yang ditubuhkan ini mendapat kepercayaan dan penerimaan penuh di kalangan masyarakat dan majikan. Kepercayaan dan penerimaan ini hanya dapat dicapai jika Majlis ini menjalankan tugasnya secara berkesan, bebas, jujur dan cekap. Jika sifat-sifat ini tidak dijelas di dalam segala tindakan dan keputusan Majlis ini, bukan sahaja secara kebenaran bahkan juga dalam imej yang diwujudkan oleh Majlis ini, saya bimbang banyak masalah akan timbul. Saya ingin menegaskan perkara ini kerana ianya adalah begitu penting.

Dan juga baru-baru ini kita mendengar hujah-hujah di mana beberapa ramai murid telah tidak dapat keputusan Sijil Rendah Pelajaran mereka ataupun Malaysia Certificate of Education (Sijil Pelajaran Malaysia) kerana disyaki ada kejadian salah dalam menjalankan atau mengawal peperiksaan. Kejadian seperti ini menjejaskan penerimaan dan kepercayaan di atas badan yang menjalankan peperiksaan am. Kejadian ini juga menunjukkan bahawa peraturan-peraturan untuk mengawal peperiksaan-peperiksaan tidaklah begitu ketat dan terkawal. Ada kemungkinan bahawa di tempat-tempat yang lain kejadian seperti ini telah juga berlaku dan tidak diketahui oleh pihak yang berkuasa.

Saya harap langkah-langkah pertama Majlis Peperiksaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-undang ini ialah untuk mengkaji secara luas dan dalam peraturan-peraturan pengawalan rahsia dan keadilan peperiksaan yang ditujukan. Pengawalan ini haruslah mula daripada usaha merangkakan soal-soal dalam peperiksaan, kepada kerja-kerja percetakan kertas-kertas dan pengawalan pengedaran kertas-kertas, penulisan peperiksaan dan menilaikan usaha murid-murid dalam peperiksaan yang tersebut. Saya harap kita tidak akan menjalankan sesebuah peperiksaan sebelum segala persediaan ini dapat dijamin secara penuh.

Satu lagi perkara yang saya ingin menyebutkan di sini adalah mengenai kegunaan hasil sesuatu peperiksaan yang dijalankan

untuk membaiki lagi mutu pelajaran kita. Adalah dapat diterima ramai jika saya mengatakan bahawa sesuatu peperiksaan itu menjadi alat yang tunggal yang kita mempunyai sekarang untuk menilai taraf kecapaian sistem pelajaran kita, walaupun alat ini bukanlah satu yang perfect. Jika kita hendak sentiasa mengkaji dan membaiki taraf kecekapan dan kejayaan sistem pelajaran kita, kita haruslah menggunakan lebih berkesan lagi kecapaian murid-murid dalam peperiksaan am untuk memberi feedback yang berguna kepada Kementerian Pelajaran dan pusat-pusat Pelajaran Tinggi dalam susunan kurikulum, latihan guru-guru dan penyeliaan sekolah-sekolah.

Penubuhan Majlis Peperiksaan Malaysia ini mestilah menjadi satu galakan yang mustahak kepada kita untuk menentukan tindakan-tindakan mengubahsuaikan sekolah-sekolah dan pendidikan dalam sekolah-sekolah ini. Segala persediaan untuk mencapai feedback dan matlamat ini haruslah juga dibuat daripada awal-awal lagi dan bukan ditinggalkan kepada masa yang kemudiannya.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harus membangkitkan beberapa kelemahan dalam sekolah-sekolah yang boleh dibaiki jika cara meneliti feedback peperiksaan yang saya cadangkan tadi dapat diikuti. Satu daripada ini adalah sistem "Automatic Promotion" yang diamalkan sekarang. Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajaran dalam laporan Yang Amat Berhormat Dr Mahathir telah mencadangkan, sebahagian murid dipaksa mengulangi pelajaran di kelas-kelas tertentu jika terdapat lemah sangat dalam pelajaran mereka. Kita harus memberi perhatian yang dalam kepada perkara ini dan hasil ujian atau peperiksaan am sebaik-baiknya mestilah digunakan untuk mengaturkan remedial education kepada murid-murid yang saya sebut tadi.

Satu perkara lain ialah mengenai Sekolah-sekolah Tamil. Pada masa ini tidaklah cukup perhatian kepada banyak kelemahan dalam Sekolah-sekolah Tamil.

Peperiksaan Penilaian Darjah Lima dan juga peperiksaan yang kemudian mungkin dapat menunjukkan kelemahan-kelemahan ini dengan jelas khasnya dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab dan lain-lain. Hanya 20% atau lebih dapat

kelulusan dalam matapelajaran-matapelajaran itu. Tetapi saya rasa tidak cukup perhatian yang diberi kepada kegunaan keputusan peperiksaan ini untuk memperkuatkan keadaan di Sekolah-sekolah Tamil.

Banyak perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai aspek-aspek ini, khasnya untuk mencantumkan sekolah-sekolah kecil. Tetapi tidak cukup perhatian kepada kurikulum, bahan-bahan pendidikan dan pelajaran dan sistem latihan guru-guru. Kita hanya dapat menjalankan sesuatu tindakan yang perlu jika usaha murid-murid dalam peperiksaan dapat dikaji secara dalam sebagai inputs untuk merangka tindakan-tindakan yang perlu. Kalau tidak exercise ini akan jadi sia-sia sahaja, dan beribu-ribu murid yang di bangku sekolah Tamil akan tercicir dari usaha Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil, terlatih dan berguna kepada negara kita.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

6.21 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sambil menyokong, saya tidak sekali-kali rasa ragu sedikit pun ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Peperiksaan ini akan menjalankan tugasnya dengan sebenarnya dengan tidak memandang warna kulit, bangsanya dan dari mana dia datang oleh kerana kita tahu dan kita faham Kementerian Pelajaran bukannya ada sedikit pun perkauman di dalamnya. Kertas peperiksaan memang ada bocor di mana-mana negeri sekalipun. Kalau sekiranya peperiksaan itu diadakan di England misalnya di England pun kertas peperiksaan ini bocor. Ini macam-macam terjadi oleh kerana semasa dicyclostyle itu, semasa memberi kertas kerja ini, manusia, jadi memang terdapat. Tetapi Kerajaan seperti Badan yang memeriksa, saya yakin dan percaya tiada kejadian-kejadian yang sengaja dibuat oleh Kerajaan. Saya sekali lagi mempunyai pandangan iaitu Badan yang akan dilantik oleh Kerajaan nanti memang akan menjalankan tugasnya dengan tiada memandang sesiapa pun.

Selain daripada itu saya mengucapkan terima kasih kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu inilah yang kita semua nanti selama 22 tahun. Selepas mencapai kemerdekaan 10 tahun, yang kita katakan Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal supaya kita dapat menyatupadukan rakyat di negeri ini dan selepas itu 10 tahun lagi dan sekarang telah dapat pula menubuhkan satu Jawatankuasa Majlis Peperiksaan ini. Sungguhpun sudah terlewat sedikit, tetapi tidak menjadi apa-apa. Ini tentu dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan. Saya tertarik hati oleh kerana Bahasa Kebangsaan, kalau bahasa Inggeris saya tidak tertarik hati langsung, sebab ini bukan negeri Inggeris. Saya tertarik hati oleh kerana Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan bukan bahasa untuk Melayu sahaja bahkan untuk semua bangsa dalam negara ini, yang taatsetia dan akan hidup dan mati di negara ini. Bukan orang-orang yang kalau terjadi apa-apa kepada negeri ini misalnya ada peperangan dalam negeri ini, ada penceroboh di negeri ini, mereka cabut lari; itu bukan. Yang dikatakan taatsetia itu mesti taatsetia betul-betul, berani mati bukan oleh kerana kekayaan, ada minyak dan sebagainya, tidak sekali-kali. Begitu juga bukan kerana Bahasa Kebangsaan itu ada nilainya tetapi oleh kerana kita taat kepada negeri ini dan oleh kerana Bahasa Malaysia adalah bahasa kita bersama, maka dengan sebab itu kita mesti mempelajarinya dan dengan ini dapat kita menyatupadukan rakyat di dalam negeri ini. Itu tujuan pertama.

Apa boleh buat, dahulu kita telah dipcahbelahkan oleh penjajah, ada yang berfikir kita ini orang India, kita fikir kita orang Melayu, ada yang fikir kita ini orang Cina, ada yang memikirkan kami akan balik Tongsan esok. Ini masa dahulu bukan sekarang. Ada yang memikirkan dia akan kumpul wang dan akan balik ke Madras, ada yang fikirkan besok hendak balik ke Jakarta dan sebagainya. Ada yang kumpul wang untuk pergi ke Punjab, ada yang kumpul wang hendak balik ke Saudi Arabia. Yang balik ke England itu lain hal, itu penjajah tetapi bagi orang-orang yang men-datang ini.

Pada hari ini, selepas kita mencapai kemerdekaan 22 tahun, mereka itu sudah tahu, kita semua sudah tahu iaitu negara ini ada-

lah negeri kita bersama. Oleh kerana itu kita terpaksa mencari satu jalan untuk menyatu-padukan rakyat, maka Bahasa Kebangsaan adalah bahasa yang sangat penting. Saya tidak nampak satu cara yang boleh menyatupadukan rakyat melainkan yang penting sekali ialah bahasa. Di sini kalau seorang bercakap Tamil, seorang bercakap Inggeris, seorang bercakap Cina, seorang bercakap Hokkien, seorang bercakap Jepun macam mana hendak menyatupadukan, semuanya tidak tahu apa yang kita cakapkan. Kalau di India, Tuan Yang di-Pertua tentu lebih tahu. Saya sudah pergi sepuluh kali ke India. Di Madras bercakap Tamil, di tempat lain bercakap Urdu, macam-macam cakap ada. Dalam India sahaja begitu keadaannya. Dengan sebab itu di India dipakai bahasa Hindi atau Urdu.

Di sini kita fikirkan semua orang boleh berbahasa Kebangsaan. Ini bukan kerana apa, tetapi oleh kerana suka hendak memakai. Ada setengah-setengah memikirkan apa sebab mesti pakai Bahasa Kebangsaan untuk sampai ke peringkat tinggikah? Itulah sebabnya hujah saya kepada bahasa ini. Saya tidak ragu-ragu. Saya dan rakan-rakan saya menyambut dengan sepenuh-penuh hati yang bersih iaitu peperiksaan-peperiksaan ini, seperti peperiksaan HSC akan diadakan dalam Bahasa Kebangsaan, ini memang mendapat sambutan yang betul-betul hangat daripada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak katakan di sini ialah mengenai matapelajaran. Apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat matapelajaran bahasa adalah satu, tetapi apa yang diajar baik di dalam Bahasa Kebangsaan sendiri, nilai yang diajar itu penting. Sebab nilai inilah yang dipandang oleh dunia bagaimana tinggi taraf pelajaran itu. Kalau kita katakan sampai Senior Cambridge, HSC, baikpun Universiti. Kalau dipandang oleh dunia ini macam Darjah V Sekolah Melayu, apa gunanya? Atau umpamanya kita dapat ijazah universiti macam HSC sahaja, apa gunanya? Dengan sebab itu nilai adalah sangat penting dan dengan nilai ini boleh kita bawa certificate kita dengan bangga dan ini boleh diiktiraf bukan sahaja di Malaysia, tetapi boleh diiktiraf oleh Cambridge University, Oxford University, Yale University, Harvard University, Columbia University; ini yang penting sekali.

Begitu juga sijil HSC kita ini, kita boleh masuk ke universiti-universiti di Brisbane, Sydney, Canberra, di New Zealand and lain-lain tempat dengan senangnyanya dan apa yang diajar apabila seseorang itu masuk ke universiti nanti, senang kita mengikutinya apa yang diajar di universiti itu. Tidak payah lagi kita masuk ke universiti misalnya di luar negeri, orang Inggeris mengatakan lagi tiga tahun; pergi belajar dulu. Lagi tiga tahun boleh masuk universiti. Ini kita tidak mahu. Dengan sebab itu, saya memang menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak komen sedikit sebanyak Rang Undang-undang ini supaya nanti dapat yang lain-lain bercakap.

Dalam muka surat 15, Jadual Kedua, seksyen 2 mengatakan:

“2. Jawatan seseorang ahli lantikan Majlis hendaklah dikosongkan—

(a) jika ahli itu mati;

Tetapi, 2 (b) (iii):

“(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dikenakan hukuman penjara selama lebih daripada dua tahun;”

Dalam hal ini kalau satu tahun, orang itu salah juga. Enam bulan pun orang itu salah juga. Apa sebabnya kita hendak katakan lebih daripada satu tahun, atau dua tahun sedangkan orang itu memang bersalah. Jadi ini satu daripada yang saya katakan tadi apa-apa kesalahan yang lain yang boleh dikenakan hukuman penjara, asalkan orang itu dipenjarakan maka dia mestilah berhenti ataupun dihentikan daripada menganggotai jawatan seseorang ahli lantikan Majlis, kerana dia sudah masuk jel dua tahun.

Selain daripada itu jika “jawatan seorang ahli lantikan Majlis hendaklah dikosongkan”. Tuan Yang di-Pertua, bukan soal dulu, dulu lain ini yang saya maksudkan. Kalau dulu dia dipenjarakan dua tahun, itu tidak apalah. Tetapi ini dia tengah menjalankan tugas, tiba-tiba dia masuk jel setahun. Bagaimana, tempat itu kosong, bukan begitu?

Kemudian, ini boleh:

“2 (c) jika ahli itu menjadi bankrap;”

Ini pun seperti apa yang saya katakan semalam, jikalau misalnya ahli itu bukan salah dia kerana ada family affairs, memin-

jam duit, lebih belanja, bukan kerana dia ada kesalahan besar, barangkali orang saman dia \$5,000 dan dia tak terbayar. Dia pandai, dia boleh periksa kertas ini, dia tidak menipu. Tetapi tahulah oleh kerana orang tidak membayar hutang, disaman orang, kemudian tidak terbayar dan dibawa ke mahkamah dihukum dan jatuh bankrap. Saya ingat ini tak salah besar. Ini banyak terjadi atas perkara ini. Ini juga boleh terus diperiksa atas perkara ini. Perkara ini mestilah dipertimbangkan. Tetapi orang yang dikatakan menjadi “ahli Majlis hendaklah dikosongkan” ini jika sekiranya di jel dua tahun, ini saya rasa pelik sangat, walaupun sudah enam bulan dia masuk penjara, macam mana dia hendak menjalankan tugasnya. Ini saya minta jawapan daripada Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lantikan Pengerusi Majlis dari salah seorang Vice-Chancellor. Kita tidak mahu seseorang Vice-Chancellor itu memonopoli tiga tahun kemudian nanti ada favouritism dan sebagainya dilantik lagi, terus dilantik. Ini kita tak hendak. Kita berkehendakkan peluang diberikan kepada Vice-Chancellor kelima-lima orang itu supaya masing-masing dapat peluang. Vice-Chancellor ini pun orangnya sudah tua-tua, ada yang berjanggut, bermisai, semuanya ada. Diberi kepada mereka ini giliran tiga tahun seorang selepas habis tempoh, giliran itu pula berbalik semula kepada dia, iaitu orang yang pertama. Itu sepatutnya. Jangan dikata orang nanti boleh dilantik lagi. Berilah peluang kepada Vice-Chancellor itu. Begitulah yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan pelajaran. Ada setengah-setengah di negeri-negeri asing dan kita ini mementingkan pelajaran bahasa berdasarkan cara Inggeris. Sebab kita sudah dijajah oleh Inggeris. Semuanya mestilah dengan cara Inggeris. Segala-galanya Inggeris itu betul, cuba kita fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau seseorang student masuk di universiti bukannya dikatakan bodoh jikalau tidak lulus satu subject misalnya, bukan kerana dia bodoh, tidak. Tetapi dia boleh ambil lagi sampai dia lulus dalam subject itu, walaupun beberapa tahun. Semuanya dia lulus. Macam-

credit system yang diadakan di Amerika Syarikat. Kalau misalnya sungguhpun tiga empat tahun belajar universiti, dia mesti mendapatkan sekurang-kurangnya 132 credit dan dengan subject-subject yang compulsory misalnya. Kalau lebih pun dia boleh ambil credit-credit itu. Tetapi jikalau tidak, dia boleh tunggu di universiti sampai dia dapat 132 credit. Jadi yang masuk ke universiti itu kalau betul-betul dilatih, tidak ada satu yang tidak lulus. Di Amerika Syarikat tidak ada satu yang tidak lulus, semuanya lulus; kerana dia terus memberi peluang kepada penuntut-penuntut. Jadi kita cuba buang sikap itu. Ini career pun habis langsung. Ini mestilah kita kaji balik berkenaan dengan kelulusan daripada universiti. Beri mereka peluang supaya dia dapat faedah. Seperti kata orang bijak pandai iaitu bukan bermakna budak itu dari kecil 6-7 tahun masuk sekolah dia tidak begitu pandai pelajarannya. Dan kemudian sampai 12-16 tahun dia makin lama dan makin umurnya meningkat, tentulah dia lebih pandai dan terus bijak yang dulunya mendapat kelulusan No. 1, 2 dan 3 dalam peperiksaan. Begitu juga di universiti malahan di lain-lain tempat pun boleh lulus peperiksaan jikalau diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, di waktu peperiksaan misalnya di Negeri China dikatakan Examination Yuen, di mana semua penuntut-penuntut duduk di dalam bilik peperiksaan, kemudian di situ diselang-selangkan. Penuntut-penuntut tahun pertama, kedua, ketiga dan seterusnya diselang-selangkan supaya jangan dapat meniru di waktu peperiksaan, tidak dapat meniru langsung. Tetapi kalau diletakkan di dalam satu hall untuk fourth year students sahaja, tentu mereka dapat meniru tetapi kalau diselang-selangkan dalam satu hall, mereka tidak dapat meniru di antara satu sama lain. Jadi jika sekiranya ada satu-satu peperiksaan mestilah mereka ini dibuatkan begitu.

Selain daripada itu saya tidaklah mengambil masa yang panjang berkenaan dengan berapa orang akan dilantik kerana itu tidaklah penting kepada saya sangat oleh kerana kalau hendak berapapun tidak menjadi hal asalkan perjalanannya itu tidaklah ada apa-apa teguran daripada saya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein.

6.41 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia 1979 ini walaupun kita memandang Rang Undang-undang ini memang kalau hendak diperbahaskan tidaklah boleh dengan tergesa-gesa oleh kerana satu perkara demi satu perkara banyak masalah yang akan dikupas dengan teliti. Tetapi oleh kerana masa yang begitu singkat dan dengan waktu yang dihadkan maka tidaklah dapat saya hendak menyentuh satu persatu, cuma saya serahkanlah kepada saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat apa yang tidak dapat saya perkatakan di sini dapatlah saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat itu mana yang hendak bercakap dan membahaskannya.

Cuma bagi saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah dapat saya bercakap dengan secara ringkas sahaja iaitu Fasal 4, Fasal 7 (2), Fasal 25 (1), Fasal 25 (3) dan Fasal 27. Dalam hal ini, sukaiah saya menyatakan lebih suku abad Malaysia telah merdeka, hanya baharu sekarang Rang Undang-undang ini hendak diadakan dan cuba akan melaksanakan pada tahun ini. Seterusnya sebagai negara yang berrmaruah, sebagai negara yang sanggup berdiri di atas kaki sendiri dan sebagai negara yang berkemampuan serba boleh maka Rang Undang-undang ini adalah amat dialu-alukan walaupun terlambat, walaupun telah terdesak dan walaupun telah terpaksa. Kita ada pakar, kita ada professor, kita ada universiti dan kita ada mempunyai bahasa dan pelajaran kita sendiri, maka semestinya kita boleh bertanggungjawab pada keseluruhannya. Kalau kita telah sanggup membangunkan negara kita, kalau kita telah sanggup mempertahankan negara kita, kalau kita telah membuat apa juga urusan bagi mempertahankan dan memajukan negara kita, maka ini sebahagian kecil tetapi adalah penting bagi Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan ini. Maka patut dan mesti diadakan dan kita mesti berdiri sendiri di atas kaki kita, tidaklah lagi kita mesti mengharapkn negara-negara lain bagi mengelolakan peperiksaan pelajaran anak-anak kita. Maka dengan

sebab itu, saya mengalu-alukan sekali lagi dan memberi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan saya menyokong agar Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia ini diluluskan dan diterima.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal standard dan nilai kelulusan sijil kepada kita hendaklah berpegang dalam masalah ini buruk baiknya, tinggi rendahnya standardnya itu tidaklah dan janganlah itu menjadi pokok bagi Majlis ini. Soal yang penting ialah kita sendiri mestilah bertanggungjawab di atas hak rakyat kita sendiri. Kalau nilainya rendah dipandang oleh negara lain itu adalah pandangan mereka, tetapi pada pandangan kita yang kita buat sendiri di negara kita sendiri, oleh rakyat negara kita sendiri maka oleh Kerajaan kita sendiri, oleh universiti-universiti kita sendiri maka itu adalah sebaik-baiknya dan adalah amat baik seperti perpatih Melayu mengatakan: Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri kita, maka lebih baik negeri sendiri. Walaupun tidak emas tetapi batu, batu menjadi tonggak pembangunan dan pasak negara. Kita tahu soal ini cemekan atau cemohan tentunya datang dengan bermacam-macam alasan, tetapi sebagai saya katakan tadi hak negara sendiri dan kita sama-samalah bertanggungjawab bagi menjaga nilai, maruah atau kesan-kesannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini telah menjadi satu cabaran kepada seluruh rakyat negara ini bahawa kita telah sanggup mengambil alih tugas yang belum pernah kita pegang dan sekarang kita telah pegang, telah menjadi cabaran kepada rakyat negara ini menghargai apa juga perkataan Majlis Peperiksaan ini. Kita tentulah memahami bahawa kita rakyat negeri ini tentulah kita sama-sama tidak mahu membiarkan nilai-nilai peperiksaan menjadi rosak dan rendah seolah-olah mereka pula mahu merendahkan dan merosakkan. Dalam masalah ini tentulah mengambil masa bagi menaikkan tingkat usaha bagi sampai kepada standard yang benar-benar bertanggungjawab dan mempunyai nilai hanya sebilangan kecil rakyat yang mahu menjatuhkan moral negaranya tetapi perkara ini amat ramai pula yang menyokongnya. Cuma yang menjadi pokok ialah Penubuhan Majlis Peperiksaan Malaysia.

Mengenai keanggotaan tugas dan kuasanya seperti tersebut dalam Fasal 5 (2) dalam Rang Undang-undang ini sebagai biasa, sebagai pengalaman yang sudah-sudah yang tidak perlu dibangkitkan, cuma apa yang hendak saya katakan Kerajaan hendaklah benar-benar bertanggungjawab melantik orang-orang yang benar-benar jujur, tegas, dedikasi dan orang-orang yang benar-benar menjadikan jawatan itu sebagai jawatan pelaksanaan dan kepentingan negara bagi masa yang akan datang yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Hasil dari inilah nanti yang menentukan curak masa depan negara kita, sebab kita dilaung-laungkan di masa yang lalu: murid hari ini pemimpin pada satu masa yang akan datang. Tugas ini tugas yang bukan main-main, bukan tugas hanya untuk hari ini, orang ini besok orang lain, perkara ini seperti yang tersebut dalam Fasal 7.

Mengenai Fasal 5 (2) dan seterusnya dengan ringkas sahaja saya katakan, saya mengambil kesempatan sedikit menyatakan kesal saya kerana setiap tahun perkara ini adalah berlaku dan mesti berlaku. Benda ini tidak menjadi hairan. Sebagaimana kata saudara saya Yang Berhormat Mulia Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak tadi perkara ini menjadi satu masalah yang kita sentiasa dengar. Perkara itu baharu dalam sehari dua ini dipaparkan di dalam akhbar bahawa Kementerian telah menahan keputusan Peperiksaan SRP kerana di beberapa buah sekolah telah berlaku curang dalam peperiksaan.

Tahun 1978 juga kalau tidak salah saya perkara demikian dan tahun-tahun sudah juga pernah berlaku demikian. Dalam perkara ini siapa-siapa yang silap dan salah di mana salahnya dan kenapa menjadi demikian, menjadi tandatanya kepada kita semua. Maka saya pernah diberi jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa dalam soal-jawab ia akan mengambil tindakan dan mengetatkan lagi kawalan-kawalan kertas. Maka soal pemeriksaan telah ditimbulkan dalam Dewan ini juga tetapi kebocoran tetap juga berlaku. Akhirnya dalam masalah ini di manalah silapnya, kenapa ia mesti berlaku dan kenapa selalu perkara ini benar dihadapi, maka harapan saya Kerajaan tentulah mempunyai alasan demi alasan untuk perkara ini

sepatutnya supaya hasilnya jangan lagi berlaku. Dalam hal ini patutlah dapat perhatian Kementerian yang berkenaan dan muga-muga tidak akan berlaku lagi di masa yang akan datang. Patutlah sebagaimana kata Yang Berhormat Mulia Raja Datuk Nong Chik tadi di dalam kita mengatur peperiksaan anak-anak kita itu dengan ada cara contoh mana yang baik dapat kita lakukan perkara ini tidak akan terjadi demikian.

Akhirnya, dalam masalah soalan peperiksaan saya inginlah menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, kerana di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada, apa yang kita hendak soalan-soalan yang kita adakan pada peperiksaan untuk pelajar-pelajar kita di masa-masa datang itu kalau boleh biarlah kita adakan soalan-soalan yang mudah dan sesuai bagi kemampuan otak anak-anak kita itu untuk menghadapinya supaya janganlah sepertimana yang berlaku masa-masa yang sudah, soalan yang kita hadapkan kepada pelajar-pelajar itu setengah daripada setengahnya tidak kemampuan otak mereka hendak menerima, akhirnya terdapatlah kelemahan atau tidak lulus anak-anak ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, supaya jangan Tuan Yang di-Pertua memberi amaran 15 minit, jadi cukuplah sekadar ini saya nyatakan, biarlah nanti saudara saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin mengambil masa yang panjang bolehlah pergi nanti daripada segi undang-undang pula.

6.52 ptg.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mahamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu siapa yang beruntung pada hari ini sama ada Ahli-ahli Dewan Negara ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kerana oleh desakan masa kita tidak mempunyai peluang berbahas dengan panjang lebar atas masalah yang penting ini. Walau bagaimanapun, ini adalah salah satu daripada undang-undang yang penting bagi negara kita selepas kita mencapai kemerdekaan dan jikalau saya mengambil masa agak panjang sedikit saya harap Tuan Yang di-Pertua maafkan saya.

Masalah pelajaran memang mendapat perhatian semua rakyat, tak tinggal Ahli-ahli Parlimen kerana daripada pelajaran yang

kita perolehi itu maka bertingkat-tingkat sampai ke akhirnya bagi kita mengadakan badan yang hendak menentukan sama ada pelajaran yang kita telah pelajari beberapa tahun itu patut diterima, patut diakui dan sebagainya. Itulah sebabnya maka kita hendak mewujudkan Majlis Peperiksaan Malaysia yang hendak mengambilalih daripada badan yang sekian lama menjalankan tugas-tugas peperiksaan bagi pihak negara kita.

Saya bersetuju masanya sudah wajar bagi kita mengambil alih. Saya juga bersetuju kita tidak patut tergesa-gesa menukar tanpa-mengira sama ada sijil yang kita akan keluarkan itu nanti akan diterima oleh bukan sahaja negara kita tetapi juga negara-negara lain, ini penting. Jikalau Kerajaan mengambil masa yang agakya lebih daripada 20 tahun rasa saya ini boleh dimaafkan kerana alasannya adalah memang baik.

Tuan Yang di-Pertua, dari semasa ke semasa Kerajaan dan rakyat menyentuh masalah pelajaran dan laporan yang terakhir sekali berkenaan dengan masalah pelajaran ini terkandung di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran yang baru sahaja diterbitkan. Saya tidak bercadang hendak menyentuh ke semua perkara di dalam laporan ini kerana ini tidak ada kait-mengait secara langsung dengan Rang Undang-undang ini, saya sedar masalah itu, tetapi banyak perkara dalam ini yang ada juga kaitan. Dengan itu saya minta izin Tuan Yang di-Pertua supaya menyentuh sedikit sebanyak beberapa perkara yang timbul dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet ini.

Kalau kita baca seimbis dari muka ke muka, tidak dapat tidak kita berasa seolah-olah laporan ini menjadi satu indictment terhadap Kementerian Pelajaran ataupun sistem pelajaran kita. Ini mungkin satu teguran yang agak keras yang datang daripada saya tetapi ini bukan saya yang membuatnya. Saya baca perenggan demi perenggan ada sahaja yang tak betul, itulah sebabnya Jawatankuasa Kabinet telah mengatakan ini tidak betul, patut diperbaiki. Ini rasa saya sudahlah lazim kerana pelajaran tidaklah boleh dijadikan statik, mestilah ada perubahan, ada perkara-perkara yang menyentuh dalam masalah ini

Saya ambil yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan Lembaga Peperiksaan yang timbul di Chapter 5, 6 atau perenggan 295 yang berbunyi,

“Mengikut Akta Pelajaran, 1961 Lembaga Peperiksaan adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan peperiksaan-peperiksaan awam di Malaysia sama ada dikelolakan sendiri olehnya atau dengan kerjasama badan-badan peperiksaan luar negeri. Di samping itu Lembaga Peperiksaan juga mengendalikan peperiksaan-peperiksaan lain bagi pihak badan-badan peperiksaan luar negeri.”

Ini sudah jelas daripada Akta Pelajaran, 1961 dan sekarang ini kita hendak pindah sedikit demi sedikit. Dahulu peperiksaan yang dilaksanakan oleh badan luar tetapi dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan ini. Sekarang kita hendak wujudkan satu lagi badan yang buat permulaannya mengelola hanya satu jenis peperiksaan, iaitu Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia seperti tertera dalam Jadual Pertama.

Kalau kita lihat apa dia perkara yang boleh dikelolai oleh Majlis ini, kita lihat di bawah Fasal 7 Rang Undang-undang ini. Fasal 7 berbunyi demikian, “Tugas Majlis ialah mengelolakan, tertakluk kepada dan mengikut Akta ini, peperiksaan-peperiksaan tertentu . . . .”. Saya ulangkan, “peperiksaan-peperiksaan tertentu” ataupun “specified examinations”, “dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan-peperiksaan itu, termasuklah”, tugas-tugasnya (a), (b), (c) dan (d). Jadi apa dia takrif atau tafsiran “peperiksaan-peperiksaan tertentu”? Kita lihat di bawah Fasal 2. “peperiksaan tertentu ertinya sesuatu peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.” Dalam Jadual Pertama kita lihat, peperiksaan-peperiksaan tertentu ialah “Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau, dalam bahasa Inggeris, the Malaysian Higher School Certificate Examination.”

Kita juga lihat, Tuan Yang di-Pertua, ada kuasa Yang Berhormat Menteri meluaskan Jadual Pertama ini dan ini timbul di bawah Fasal 22 yang mana disebutkan:

“22. Menteri boleh, selepas berunding dengan Majlis, dengan perintah meminda Jadual Pertama.”

Di sini kita nampak buat permulaan Jadual Pertama hanya mengandungi satu jenis peperiksaan, satu jenis sijil iaitu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Jadi, ada kemungkinan pada masa akan datang selepas Majlis ini mendapat pengalaman dan mendapat peruntukan yang agak besar mengelola peperiksaan yang sekarang ini dijalankan oleh badan-badan lain.

Di sini kalau kita lihat juga di bawah Fasal 7 (3) ada disebutkan:

“7 (3) Dalam mengelolakan apa-apa peperiksaan tertentu yang lain, . . . .”

Ataupun dalam bahasa Inggerisnya:

“7 (3) In the conduct of any other specified examination, . . . .”

Tadi tafsiran telah dibuat atas perkataan “specified examination” ataupun “peperiksaan tertentu”. Jadi, di sini ada disebutkan:

“Dalam mengelolakan apa-apa peperiksaan tertentu, . . . .”

Daripada situ maka jelaslah pada satu masa nanti ada kemungkinan yang Majlis ini akan mengambil tugas-tugas yang dijalankan oleh badan-badan yang ada sekarang ini seperti Lembaga Peperiksaan sekarang, ada kemungkinan—saya tidak tahulah, ini mungkin dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan, ada kemungkinan Sijil Pelajaran Malaysia sekarang ini yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran di bawah Akta Pelajaran, 1961 akan diambilalih oleh Majlis ini.

Dalam masalah Lembaga Peperiksaan sekarang ini ada beberapa perenggan yang timbul di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet ini dan saya percaya daripada teguran-teguran yang dibuat oleh sahabat saya tadi di dalam Dewan ini dari segi kelemahan yang berlaku mungkin tauladan-auladan boleh diperolehi daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet ini.

Saya tidak bercadang hendak menyentuh kesemuanya, saya rasa ada baiknya saya sentuh satu dua perkara. Umpamanya, perenggan 299 berbunyi demikian:

“299. Ini sudah 21 tahun Lembaga Peperiksaan menjalankan peranan dan fungsi seperti yang telah digariskan dalam Akta

Pelajaran, 1961. Tugas-tugas yang digariskan dalam Akta ini melibatkan kerja-kerja penilaian (evaluation), pemilihan (selection) dan persijilan (certification). Dengan berkembangnya kegiatan Lembaga Peperiksaan dan berlipatgandanya bilangan peperiksaan yang dikendalikannya maka segala usaha perlu diambil untuk mengekalkan bahkan membaiki lagi kelicinan dan kecakapan pengurusan peperiksaan. Dalam usaha untuk mengambilalih secara beransur-ansur tanggungjawab mengelolakan semua peperiksaan awam peringkat persekolahan yang kini di bawah kelolaan badan-badan peperiksaan luar negeri, maka matlamat untuk mengekalkan taraf serta memelihara keutuhan peperiksaan tersebut amatlah mustahak diberi keutamaan.”

Saya rasa ini juga akan memberi panduan kepada Majlis yang baru ini dan juga kalau kita lihat di bawah perenggan 300 ayat pertama berbunyi:

“300. Adalah didapati kegiatan Lembaga Peperiksaan telah berkembang dengan pesatnya.”

Itu tidak boleh hendak dinafikan. Kalau sepuluh tahun dahulu jumlah angka mereka yang mengambil Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (Higher School Certificate) agak rendah, tetapi sekarang beribu-ribu orang mengambilnya. Dengan itu kita sedar bahawa tanggungjawab Lembaga sudahpun bertambah. Jadi di bawah sekali daripada perenggan 300 itu disebutkan:

“Perkhidmatan yang cekap ini memerlukan peruntukan kewangan yang cukup dan kuasa untuk menggunakannya tanpa banyak halangan seperti yang terdapat sekarang.”

Ini nampaknya daripada Laporan Jawatan-kuasa Kabinet ini sendiri mengatakan banyak sangat halangan. Salah satu daripada halangannya ialah ketidakcukupan wang untuk mengelolakan perkara ini.

Satu lagi nampaknya kelemahan ialah di bawah perenggan 303. Perenggan 303 mengatakan:

“303. Sebahagian besar beban pengurusan peperiksaan awam diserahkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri.”

Di sini juga di bawah Rang Undang-undang ini ada fasal yang membolehkan Majlis berhubung rapat dengan Pegawai Pelajaran Negeri (Chief Education Officer) di bawah Fasal 10 Rang Undang-undang ini. Jadi ada disebut di bawah Fasal 10:

“10. Majlis boleh meminta bantuan mana-mana Ketua Pegawai Pelajaran dalam mengatur dan mengelolakan sesuatu peperiksaan tertentu, termasuk bantuan—

- (a) x x x x x
- (b) x x x x x
- (c) x x x x x
- (d) x x x x x”

Di sini boleh sekali lagi kita mengambil contoh ataupun tauladan di mana kelemahan itu. Di sini ada disebutkan:

“Jawatan Setiausaha Peperiksaan ini telah dinaikkan taraf tetapi kebanyakan pegawai yang memegangnya tidak mempunyai kelayakan akademik yang disyaratkan.”

Itu menunjukkan kelemahan. Jadi kalaulah Majlis yang baru ini hendak mengambilalih, selagi kita tidak mengatasi masalah yang masih dihadapi oleh Kementerian sendiri maka timbullah tuduhan-tuduhan seperti yang disarankan oleh sahabat-sahabat saya tadi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditempoikan selama 10 minit.

*Persidangan ditempoikan pada pukul 7.08 malam.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 7.20 malam.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkeruskannya Mesyuarat*)

*7.20 mlm.*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan tadi nampaknya mengikut Akta Pelajaran tugas mengendalikan peperiksaan ini adalah di tangan Lembaga Peperiksaan dan mengikut kalau tidak salah saya seksyen 8 Akta Pelajaran, 1961 ada disebutkan dan saya baca dalam bahasa Inggeris:

“8 (1) The Yang di-Pertuan Agong shall appoint a Controller of Examinations and may appoint such other officers to act

under the general direction and control of the Controller of Examinations as he may consider necessary for the purposes of this Act.”

“8 (2) The Controller of Examinations shall, subject to the provisions of any By-Laws made under Section 120, be responsible for the conduct of examinations for the purposes of this Act.”

Saya minta penjelasan sedikit apa yang dimaksudkan di sini di bawah Section 8 (2) “for the conduct of the examination for the purposes of this Act.” Nampaknya di bawah Akta Pelajaran No. 43/1961 ini tugas mengendalikan peperiksaan itu ialah di tangan Pengawal Peperiksaan mengikut seksyen 8 (2). Ini juga telah diperakui di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang saya baca tadi iaitu perenggan 295. Di sini di bawah Rang Undang-undang ini kita hendak memberi kuasa pula kepada Majlis yang baru ditubuhkan ini dan saya rasa mungkin ada percanggahan, tidak tahu siapa yang betul-betul yang mempunyai kuasa di dalam perkara ini. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri—mungkin perkara ini dapat diatasi.

Saya rasa kalaulah ada peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini yang mengatakan umpamanya “dengan tidak tertakluk kepada mana-mana undang-undang lain (without prejudice to any other written law)” mungkin perkara ini tidak bercanggah. Kalau tidak, pada zahirnya mungkin ada dua badan yang boleh mengelolakan. Satu Pengawal Peperiksaan yang mengatakan dia mempunyai kuasa di bawah Akta Pelajaran, 1961 dan mungkin Badan yang baru ini mengatakan dia telah ditugaskan untuk menjalankan peperiksaan.

Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, mengikut tugas yang pertama yang hendak dijalankan oleh Majlis Peperiksaan ini iaitu menjalankan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan itu mungkin dia boleh buat kerana dari tugas itu bukan dibuat oleh Kementerian Pelajaran, dibuat oleh badan luar yang mana Pengawal Peperiksaan ada campurtangan. Tetapi seperti saya baca perakuan tadi ada kemungkinan yang Jadual itu dipinda dan ditambah lagi jenis-jenis sijil yang belum dijalankan oleh Majlis ini

termasuklah Sijil Pelajaran Malaysia (MCE) atau mungkin pada satu masa dijalankan Sijil Rendah Pelajaran sekalipun.

Saya percaya pada satu masa nanti kita tidak perlu mempunyai dua tiga badan untuk mengelolakan peperiksaan, elok ada satu sahaja badan dan badan itu boleh dilakukan daripada apa peringkat jua daripada peringkat LCE, MCE, HSC dan juga peperiksaan-peperiksaan lain yang terpaksa dikelolakan di negara kita ini. Sekarang ini memang banyak lagi peperiksaan-peperiksaan yang dijalankan oleh badan-badan di luar negara dan juga ada tempatnya yang mana calon-calon boleh mengambil peperiksaan itu dan saya nampak di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet tidak ada tujuan yang peperiksaan sedemikian hendak dihapuskan. Saya tidak tahulah pandangan Kementerian Pelajaran dalam perkara ini, mungkin pada satu masa yang akan datang tugas-tugas peperiksaan ini hendak diambilalih oleh Majlis ini. Mungkin bukan itu tujuannya, saya tidak tahulah. Apa yang saya hendak timbulkan ialah ketentuan siapakah yang mempunyai kuasa di sini—Pengawal Peperiksaan di bawah Akta Pelajaran, 1961 ataupun Badan ini? Saya harap perkara ini tidak bercanggah dan kalau dapatlah penjelasan yang jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada menyebutkan tadi bahawa Laporan Jawatankuasa Kabinet ini seolah-olah—dan saya suka ulangkan lagi sekali seolah-olah—bukannya mengatakan dia mengecam Kementerian Pelajaran—tidak. Tetapi apa yang saya maksudkan kalau kita baca daripada beberapa perenggan di sini maka jelaslah banyak kelemahan-kelemahan berlaku di dalam sistem pelajaran kita. Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan itu saya nampak 173 perakuan-perakuan telah dibuat di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet ini dan juga Laporan ini mengatakan tidak kesemuanya diharapkan dapat dilaksanakan dengan serta-merta, ada yang terpaksa memakan masa dan sebagainya. Tetapi kalau kita memandang kepada masa yang lampau maka jelaslah banyak kelemahan-kelemahan dan kita bersyukur bahawa Menteri Pelajaran sendiri yang bertanggungjawab dalam perkara ini sanggup mengakui adanya kelemahan-kelemahan ini. Kalau kita tengok daripada senarai mereka yang menganggotai

Jawatankuasa Kabinet ini saya nampak hanya empat yang masih ada lagi dalam Kerajaan kita. Tetapi sekurang-kurangnya dua di antaranya mempunyai tanggungjawab secara langsung di dalam Kementerian Pelajaran. Yang Amat Berhormat Pengerusinya sendiri pernah menjadi Menteri Pelajaran dan juga Menteri Pelajaran sekarang ialah salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa. Ini menunjukkan bukan sahaja keberanian tetapi keinsafan bahawa perkara yang agaknya telah menjadi kesilapan patutlah diperbaiki.

Saya rasa banyak perkara-perkara yang patut disentuh di dalam perkara ini tetapi saya sedar masa tidak mengizinkan bagi saya untuk menyentuh perkara-perkara ini. Tetapi apa yang saya suka menyarankan ialah perakuan-perakuan yang dibuat di dalam Laporan ini mestilah mengambil perhatian yang serius, bukan sahaja ini ada kaitan secara langsung dengan Rang Undang-undang yang kita kemukakan ini, tetapi juga untuk kebaikan pada keseluruhan sistem pelajaran bagi negara kita. Perkara yang mendesak rasa saya ialah perkara berkenaan dengan keperluan tenaga nanti. Kalau kita mengadakan sijil peperiksaan sudah tentu mereka yang mengambil peperiksaan untuk mendapat sijil ini pada satu masa memerlukan sijil-sijil mereka itu berguna di dalam pekerjaan nanti.

Di sini izinkan saya menyentuh sedikit keperluan tenaga yang telah dibayangkan di dalam Laporan Jawatankuasa ini. Saya rasa ini tanggungjawab saya mengutarakan bahawa gambaran yang kita lihat daripada angka-angka yang diberi di dalam laporan ini tidaklah menyenangkan kita. Perbandingan telah dibuat berkenaan dengan kedudukan tenaga rakyat Kumpulan Ikhtisas dan Separa Ikhtisas pada tahun 1975 dan juga projectionnya bagi tahun 1985—5 tahun lagi yang akan datang.

Jadi di sini kita nampak betapa kekurangannya. Izinkan saya menyentuh sedikit angka-angka ini. Ini adalah kedudukan tenaga rakyat Kumpulan Ikhtisas pada tahun 1985 yang timbul di dalam Jadual 3 Laporan Jawatankuasa Kabinet ini. Kita nampak telah disenaraikan 10 jenis pekerjaan dan daripada 10 jenis pekerjaan dalam Kumpulan Ikhtisas ini hanya ada dua sahaja bidang yang akan melebihi; yang lain semuanya kekurangan.

Guru Latihan Maktab—keperluan 84,890. Angka ini adalah berdasarkan kepada keperluan guru mengikut kadar yang wujud sekarang. Jadi stok pada tahun 1985 ialah 86,965 iaitu berlebihan sebanyak 2,075.

Guru Siswazah Sains ada juga kelebihan sebanyak 1,767. Tidak payahlah saya baca angkanya, saya cuma sebutkan kekurangannya.

Guru Siswazah Sastra sepatutnya berlebih tetapi nampaknya kurang sebanyak 594 orang.

Jurutera—pada tahun 1985 ada kekurangan sebanyak 1,159 orang.

Doktor—kekurangan sebanyak 911 orang.

Doktor Pergigian—kekurangan sebanyak 604 orang.

Peguam—saya lihat Peguam telah ramai tetapi nampaknya di sini kekurangan sebanyak 1,000 orang.

Akitek—88 orang.

Juru Ukur—56 orang

Doktor Haiwan—106 orang.

Jadi pada Separa Ikhtisas pula pada tahun 1985, Juruteknik, Jururawat, Pembantu Hospital, Jururawat Pergigian, Pembantu Doktor Haiwan semuanya berkurangan. Kekurangannya pada tahun 1985 adalah seperti berikut:

Juruteknik	...	...	6,422	orang
Jururawat	...	...	490	..
Pembantu Hospital	...	...	190	..
Jururawat Pergigian	...	...	380	..
Pembantu Doktor Haiwan	...	...	974	..

Gambaran ini menunjukkan masalah yang kita terpaksa hadapi. Kalau kita bandingkan pada tahun 1975 memanglah buruk, ada bidang-bidang yang buruk tetapi bidang-bidang ini bukannya diperbaiki tetapi masih buruk lagi, cuma yang telah nampak baik kalau kita bandingkan pada tahun 1975 ialah Guru Latihan Maktab ada kekurangan sebanyak 9,590 tetapi sekarang ini telah diatasi, pada tahun 1985 berlebihan. Guru Siswazah Sains begitu juga, kekurangan 1,121 tetapi pada tahun 1985 telah berlebihan.

Apa yang saya hendak sarankan ialah ini ada kaitan dengan Majlis Peperiksaan Malaysia. Jadi kegunaan tenaga rakyat ini tidak boleh diketepikan. Kalau mereka yang tidak mendapat sijil, saya tidak sekali-kali hendak mencadangkan Majlis ini mengurangkan standard dan sebagainya—tidak, tetapi saya rasa terpaksa bukan sahaja Majlis ini tetapi juga Kementerian Pelajaran sendiri mencari jalan bagaimana kita hendak mengatasi kekurangan Para Ikhtisas dan Separa Ikhtisas. Kalau tidak, bagi kita menghadapi masa hadapan Malaysia agaknya sukar sedikit.

Ini juga rasa saya menjadi tanggungjawab bersama Majlis Peperiksaan Malaysia dan juga Kementerian Pelajaran dan juga Ahli-ahli Dewan mempunyai pandangan berharap ini untuk membantu mencari jalan bagaimana kita boleh memenuhi kehendak-kehendak manpower kita.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini memandangkan masa yang agaknya sudah singkat dan saya dengan perasaan penuh sukacita menyokong.

7.36 mlm.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya. Saya bangun memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dengan memberikan beberapa hujah dan huraian atas Rang Undang-undang ini dan juga telah dibahaskan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat baru sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak katakan bahawa ini adalah satu daripada kemajuan yang berharga, yang terpenting dapat dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dalam melaksanakan Dasar Pelajaran kita. Saya tidak mengatakan bahawa Majlis ini dikatakan lambat sebab dengan adanya kelambatan itu dapat kita mempelajari bagi memperlakkan mutu peperiksaan kita dalam negeri ini. Malahan pula kita sebuah negara yang duduk dalam Komanwel dan banyak berantai-rantai hubungan dari segi pelajaran dan lain-lain juga.

Kita juga berasa bangga bahawa walaupun kita telah mengambilalih berhubung dengan peperiksaan HSC ini diwujudkan dalam negeri kita, beberapa negara luar yang ada mempunyai kepakaran dalam masalah pendidikan dan pelajaran ini sedia memberikan khidmat dengan kita; tambahan pula ada kerjasama daripada pihak-pihak universiti kita dalam negeri ini. Ini menunjukkan satu pertanda yang baik dari segi pelajaran rakyat dalam negeri ini. Tadi Yang Berhormat rakan sejawat saya telah memberikan satu gambaran betapa kurangnya tenaga perkhidmatan yang bercorak professional yang dikehendaki oleh negara ini. Maka dengan melalui peperiksaan inilah akan dapat melahirkan tenaga itu.

Maka dengan sebab itu masa yang begitu lama diambil oleh Kementerian ini adalah wajar supaya kelepasan-kelepasan daripada pengajian tinggi atau universiti dalam negeri ini akan dapat menampung kekurangan itu dan penghuni daripada universiti itu yang ada dalam tanahair kita ini tidak kurang ialah kita dapati daripada kelulusan Majlis Peperiksaan yang kita bahaskan ini. Kita sangat mengharapkan bahawa taraf kelulusan atau sijil pelajaran pelajar-pelajar kita hendaklah dapat diperakui oleh setengah-setengah negara supaya dapat pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajarannya di luar negeri dalam bidang yang lebih lanjut lagi. Walau bagaimanapun, kita juga dapat satu perkembangan yang kurang menyenangkan walaupun pelajar kita ini lepasan daripada universiti dalam negeri ini dalam bidang undang-undang dan kedokteran tetapi negeri jiran kita Singapura umpamanya tidak dapat lagi mengiktiraf kelulusan kita itu. Ini satu perkara yang patut difikirkan oleh Majlis ini supaya dapat mencari jalan dan ikhtiar dari masa ke semasa mutu sijil pelajaran kita ini dapat diiktirafkan oleh negara-negara khususnya negara dalam lingkungan Commonwealth.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah peperiksaan ini rakyat negeri ini seluruh ibu-bapa memandang berat dari tahun ke setahun atas hasil atau kegagalan khususnya pada anaknya, amnya kepada rakyat dalam negeri ini. Mereka sentiasa memandang kepada pelajar-pelajar kita yang duduk di universiti dalam negeri ini pada peringkat awalnya mereka masuk universiti itu, seperti kata orang Melayu, macam tali gasing. Pada mulanya

ramai, tetapi pada akhirnya banyak yang terkandas tirus dan kelulusan yang mereka dapat itu sangat kurang kepada kelulusan yang dikehendaki oleh perkhidmatan negara sangat sedikit. Masalah ini, walaupun universiti itu ada mempunyai kuasa autonomy sendiri dalam masalah peperiksaan itu, saya mengharapkan Kementerian supaya memerhatikan—saya tidaklah menuduh ada sabotaje dalam masalah ini—tetapi hendaklah Kementerian memerhatikan dengan penuh cermat supaya tidak disalahgunakan oleh kuasa autonomy yang telah kita berikan kepada badan pengajian itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya hendak memberi huraian yang ada berkaitan dengan Rang Undang-undang ini bahawa Rang Undang-undang ini pada kemuncaknya kelak akan terlibat kepada mereka yang akan saya sebutkan ini. Pertama sekali ada kaitan dengan murid-murid di sesebuah sekolah, dengan guru besar sekolah menengah atau sekolah rendah, dengan pengelola pelajaran di tiap-tiap daerah seterusnya Jabatan Pelajaran dalam negeri itu. Kalau kita dapati sebuah sekolah menengah tinggi yang ada tingkatan enam rendah dan atas tetapi pada akhirnya kita lihat keputusan daripada sekolah itu sangat merosot, Kementerian patut melihatkan kepada guru-guru yang mengajar di tempat itu apakah sebab musabahnya. Adakah mereka tidak melaksanakan dasar pelajaran. Kalau terdapat sesuatu kesalahan kepada guru itu, satu tindakan tata-tertib perlu dibuat.

Demikian juga dalam Jabatan Pelajaran tiap-tiap negeri. Kita pernah melihat tiap-tiap tahun ada negeri itu darjahnya turun dan ada negeri darjahnya naik dalam kelulusan peperiksaan anak-anak kita. Ini juga patut diperhatikan Jabatan Pelajaran di negeri itu mungkin juga Pengarah Pelajaran di negeri itu tidak mendapat kerjasama dengan pegawai-pegawainya atau pengelola tiap-tiap daerah itu. Ini patut diperhatikan demi untuk menjaga, memelihara pendidikan anak-anak di negeri ini supaya mendapat bagaimana yang ibubapa harap dan bagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan. Kalau kehasilan ini banyak mempunyai kegagalan pada tiap-tiap peperiksaan bukan sahaja anak itu rugi, tenaga negara ini rugi kepada anak yang telah belajar selama ini, Kerajaan juga rugi menanam modal kepada pendidikan ini. Jadi masalah ini masalah sama-

sama kita bertanggungjawab, Kementerian Pelajaran tidak boleh terlepas tangan, hanya melihat sekolah itu kejatuhan peperiksaan tiap-tiap tahun dengan tidak mengambil tindakan kepada mereka yang bertanggungjawab dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang dilihat oleh ibubapa dan rakyat negeri ini bahawa keputusan peperiksaan sekolah-sekolah yang berasrama penuh itu sangat menggalakkan, sangat baik pada tiap-tiap tahun. Dengan keadaan ini, dengan kita melihat keputusan peperiksaan yang sangat baik itu, patut Kementerian ini menjalankan usaha dan ikhtiar membanyakkan sekolah-sekolah yang berasrama penuh dengan mengadakan, Tingkatan Enam khasnya di luar-luar bandar supaya satu ketika kelak kalau dilaksanakan ini dapatlah sama tarafnya kelulusan pendidikan anak-anak kita antara anak dalam bandar dengan anak di luar bandar. Hal ini patut Kementerian memberikan perhatian utama sebab anak-anak luar bandar sukar sangat hendak menduduki sekolah-sekolah dalam bandar dalam masalah-masalah hidupnya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi rakan sejawat saya telah menyebutkan berhubung dengan peruntukan undang-undang ini ada soal peperiksaan. Ini juga patut diperhatikan oleh Kementerian Pelajaran pada Badan Majlis ini atau Lembaga Peperiksaan iaitu jangan hendaknya soalan-soalan yang didatangkan kepada pelajar-pelajar dan penuntut-penuntut kita itu, soal yang berbelit-belit yang sukar hendak difaham oleh pelajar dan penuntut kita walhal mereka pada ketika itu dalam suasana menghadapi perjuangan. Bukan saya mengharapkan bahawa soalan yang begitu mudah tetapi soalan yang boleh ditangkap oleh otak anak-anak kita supaya dengan keadaan ini saya yakin bahawa anak-anak kita atau pelajar-pelajar kita akan berpuashati bila menghadapi peperiksaan.

Begitu juga dalam soal bahasa yang hendak digunakan itu jangan di dalam soalan itu kelak digunakan bahasa yang dicemarkan. Dengan keadaan bahasa yang dicemarkan itu akan lahir kepada anak-anak kita pada suatu masa kelak dia dapat kelulusan daripada sijil itu melalui bahasa yang dicemarkan. Jadi, Lembaga yang membuat soalan ini hendaklah memerhatikan dengan telitinya dalam masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu peluang juga soal pilihan patut diberikan kepada anak-anak kita. Umpamanya, itu di dalam soalan dikehendaki empat soalan, kita beri enam soalan. Dia boleh pilih salah satu daripada enam. Ini satu peluang yang boleh anak-anak kita fikir ataupun penuntut-penuntut kita fikirkan. Dengan keadaan yang semacam ini saya fikir bukanlah satu kelonggaran. Ini satu kemudahan demi kepentingan pelajaran anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya dalam masalah di antara satu sebab yang menjadikan mengapa keputusan peperiksaan kertas Bahasa Malaysia jatuh, terutama sekali yang disungut oleh anak-anak kita yang bukan bumiputra. Satu daripada faktor ataupun sebabnya kerana berlakunya dalam buku-buku pelajaran di sekolah yang dihidangkan kepada penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar kita itu terdapat kecemaran bahasa atau penggunaan bahasa, yang tidak betul. Dalam Laporan Jawatankuasa Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah dibuat mungkin ada menyebut masalah ini. Jikalau kita menghendaki murid-murid itu menjadi seorang pelajar atau penuntut-penuntut yang mempunyai tenaga pengajaran yang baik, tempat asas yang mereka terima itu juga kita gunakan dengan baik. Ini patut. Dalam masa badan ini mempertimbangkan ada salah seorang daripada Ahli-ahli Majlis Peperiksaan ini diambil salah seorang wakil daripada Jawatankuasa Pencemar Bahasa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh dalam Majlis Peperiksaan ini. Kita berasa syukur dan terima kasih kepada Kementerian ini kerana telah mengambil alih banyak sekolah-sekolah menengah agama kita pada tiap-tiap negeri termasuklah Negeri Johor dan Daerah Segamat akan dibuat oleh kerajaan dengan belanja \$10 juta Sekolah Menengah Agama Atas. Kita sangat berterima kasih. Tetapi anak kita yang belajar di Sekolah Menengah Agama ini juga selain daripada mengambil mata pelajaran agama mereka juga mengambil mata pelajaran akademik, ia juga melalui peperiksaan SPM, SRP dan lain-lain. Apa yang saya harapkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam Majlis ini juga patut memerhatikan kepada soal peperiksaan yang dihadapi oleh anak-anak kita ini dengan kelulusannya itu mereka akan mendapat satu sijil; sijil yang

dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan ini supaya sijilnya itu dapat diiktiraf oleh negara-negara Islam supaya dapat anak ini melanjutkan pelajarannya yang lebih tinggi ke negara-negara Islam yang secukupnya dengan dasar matapelajaran yang ada di sekolah Menengah Agama. Kita syukur beberapa buah negeri Arab seperti Universiti Al-Azhar telah mahu mengiktiraf setengah-setengah daripada sekolah-sekolah menengah agama. Ini juga patut diperhatikan oleh Kementerian Pelajaran kita.

Dengan keadaan ini bukan sahaja kita akan dapat mengisikan tenaga sebagaimana yang dikehendaki oleh negara kita dalam bidang akademik malahan dunia ini kita akan dapat mengisi tenaga dalam bidang yang bercorak agama yang membawa manusia ini baik dan membawa manusia ini ke jalan yang lurus itu ke akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, saya cakap sedikit sahaja lagi. Saya menyentuh muka 3 dalam Kepala Rang Undang-undang:

“Suatu Akta untuk menubuhkan Majlis Peperiksaan Malaysia bagi maksud mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya”.

Saya tidak hendak sentuh banyak dalam masalah ini. Boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri menimbangkan satu pandangan saya, kalau boleh Majlis ini ditambah dengan satu perkataan lagi “Majlis Peperiksaan Kebangsaan Malaysia”. Ini terpulanglah kepada Kerajaan; sebab dengan disebutkan “kebangsaan” itu barangkali semangat cintakan kepada bahasa, cintakan kepada negara ini bukan sahaja tertumpu dalam bidang pelajar-pelajar yang menghadapi kebangsaan tetapi ada simbul dalam Rang Undang-undang ini menunjukkan “kebangsaan”. Ini pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, dalam Seksyen 2:

“Pengawal Peperiksaan” ertinya Pengawal Peperiksaan yang dilantik di bawah seksyen 8 Akta Pelajaran 1961;”

Adakah pengawal-pengawal ini juga boleh kita gunakan sebagai pegawai yang duduk dalam peruntukan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan dalam masalah keanggotaan Majlis Fasal (4) (1). Tidak wajarlah saya menyentuh butir-butirannya sebab ada tertera di dalam Fasal itu. Cuma yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, pecahan (e):

“(e) Lima orang ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong”.

Jadi, gemar saya mengulangi di antara ahli yang lima itu kalau boleh Kementerian ini menunjukkan salah seorang daripadanya wakil daripada Jawatankuasa Pencemar Bahasa supaya duduk dalam Majlis ini. Dan keduanya, kalau dapat orang yang kedua iaitu daripada mereka yang pakar dalam bahagian undang-undang supaya dapat didudukan dalam Majlis itu tidak kira sama ada mereka itu telah bersara.

Sebab dengan adanya mereka duduk di dalam Majlis ini akan dapat memberikan keuntungan kepada Majlis ini dan juga dalam Majlis ini ada mempunyai penalty ketentuan orang membuat salah boleh kita dakwa dan dihukum dalam mahkamah.

Dalam bahagian 4 (1) (a) tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf saya ulang balik iaitu di antaranya Naib-Canselor Universiti. Kita ada lima universiti. Jadi masa diberi hanya dalam tiga tahun dan Naib-Canselor ini kita angkat dia jadi Pengerusi. Ada lebih baik lagi kita beri peluang kepada dia seorang setahun menjadi Pengerusi. Jadi lima orang kalau Majlis itu lima tahun, mereka terus boleh menganggotai Majlis ini dan boleh menjadi Pengerusi, sebab dalam ini tidak tertentu berapa lama masanya dia menjadi Pengerusi.

Satu perkara lagi, muka 5 Fasal 6—Meteri. Meteri ini satu benda yang baru dan sangat molek diwujudkan dalam Majlis ini. Sebab meteri inilah yang boleh diakui dan boleh diiktiraf oleh semua dunia, oleh semua agensi, oleh anak-anak kita dan pelajar-pelajar kita yang dapat sijil, atau Meteri itu digunakan kepada apa, saya pun kurang arif, sama ada ianya digunakan di dalam surat menyurat ataupun bolehkah digunakan kepada sijil-sijil yang akan dikeluarkan.

Meteri ini satu benda yang mustahak dari segi sesuatu pentadbiran yang kita hendak turunkan hatta orang berniaga pun ada

meteri. Jadi, meteri hendaklah dijaga cermat-cermat jangan salah-salah esok Budak-budak Pejabat ambil meteri dia cap perkara itu akan berlaku penyelewengan.

Ingin juga saya bercakap dalam muka 6 berhubung dengan mendaftarkan calon-calon dan menganugerahkan sijil-sijil calon-calon ini tentulah amalan yang telah dibuat dahulu tidak menimbulkan nama ahli calon itu, ini satu perkara yang sangat penting dan sangat baik. Sebab kalau ditimbulkan nama calon itu dalam kertas peperiksaannya akan menjadi macam-macam masalah. Begitu juga kertas-kertas peperiksaan yang bercorak tiruan itu kalau didapati dalam seseorang calon bila kita periksa harus calon ini tidak iktiraf dan pada kuatkuasa ini tidak adalah nampaknya hendak didakwa dia di mahkamah. Sebab ghalibnya kadang-kadang dia dapat soalan-soalan yang dahulu daripada dia periksa dia buat dengan satu kertas lain dia hantar kepada Pengawal Peperiksaan hari itu dan keadaan ini kalau kita terjumpa dan ini mungkin terjumpa maka patut kita tak usah iktiraf calon itu.

Tuan Yang di-Pertua, Bantuan Ketua-ketua Pegawai Pelajaran. Saya cuma hendak sentuh dalam bahagian “(c) mengadakan kemudahan-kemudahan bagi menyimpan dan menjamin keselamatan kertas-kertas soalan dan skrip-skrip jawapan bagi peperiksaan itu; . . .” Jadi kertas ini di mana dimaksudkan, adakah di rumah Menteri, di rumah ketua-ketua Pegawai Pelajaran atau cuba tentukan di Balai Polis atau di Jabatan Pos. Kalau di Balai Polis itu satu tempat yang betul-betul dapat selamat, tidak siapa boleh ambil soalan-soalan atau kertas-kertas ini. Jadi, dalam peruntukan ini tidak menyebutkan. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu saya, kalau tidak ada itulah saya syorkan di Balai Polis atau di Jabatan Pos. Kalau disimpan, diamankan di rumah perseorangan ini balik kepada asal manusia. Kita kluatir masalah itu mungkin tidak berlaku kepada pegawai-pegawai kita sebab keamanahannya ada tetapi bila kita tarik balik kepada manusia maka macam-macam boleh jadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk pada muka 8—Perlantikan Setiausaha Agung. Banyak telah disebutkan oleh rakan sejawat saya. Cuma saya minta huraian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana taraf kelayakan Setiausaha Agung ini

dan dari mana pegawainya yang kita ambil, adakah kita ambil daripada Kementerian Pelajaran ataupun daripada profession yang lain-lain. Ini juga kita hendak tahu, hendak mendapat huraian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab tugas Setiausaha Agung ini sangat besar dalam Majlis Peperiksaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dalam Fasal 17—Kumpulanwang. Dalam bahagian kewangan ini sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat tadi sumber yang didatangkan daripada Kerajaan melalui Parlimen sebagaimana disebut dalam Fasal 17 (2) (a) itu. Saya mengharapkan Kerajaan juga jangan hendaknya memotong bila peruntukan yang dituntut oleh Majlis Peperiksaan ini. Kalau Kerajaan memotong, kalau Perbendaharaan mengkaji dengan cermat segala pelaksanaan yang hendak dibuat oleh Majlis ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna, sepatutnya apa yang diminta oleh badan ini pihak Perbendaharaan dengan baiknya memberikan kelulusan dengan tidak ada potongan.

Satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan berhubung dengan pembayaran bagi orang yang hendak masuk periksa, dia dikenakan bayaran, mendapat fee atau caj bagi peperiksaan, peperiksaan tertentu. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan kita dapat \$6 juta. Apa yang saya harapkan supaya Kementerian ini mengkaji semula pembayaran peperiksaan itu, kalau boleh dikurangkan sedikit apa yang ada pada masa sekarang dan kalau terdapat calon-calon itu daripada anak orang yang betul-betul miskin diberikan satu peruntukan supaya dilepaskan pembayaran ini, walaupun kita dapat sumber dari mana-mana dari Jabatan Kebajikan Am atau daripada orang-orang kaya yang hendak tolong tetapi itu masalah lain. Kalau hendak minta tolong Pejabat Kebajikan Am itupun memakan masa yang lama, hendak minta tolong dari bapa saudara macam-macam ceritanya. Kalau betul perakuan bahawa anak ini daripada anak orang miskin yang dapat disahkan oleh Penghulu atau Wakil Rakyat atau Senator, percuma-kah dia masuk.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah di muka 15, Jadual Kedua.

“2. Jawatan seseorang ahli lantikan Majlis hendaklah dikosongkan—(a) jika ahli itu mati;”

Saya tidak hendak sebut mati. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat dalam bahagian 2 (b) (i): “. . . . . kecurangan atau keburukan akhlak;” Saya hendak minta takrif pegawai yang buruk akhlak itu adakah rupa buruk akhlak itu pegawainya peminum arak boleh dilucutkan, dia berjudi boleh dilucutkan ataupun dia mempunyai perangai yang rendah sangat, maka dengan kehendak Majlis ini mengesyorkan kepada Menteri supaya orang ini patut dilucutkan jawatannya iaitu seorang pemabuk, “seorang pemabuk, seorang pejudi”. Ini satu sifat keburukan yang saya pandang.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah.

8.08 mlm.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama bangun pada malam ini yakni hari yang terakhir bagi kita meluluskan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia 1979 di mana kita telah huraikan semalam hingga hari ini.

Pertamanya, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Saya sangat berpuashati dan inilah yang diharap-harapkan oleh semua rakyat Malaysia yang cintakan bahasa dan bangsa iaitu dengan keadaan ini setelah 22 tahun kita merdeka pada hari inilah nampaknya kecerahan atau kecemerlangan itu tiba setelah kita luluskan Rang Undang-undang ini, insya Allah akan berjalan dengan baik dan saksama. Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita meluluskan Rang Undang-undang ini saya berharap di Dewan yang mulia ini iaitu di masa-masa yang akan datang supaya apabila melagangkan satu Rang Undang-undang itu haruslah benar-benar menggunakan Bahasa Kebangsaan jikalau sekiranya tidak ada bahasa itu bolehlah tetapi saya hendak menarik perhatian

di dalam Rang Undang-undang ini banyak sangat bahasa-bahasa Malaysia yang boleh digunakan, umpamanya muka 6, Fasal (10) (a) “. . . . fee dan elaun”, ada dalam Bahasa Malaysia. Kalau tidak silap saya “fee” itu yuran dan “elaun” ialah saraan.

Begitu juga dalam muka 7, “ejen”, saya rasa ada dalam Bahasa Malaysia “wakil”, senang sangat untuk diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia yang baik kerana pada hari ini kita hendak menjalankan Bahasa Malaysia yang baik daripada generasi kita yang akan datang, jangan orang Melayu kita, orang Malaysia, sepelat-pelat Bahasa Inggeris, bahasa kita ada sendiri.

Begitu juga dalam muka 9, “caj”. Caj itu “dikenakan”, boleh rasa saya. Begitu juga “sekuriti Kerajaan”, janggal sangat bunyinya itu, “akaun”.

Begitu juga muka 11, “akses”, ada Bahasa Malaysia itu. Muka 15, “frod”, kalau dipanjangkan “f-r-r-o-d” bunyinya, sudah lain bahasanya itu, tidak silap saya bunyi kentut—food, kalau pendek adalah maknanya. Begitu juga “bankrap” sudah kita biasakan ada perkataan “muflis”.

Yang saya musykilkan sangat ini muka 14, izinkan saya membacanya, Tuan Yang di-Pertua, perenggan (f), menetapkan cara membuat rayuan bagi mentafahus keputusan sesuatu peperiksaan tertentu”. Apa maknanya “mentafahus” ini? Pagi tadi saya telefon pada kawan-kawan di Universiti Malaya, pensyarahnya dan juga ada professornya, saya bertanya apa masalah ini? Katanya, dia pun tidak tahu, hendaklah bertanya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka katanya. Oleh itu saya rasa yang melagangnya sama-sama juga Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya masih ingat lagi, agak setahun ataupun dua tahun yang lalu ada Kerajaan mengerahkan supaya kita melagangkan satu-satu Rang Undang-undang dan sebagainya hendaklah difahami oleh semua rakyat jelata, ayat-ayat yang baik, yang senang difahami. Janganlah hanya senang difahami oleh segolongan ataupun segelintir, sama ada lawyer ataupun magistrate dan sebagainya yang tahu sahaja tetapi orang lain tak tahu. Inilah harapan saya supaya di masa yang akan datang, ini hari yang akhirnya, supaya kalau hendak diterjemahkan nanti cubalah terjemahkan yang baik-baik sedikit, yang

faham, yang ada. Kalau tak ada itu, umpamanya “implikasi” dan sebagainya itu sedap bunyinya tak apalah, ini yang tak sedap pun dimasukkan juga di sini, umpamanya “mentafahus”, termasuk jugalah Rang Undang-undang semalam saya dengar yang mengatakan “mutatis mutandis” dan sebagainya, kalau tersilap macam-macamlah bunyinya itu. Jadi kita berharap supaya di hari yang akan datang semua Kementerian kita, tentulah kita hendak meluluskan satu Rang Undang-undang ini supaya digunakanlah kalau naskhah sahah dalam Bahasa Malaysia gunakan Bahasa Malaysia yang baik yang senang difahami.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh serba sedikit kerana masa tidak begitu panjang diizinkan, iaitu tentang muka 4, “Keanggotaan Majlis” yang mana inipun semuanya telah dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi. Yang lain itu semuanya saya bersetuju, memanglah elok orang-orang itu yang pakar dalam segalanya tetapi dalam (e), “lima orang ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong” supaya lantikan ini orang-orang yang benar-benar mahu bekerja, benar-benar mahu memberi perkhidmatan kepada Kerajaan. Ada kadangkalanya kita tahu pada hari ini mereka ini tamak dan haloba hendak mendapatkan jawatan, pangkat dan sebagainya, apa sahaja diserahkan kepadanya dia ambil. Tetapi malangnya mengikut dalam muka surat 15, “Jawatan seseorang ahli lantikan Majlis hendaklah dikosongkan—”, saya bacakan, “(e) jika ahli itu tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi”. Ini saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya pernah juga duduk di dalam Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain, termasuk terutamanya Majlis-majlis Bاندaran, orang-orang ini dilantik oleh kerana tamaknya, dia mengatakan, saya hendak, dan sebagainya. Bila sudah dilantik, dia tidak menghadiri mesyuarat di tempat itu, dia menghantar surat kepada Pengerusi mengatakan, saya ada itu, ada ini, adalah alasannya mengikut seksyen ini. Kalau itu, mereka itu lepas sehinggalah kalau 3 tahun, 3 tahunlah dia, kadangkala sekali sahaja dia menghadiri mesyuarat tetapi namanya ada di situ tanpa membuat kerja apa-apa kerana tamak dan haloba untuk jawatan tadi.

Oleh itu, di sini saya cadangkan supaya "jika ahli itu" dipotong terus dan digunakan "tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran"—tidak payah "tanpa kebenaran", "tidak hadir tiga kali berturut-turut jawatannya dipupuskan", itu sahaja, senang rasa saya kerana kalau kita ada kelonggaran itu, kelonggaran ini terjadilah macam-macam sebab saya ada dua tiga jawatan yang dipegang ini, orang-orang ini banyak dalam Kerajaan tetapi tidak ada yang hadir. Itulah harapan saya dalam "Keanggotaan Ahli-ahli Majlis" ini.

Dalam Fasal 12 (2) saya bacakan hujungnya sahaja, Tuan Yang di-Pertua. "Menyedia, menilai dan memeriksa soalan dan jawapan peperiksaan" dan dalam (2) mengatakan orang-orang yang bersalah, "dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya". Ini saya menarik pula kepada seksyen-seksyen ataupun fasal-fasal yang lain serupa juga "kesalahan" tetapi berbeza. Umpamanya, muka surat 12, Fasal 25 (3), "Manamana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen-kecil (1) adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya". Begitu juga dalam Fasal 27 dan 28 semuanya begitu, iaitu "tidak lebih", apa salahnya dikenakan sekali, tidak dibeza-bezakan, iaitu Fasal 12 dan Fasal 27, 28 dan seterusnya tadi supaya disamakan, tidak ada beza; ini setahun, yang ini lima ribu ringgit, yang ini dua ribu lima ratus ringgit. Kalau hendak dibuat, dikenakan sepuluh ribu ringgit ataupun lebih, dan ada Yang Berhormat mengatakan dua puluh ribu ringgit tadi ataupun kedua-duanya dan seterusnya tidak berbeza-beza; sini ada dua tahun, sini ada satu tahun, jadi mengelirukan pada pendapat saya.

Tentang yang lain ialah pencerobohan kertas-kertas peperiksaan ini yang mana tiap-tiap tahun kita dengar. Pencerobohan atau pembocoran kertas-kertas peperiksaan ini menjadi-jadi, oleh itu dengan adanya Undang-undang ini saya rasa orang-orang yang melakukan kesilapan atau kesalahan itu dapat dikenakan denda ataupun hukuman yang begitu berat kerana inilah rasa saya kalau kita tidak jaga dengan betul mutu

pelajaran ataupun keputusan peperiksaan itu nanti tidak akan ternilai oleh pihak-pihak yang lain. Oleh itu kita harapkan supaya kebocoran undang-undang ini dapat dijaga dengan baik oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin untuk menyeleweng sedikit iaitu berkenaan buku-buku bacaan. Buku-buku bacaan inilah yang mulanya, rasa saya kalau murid-murid sekolah daripada mula lagi, daripada kecil berumur 6 tahun ataupun sekarang sudah ada sekolah kanak-kanak dan sebagainya bagi yang berumur 3-4 tahun supaya dapat diajarkan benar-benar murid-murid ini yang kebangsaannya ialah kebangsaan Malaysia dan mereka ini juga mengakui yang Malaysia ini ialah negara mereka. Ada saya baca buku-buku bacaan kanak-kanak ini kadangkala, umpamanya buku bacaan itu kalau orang Melayu hanya biasanya jadi Mata-mata ataupun Polis, jadi Posman, jadi Drebar dan sebagainya gambar-gambar itulah yang dipaparkan. Bapa Ali ialah posmen, bapa Ah Chong ialah doktor, bapa Ramasamy ialah penoreh getah. Ini rasa saya tidak boleh dibuat seperti itu lagi supaya bacaan-bacaan ini jangan menyinggung lagi, walaupun dia penoreh getah biarlah disamakan, jangan dipandang orang-orang Melayu inilah kerjanya, orang Cina ini kerjanya, umpamanya berniaga, doktor, pelombong, digambar dengan colour dan sebagainya untuk mendidik anak-anak ini. Kalau inilah yang diajar daripada sekarang sehinggalah anak-anak itu besar dan dewasa, pemikirannya itu memandang sudah tidak ada lagi. Bangsa aku ini keturunannya, ini kerjanya dan sebagainya. Oleh itu, saya harap dalam dasar pelajaran ini supaya buku-buku bacaan juga berunsurkan kebudayaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyentuh di muka surat 16 iaitu perkara Huraian 2. Saya minta izin membacakannya:

"2. Keputusan Lembaga itu adalah berdasarkan kenyataan bahawa mulai dari tahun 1979, semua kertas peperiksaan aliran sastra sedang disediakan dalam bahasa kebangsaan dan dari tahun 1982 dan seterusnya keseluruhan peperiksaan akan dikelolakan dalam bahasa kebangsaan."

Oleh itu, saya berseru dan berharap selepas Rang Undang-undang ini diluluskan kita tidak hendak mendengar lagi rakyat di Malaysia ini yang lain-lain keturunan mengungkit-ungkit lagi soal bahasa ini. Kita tidak mahu dengar lagi. Keputusan ini keputusan yang muktamad yang kita buat dalam Dewan Negara ini supaya dapat diatasi, supaya kita jangan mengungkit-ungkit mengapa bahasa Tamil dan sebagainya hendak diungkit-ungkit lagi.

Mengikut undang-undang ini tidak ada lagi ungukit-ungkitan kerana kita telah 22 tahun merdeka, kita telah bertolak ansur dan sebagainya. Kalau kita hendak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan kita, mendaulatkan negara kita, inilah masanya yang mana rakyat Malaysia pada hari ini walau apa keturunan pun yang ada di Malaysia ini dan apakah parti yang dianggotainya supaya mengakui dasar Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia ataupun undang-undang yang telah diluluskan supaya janganlah diungkit-ungkitkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, akhirnya saya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979 ini.

8.23 mlm.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai wakil negeri saya, negeri Perak dalam Dewan Negara ini menyokong Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979. Saya rasa saya tidak hendak bercakap panjang hanya saya akan menghuraikan sedikit pendapat-pendapat yang saya rasa untuk pertimbangan Menteri yang berkenaan.

Sebelum saya menyebut apa-apa, saya suka menarik perhatian Menteri kepada muka surat 15—Huraian. Perkara ini amat penting kerana intisari undang-undang ini ada termaktub dalam Huraian ini. Huraian pertama saya bacakan:

“Demi kepentingan Negara, amatlah perlu ditubuhkan suatu badan di peringkat kebangsaan bagi maksud mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu. Keperluan ini adalah berbangkit dari keputusan Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti

Cambridge tidak akan mengelolakan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan untuk negara kita tidak berapa lama lagi.”

Saya membangkang ini dengan hebatnya, Tuan Yang di-Pertua. Ini memalukan negeri kita. Adalah sebab digubalkan Undang-undang Peperiksaan ini disebabkan Universiti Cambridge tidak mahu lagi menjadi pengelola peperiksaan bagi negara kita. Saya harap potong perkataan ini dan diganti dengan lebihkurang begini:

“Demi kepentingan Negara, amatlah perlu ditubuhkan suatu badan di peringkat kebangsaan bagi maksud mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu keperluan negara kita berkeupayaan mengendalikan sendiri Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan bagi rakyat negeri kita sendiri.

Potong perkataan yang mengatakan:

Keperluan ini adalah berbangkit dari keputusan Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge tidak akan mengelolakan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan untuk negara kita tidak berapa lama lagi.”

Sebab itu kita meminta Majlis ini potong. Saya tidak setuju sama sekali kerana memalukan kita. Saya ulang, memalukan dan potong sekarang juga.

Huraian kedua, saya hendak memuji huraian kedua yang mengatakan:

“2. Keputusan Lembaga itu adalah berdasarkan kenyataan bahawa mulai dari tahun 1979, semua kertas peperiksaan aliran sastra sedang disediakan dalam bahasa kebangsaan dan dari tahun 1982 dan seterusnya keseluruhan peperiksaan akan dikelolakan dalam bahasa kebangsaan.”

Ini saya puji. Bagus Menteri. Saya tidak hendak menyentuh panjang perkara ini sebab masa tidak mengizinkan. Sebenarnya banyak kritik saya dalam Rang Undang-undang ini mengikut pendapat saya walaupun barangkali secara tidak betul, tetapi saya berpendapat saya betul, tetapi saya hendak ringkaskan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi sedikit pandangan yang lain, saya suka menyokong undang-undang ini dengan jiwa

saya iaitu supaya menyokong penuh perbelanjaan yang cukup diberi kerana melaksanakan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan negara kita ini.

Kerajaan mesti memberi cukup wang supaya melaksanakan dasar itu sebab pada pandangan saya dasar ini adalah menentukan nasib penuntut-penuntut kita yang akan jadi orang-orang dewasa bagi menyelamatkan negara kita pada masa akan datang, sebab kalau mereka tidak lulus peperiksaan atau tidak dapat keadilan atau tidak mendapat satu suasana pandangan yang baik adalah satu penganiayaan kepada penuntut-penuntut kita ini. Oleh itu, saya meminta Kerajaan jangan ragu-ragu, beri wang kepada Menteri supaya melaksanakan undang-undang ini dengan betul dan sempurna demi kepentingan anak-anak bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita analisa satu-satu usaha Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia kita ini, kita harus merenungkan ada empat faktor yang penting. Menteri harus ingat empat perkara yang penting.

Satu, pemeliharaan standard nilai pelajaran dan peperiksaan kita. Itu harus menjadi satu matlamat yang paling penting. Nilai pelajaran dan standard peperiksaan kita itu harus dikawal rapi supaya nilai pelajaran kita bersesuaian dengan semua negara-negara di rantau ini ataupun negeri-negeri yang maju dalam dunia. Kita tidak mahu nilai standard pelajaran kita jatuh.

Kedua, pengawasan dalam masa peperiksaan. Amanah dalam masa peperiksaan. Di sini bangkitlah soal bocor kertas peperiksaan, soal meniru, soal mencuri salinan bagi kepada murid-murid dan berjaya dengan penuh, beri corruption, jual kertas soalan dan sebagainya ada berlaku dalam negara kita ini. Kalau perkara ini berlaku lagi ia memalukan kita seolah-olah Menteri lemah dan pegawai dalam negara kita ini lemah.

Yang sebenarnya kita penuh dedikasi macam mana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengharapkan kita semua penuh dedikasi menjalankan kerja dan kewajipan, jangan lalai selalu. Jadi

pengawasan dalam masa peperiksaan ini hendaklah kita atur lebih teliti dalam masa hadapan.

Saya tidak pula hendak mengatakan negara kita ini buruk, saya sendiri dapat peluang tengok sendiri Universiti Cambridge yang kita bangga-banggakan itu yang tidak hendak lagi menjaga peperiksaan kita. Saya pun ada pergi ke Cambridge University secara tidak rasmi, secara persendirian sebab saya dahulu seorang pendidik, jadi jiwa seorang pendidik di mana saya pergi dalam dunia ini saya perhatikan perkembangan pelajaran negeri itu. Jadi apa yang saya hendak sebutkan di sini pengawasan dalam peperiksaan ini hendaklah dijaga betul-betul bagi keadilan supaya tidak ada kebocoran, tidak lagi berlaku penganiayaan sewenang-wenang dan tidak lagi berlaku pembatalan.

Ada anak-anak kita yang cukup baik, dia tak meniru dan tidak dapat apa-apa soalan bocor tetapi dia terniaya, sebab ada sebahagian manusia yang ada wang, dia beli soalan misalnya, betapa teraniaya terhadap budak yang miskin yang benar-benar otak baik tetapi dia masuk peperiksaan, keputusannya dibatalkan sama. Saya harap Yang Berhormat Menteri mesti teliti dengan baik perkara ini.

Yang ketiga, pemeriksaan kertas sijil tinggi kita pakai komputer atau pakai tenaga manusia itu tak ada masalah pada saya. Yang sebenarnya kita mahu adil, kita selalu memandangkan nasib seorang budak, tak usah sejuta budak dalam negeri kita ini, jikalau seorang budak terniaya sahaja dalam pengawasan kita, kita akan disoal apabila mati besok di hadapan Tuhan tentang satu penganiayaan yang besar yang mana mengeciwakan nasib seorang budak, misalnya, dia teraniaya dalam hal memberi markah peperiksaan atau pengujian kertas peperiksaan. Sebab itu walaupun pakai komputer atau pakai tenaga manusia, haruslah benar-benar amanah dan percaya diri sendiri supaya kita tidak berlaku bocor dan menganiayakan penuntut itu, tidak berlaku dalam negeri ini.

Saya tahu bukan di negeri kita sahaja, negeri lain yang moden dalam dunia ini di Amerika dan di manapun berlaku kebocoran ini. Kalau orang mengatakan negeri kita buruk, itu bodoh. Negeri kita sebenarnya

bagus, di antara negara Asia ini yang terbaik. Sebenarnya saya pernah pergi ke Jakarta, Bandung, Bali dan tempat-tempat lain saya tengok dan terus terang saya katakan kita boleh puji standard kita lebih baik. Sebab itu kalau ada orang mengatakan termasuk tuduhan sahabat-sahabat saya tadi, saya nafikan itu tak betul. Sebenarnya peperiksaan kita terbaik di rantau ini. Sungguhpun terbaik, saya ingatkan kepada Menteri berkenaan hendaklah jaga lebih baik lagi dan jangan aniaya walau seorang pun penuntut dalam negeri ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Insya Allah.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pertimbangan peri kemanusiaan—Menteri Dalam Negeri tak ada di sini, beliau itu terkenal sebagai Menteri berperi kemanusiaan. Jadi dalam masalah peri kemanusiaan ini saya pernah menjadi pengawas dalam negeri Perak, Encik Abdul Aziz Ismail yang ada dalam Dewan ini ialah bekas Guru Besar, Malay College, dia tahu dahulu saya pernah menjadi ketua pengawas peperiksaan sekolah rendah dan menengah tidak peperiksaan STP. Jadi, saya ada pengalaman dalam hal ini. Jadi, saya hendak bertanya begini dalam peperiksaan ada budak yang sakit, budak itu pandai tetapi dia jatuh sakit dalam peperiksaan sedangkan dalam pelajaran harian pelajarannya baik dan tinggi, tetapi oleh sebab di masa peperiksaan dia jatuh sakit, keputusannya dia tak berjaya. Kata-lah, dia masuk peperiksaan STP, kalau tak berjaya habislah nasibnya. Contohnya, dua tiga malam lalu kita tengok dalam TV, cerita seorang bapa suruh anaknya belajar dan mesti pas periksa, tetapi anaknya gagal, dia bunuh diri. Jadi ini memang berlaku dalam negeri ini dan sebagai seorang pendidik, saya tahu banyak berlaku perkara ini. Setengahnya nasib murid-murid itu malang kerana dia sakit, setengahnya kerana desakan ibubapa yang keterlaluan dan tidak mempunyai pandangan jauh, dia berkehendakkan anaknya maju, dia gesa anaknya: Awak mesti pas dapat sijil satu, pas tinggi. Jadi malangnya dia tidak berjaya. Ada setengahnya kalau tidak sakit dalam peperiksaan, tetapi desakan ibubapa kadang-

kadang dia takut dalam peperiksaan. Ini ada berlaku, ada murid-murid yang jiwanya takut, dia pandai tetapi dalam peperiksaan besar itu dia takut tak berjaya.

Ada satu perkara saya hendak syorkan kepada Menteri yakni dalam keputusan peperiksaan akan datang sama ada sekolah rendah, menengah atau tertinggi, saya rasa sudah sampai masanya kita analisa kebolehan murid-murid, penuntut atau pelajar di dalam sekolah. Sistem ini digunakan di Amerika, saya rasa patut dipuji. Mereka mengambil keputusan peperiksaan pelajaran setiap hari dicampur dalam peperiksaan besar itu, dalam peperiksaan akhir STP atau SPM yang mereka ambil, keputusannya sesuaikan jangan mengenainya penuntut macam saya katakan tadi.

Misalnya, dalam pelajaran harian budak yang paling pandai ada masanya dalam peperiksaan dia jatuh akibat adanya berbagai tekanan, setengahnya kerana takut, setengahnya kerana sakit, setengahnya kerana ibubapa pesan lagi dia mesti pas, mesti lulus tinggi, ini teriang-riang dalam kepalanya. Jadi dalam peperiksaan dia gagal. Saya harap Yang Berhormat Menteri menimbangkannya dalam masa yang akan datang, dalam peperiksaan sijil tertinggi itu keputusan peperiksaan mereka itu harus juga dicampur dengan keputusan pelajaran mereka dalam sekolah, yakni yang bagus dalam sekolah tetapi dalam peperiksaan dia gagal ataupun dalam sekolah dia tidak baik tetapi dalam peperiksaan dia lulus pula sangat tinggi. Haruslah dibuat satu penilaian yang wajar di masa akan datang supaya kita dapat menyelamatkan penuntut kita dalam negeri ini bagi keselamatan mereka akan datang. Sebagaimana mengikut nilai ilmu jiwa, hanya jiwa yang mengenal jiwalah yang baru dapat menilai dan yang sebenar memberi kesentosaan kepada manusia. Kalau jiwa tidak mengenai jiwa dia tidak peduli keputusan itu. Ini adalah bahaya.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya rasa ada beberapa perkara penting lagi, tetapi saya tidak mahu bercakap panjang dalam Rang Undang-undang ini kerana sahabat-sahabat saya telahpun memberi pandangan dalam hal ini. Tambahan pula saya rasa memandangkan masa yang singkat, sekali lagi saya menyokong

Rang Undang-undang ini dan memberi pujian walaupun tidak tinggi, pujian sahaja kepada Menteri yang berkenaan, kerana kita masih belum terlambat. Saya seru supaya jalankan terus di atas dasar yang benar bagi membina masyarakat di negara kita ini menjadi masyarakat yang baik.

8.38 *mlm.*

**Datuk Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini, lebih-lebih lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator oleh kerana masa sudah lewat dan tadi Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin mengatakan tak tahu siapa yang mendapat untung hari ini, Senator atau saya sendiri. Jadi, pada pendapat saya barangkali kita semua mendapat untung oleh kerana kita dapat bersama-sama membincangkan satu Rang Undang-undang yang meliputi beberapa segi dalam pelajaran dalam tanahair kita ini.

Saya sangat menghargai peluang ini oleh kerana dalam masa perbincangan ini banyak dapat pengalaman ataupun tunjuk ajar khususnya kepada saya sendiri dan saya berharap dengan galakan, pujian-pujian yang tak berapa tinggi, tetapi boleh tahan (*Ketawa*) daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dan juga bagi pihak Yang Berhormat Menteri saya, selain daripada mengucapkan terima kasih dan menghargai pujian-pujian itu, kita berharap dengan usaha kita bersama dapatlah kita melaksanakan bukan sahaja Rang Undang-undang ini, tetapi melaksanakan juga projek atau sistem pelajaran dalam tanahair kita ini dengan lebih baik dan lebih sempurna lagi. Barangkali saya tidak jawab satu persatu oleh kerana seperti saya katakan tadi dalam masa perbincangan Rang Undang-undang ini dapatlah kita meliputi beberapa segi di dalam pelajaran kita ini. Selain daripada Rang Undang-undang itu sendiri ada juga meliputi beberapa segi berkenaan dengan kemudahan-kemudahan pelajaran, pelajaran agama, guru-guru dan sebagainya. Saya tidak sempat untuk mengaturkan jawapan-jawapan saya oleh kerana Rang Undang-undang yang akhir maka saya tidak dapat satu malam untuk menyediakan jawapan-jawapan yang lengkap. Walau bagaimanapun, saya sedaya-upaya untuk

menjawab seberapa yang boleh melalui pendapat-pendapat atau perkara-perkara yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dahulu, yang kemudian saya akan menjawab dengan secara umum dalam Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock, Datuk Choo Ching Hwa, Dr Choo Kooi Fook dan juga Senator-senator yang lain ada membangkitkan berkenaan dengan peperiksaan SRP baru-baru ini di mana terdapat kes-kes yang telah diumumkan oleh pihak peperiksaan atau Lembaga Peperiksaan kita. Perkara ini saya sukalah memaklumkan iaitu satu perkara yang telah berlaku dan kes-kes yang Lembaga telah dapat "hold back." Jikalau kita bandingkan kes atau bilangan yang terlibat dalam kejadian ini, cuma 1,200 calon-calon daripada 290,000 yang mengambil peperiksaan itu. Ini lebih kurang .5% yang terlibat, tentulah ini tidak dapat dinafikan adalah satu kejadian dan kita akan mengambil perhatian berat. Tetapi jika dibandingkan dengan berapa ramainya calon-calon yang mengambil peperiksaan ini barangkali angka itu cuma satu bilangan yang kecil. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil dan juga kita masih menunggu laporan-laporan atas siasatan-siasatan daripada negeri-negeri masing-masing. Jikalau didapati ada sesiapa juga yang menjalankan tugas ini bersalah tentulah tindakan disiplin akan diambil, baik pengawas-pengawas atau penyelia-penyelia atau sesiapa pun yang telah membuat kesilapan semacam ini.

Di masa akan datang, mulai daripada beberapa tahun yang lalu bila kita melantik pengawas-pengawas, penyelia-penyelia untuk mengendalikan peperiksaan itu kita mengawas dengan teliti. Tetapi oleh kerana manusia tetap manusia tentu ada sebahagian yang tidak bertanggungjawab dan oleh sebab itu kita tentulah akan memperketatkan lagi disiplin kita supaya dapat kita mengawal perkara semacam ini tidak dilakukan lagi.

Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook bimbang tentang Fasal 26 berkenaan dengan merahsiakan markah. Beliau tidak bersetuju dengan Fasal ini dan mohon meminda Fasal ini. Saya sukalah memaklumkan kepada Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook peruntukan ini adalah satu amalan yang biasa digunakan (*standard practice*) bagi semua badan-badan peperiksaan terkemuka di

dunia ini. Inilah satu aspek professionalism yang diserahkan kepada badan-badan pemeriksaan itu sendiri. Selain daripada itu, jikalau calon-calon itu kurang memuaskan dengan keputusan-keputusan atau peperiksaan-peperiksaan itu mereka boleh juga berpeluang untuk merayu supaya keputusan mereka boleh dikaji balik, seperti sistem yang ada sekarang oleh pihak Cambridge ini masih boleh dapat dijalankan.

Yang Berhormat Senator Puan Rahmah binti Othman ada menimbulkan dua perkara. Yang pertama, beliau mengingatkan kepada Majlis Peperiksaan ini supaya tidak semata-mata menukarkan sukatan pelajaran dengan sewenang-wenangnya. Jadi perkara ini saya sukalah memaklumkan iaitu Majlis akan mengkaji soal penukaran atau pengubahsuaian sesuatu sukatan pelajaran itu dengan sedalam-dalamnya sebelum Majlis ini dapat mengambil tindakan, jadi ini saya boleh memberikan jaminan.

Kedua, Yang Berhormat Senator itu telah-pun mengingatkan supaya Setiausaha Agung tidak dilantik dari kalangan pegawai-pegawai yang telah bersara, dengan macam-macam hal atau lemah sedikit.

Saya sukalah mengingatkan di Dewan yang mulia ini iaitu kita boleh memberikan jaminan iaitu bahawa seorang pegawai yang masih dalam perkhidmatan serta berkalibar tinggi akan dapat dilantik memegang jawatan ini.

Yang Berhormat Senator Kumaran ada menyebutkan perkara-perkara umum berhubung dengan pelajaran khususnya pelajaran rendah dan sebagainya. Tetapi saya tidaklah dapat memberi satu jawapan yang spesifik di sini tetapi walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kepada syor-syor yang telah disampaikan oleh beliau itu.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik ada menyebutkan beberapa perkara daripada pembocoran kepada Vice Chancellor dan sebagainya. Saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada pandangan-pandangan daripada beliau itu khususnya berkenaan dengan perpaduan negara melalui sistem peperiksaan dan juga sistem pelajaran. Beliau telah mengingatkan supaya nilai sijil itu dapat dipandang berat dan ini tentulah akan menerima perhatian daripada Majlis ini.

Beliau juga meminta supaya penjelasan dapat dibuat berkenaan dengan Jadual Kedua, seksyen-kecil 2 yang mana beliau meminta penjelasan. Berkenaan dengan perenggan ini saya berharap Yang Berhormat Senator mestilah membaca cara keseluruhan (to be read as a whole) di dalam seluruh perenggan ini. Maksud perenggan ini ialah untuk menentukan ahli-ahli yang dilantik itu terdiri daripada mereka yang beramanah dan juga berkeutuhan tinggi. Jadi mereka tidak terlibat dalam mana-mana satu pun daripada kesalahan atau kelemahan yang disenaraikan itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kepada Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain, saya ucapkan ribuan terima kasih atas puji-pujian kepada Kementerian dan beliau juga menyentuh berkenaan dengan peperiksaan SRP dan ini saya telah jawab tadi.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin juga ada menyentuh perkara-perkara berkenaan dengan rekomendasi-rekomendasi di dalam Laporan Kabinet dan juga ada mengingatkan kepada Majlis bahawa barangkali ada percanggahan dengan kuasa berkenaan dengan Pengawal Peperiksaan dan juga di bawah Akta ini. Di sini saya sukalah memaklumkan iaitu mengikut Undang-undang Kecil Peperiksaan, 1966, peperiksaan HSC adalah di luar bidangkuasa Pengawal Peperiksaan. Jadi ini tidaklah bercanggah dengan bidangkuasa di bawah Majlis Peperiksaan itu. Dan juga pada masa sekarang peperiksaan-peperiksaan yang telah dijalankan atau yang telah ditadbirkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan bagi pihak Lembaga-lembaga di luar negeri, mereka cuma mentadbirkan peperiksaan-peperiksaan itu sahaja. Berkenaan dengan peperiksaan STP ini tidaklah dalam lingkungan bidangkuasa untuk mengawal peperiksaan Lembaga Peperiksaan itu.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad ada menimbulkan beberapa perkara. Pertama ialah supaya nama Majlis Peperiksaan Malaysia ini diubah kepada Majlis Peperiksaan Kebangsaan. Saya sangatlah menghargai semangat kebangsaan daripada Ahli Yang Berhormat itu dan juga hasrat daripada semua Senator-senator tetapi

pandangan saya ialah jikalau kita menggunakan Majlis Peperiksaan dengan nama negara Malaysia kita bukan akan dapat mencerminkan bukan dari semangat kebangsaan tetapi mencerminkan negara kita satu masa kelak dikatakan dalam sijil akan dapat ditadbirkan oleh Majlis Peperiksaan ini. Tentulah ini dapat memberikan kemasyhuran atau keharuman kepada nama Malaysia kita ini.

Dikatakan juga peruntukan dalam Rang Undang-undang ini tidak menyebutkan di mana tempat untuk menyimpan kertas peperiksaan. Jadi barangkali ikut cara biasa kertas-kertas peperiksaan yang sekarang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan kita adalah disimpan di tempat-tempat seperti Balai-balai Polis dan juga di Pejabat Pelajaran. Jikalau Pejabat Pelajaran itu tidak ada "bilik tebal" barangkali kita akan gunakan Balai Polis untuk menyimpan kertas peperiksaan kita itu. Jadi kita ada banyak tempat, dan di dalam Pejabat Pelajaran Negeri kita pun sudah ada "bilik tebal" untuk menyimpan kertas-kertas peperiksaan itu.

Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Razak bin Abu Samah ada menghuraikan berkenaan dengan perkataan-perkataan di dalam Rang Undang-undang ini tidak mengikut cara Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia tetapi saya suka juga mengingatkan kepada Yang Berhormat itu iaitu perkataan-perkataan dalam Rang Undang-undang ini kita gunakan perkataan Inggeris barangkali ini adalah satu hal yang tidak dapat dielakkan dan Rang Undang-undang ini telahpun dipersetujui oleh Jawatankuasa Istilah Undang-undang Dewan Bahasa. Barangkali istilah perkataan-perkataan ini boleh dijadikan perkataan-perkataan moden juga kepada Dewan Bahasa.

Akhirnya saya sampai kepada Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Abdullah yang telah memberikan pandangan yang sangat bertentangan dan juga sangat berguna kepada saya, iaitu kegunaan perkataan "potong" itu barangkali ada dahsyat sedikit! Bagaimanapun boleh dikatakan dalam bahagian Huraian yang pertama itu dicadangkan supaya dapat dipotong bahagian itu sebagaimana dikatakan, beliau tidak berapa bersetuju berkenaan dengan satu perkara yang memalukan sedikit oleh kerana kita tidak mampu mengelolakan peperiksaan

STP itu. Ini boleh dikatakan satu hakikat (fact). Ini cuma dalam Huraian atau satu Explanatory kepada mesyuarat dan ini satu hakikat juga yang kita telah menghadapi dan ini tentulah dapat memberitahu kepada kita iaitu pihak Cambridge tidak akan mengeluarkan sijil STP ini tidak berapa lama lagi. Ini satu hakikat tetapi . . . .

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri kurang memahami apa maksud saya. Saya hendak sebutkan sekarang. Maksud saya dengan undang-undang ini, yang ditulis di situ implikasinya, ataupun di belakang tujuan itu, oleh sebab Universiti Cambridge tidak hendak menghentikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan itu dalam tanggungannya, maknanya apabila ia tidak mahu mengelolakan peperiksaan ini, baru kita hendak ambil. Sebab itu, saya tak setuju. Ini memalukan kita. Dengan sebab itu pada pandangan saya patut dipinda. Saya menarik balik cakap "potong" tadi, barangkali kasar tetapi maklumlah itu bukanlah tujuan saya. Maksud saya itu buat seronok sahaja. Tetapi boleh dipinda mengatakan, dengan sebab Universiti Cambridge hendak menarik balik peperiksaan itu, baru kita buat, itu saya tidak bersetuju. Itulah fahaman saya, memalukan kita.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Huraian ini dikatakan "Keperluan ini adalah berbangkit dari keputusan Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge tidak akan mengelolakan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan untuk negara kita tidak berapa lama lagi." Perkara ini bukan pihak Cambridge tidak mahu buat, tetapi oleh kerana ada keperluan kita membuat sendiri dan oleh kerana kita sudah sampai ke satu peringkat yang mana universiti-universiti tempatan kita sudah meningkat ke satu peringkat yang kita sendiri boleh melalui usaha universiti-universiti sendiri, kita boleh menolong dan juga melaksanakannya untuk penuntut-penuntut kita memasuki universiti-universiti tempatan dan juga pada masa sekarang oleh kerana barangkali kita pun selepas tahun 1982 semua bahasa pengantar akan digunakan dalam Bahasa Malaysia keseluruhannya dalam negara ini. Barangkali untuk . . . .

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bukan “barangkali” sepertimana Yang Berhormat kata “barangkali, barangkali”. It is a fact—kebenaran, bukannya barangkali.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang oleh kerana dari segi susunan juga tidak ada praktikal untuk kita, kerana susunan masa sekarang cuma pihak Cambridge mengendalikan peperiksaan HSC ini cuma meliputi sebahagian universiti-universiti dalam negara kita ini. Jadi untuk kita mengendalikan atau mengadakan STP ini sendiri, kita akan dapat meliputi semua universiti-universiti di dalam negara kita. Ini satu keperluan atau satu hakikat yang kita mesti dapat insafi atas perkara itu

Yang Berhormat Senator Ibrahim juga ada mengingatkan supaya Kerajaan mesti memberi cukup wang untuk meninggikan atau menjaga mutu dan nilai sijil kita. Ini tentulah kita akan ambil perhatian dan jikalau ada peluang kita akan datang ke Dewan yang mulia ini meminta lebih peruntukan atau anggaran untuk melaksanakan projek-projek untuk peperiksaan STP ini. Kita berharap Yang Berhormat Senator-senator sekalian boleh memberi sokongan supaya kita dapat lebih peruntukan atau wang untuk menjalankan projek-projek kita berkenaan dengan peperiksaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sedikit sebanyak yang dapat saya berikan huraian atau penerangan-penerangan dan juga jaminan-jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini pada keseluruhannya sukalah saya memaklumkan iaitu Rang Undang-undang ini di dalam masa perbahasan ada dua tiga perkara yang saya harap dapat diberikan penjelasan dan memberikan jaminan kalau boleh kepada Majlis.

Berkenaan dengan keanggotaan dalam Majlis ini, lima orang ahli yang akan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Ahli-ahli yang lain tentulah Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan melantik dan juga mereka yang dilantik itu tentulah orang-

orang yang ada pengalaman dan status di dalam lapangan pelajaran. Tentulah kita akan berhati-hati supaya dapatlah apa yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak dihampakan dan dengan peralantikan ini tentulah seperti saya katakan dalam ucapan saya tadi, Majlis ini akan dapat mewakili bagi pihak Kerajaan, pihak universiti, pihak orang ramai. Jadi ketiga-tiga bahagian itu dapat diwakili dalam Majlis ini. Saya yakin Majlis ini akan dapat memainkan peranan khasnya ahli-ahli mereka masing-masing dan tentulah ini akan dapat menjalankan atau melaksanakan peperiksaan kita di masa akan datang kelak dengan lebih baik dan sempurna lagi.

Berkenaan dengan Setiausaha Agung yang akan dilantik, ini saya telah jelaskan tadi iaitu orangnya tentulah berkalibar dari segi pengalaman dan sebagai Setiausaha Agung ianya menjadi seorang yang sangat mustahak di dalam menjalankan tugas bagi pihak Majlis ini pada masa yang akan datang.

Berkenaan dengan keselamatan dan keutuhan untuk Majlis ini seperti di dalam Undang-undang ini tentulah kita dapat memandang berat dan oleh sebab itulah dalam Fasal 9, 26, 28 ada peruntukan yang sangat ketat untuk ahli-ahli Majlis, pegawai yang terlatih dan juga kakitangan-kakitangan yang ada berkaitan dengan peperiksaan ini.

Jadi dengan mengadakan Fasal-fasal yang ketat ini tentulah kita akan dapat memberikan keselamatan yang lebih untuk Rang Undang-undang ini.

Soal pengiktirafan ini tentulah satu perkara yang kita sangat berikan “concern” kepadanya dan soal pengiktirafan ini boleh disebutkan dengan dua bidang iaitu bidang yang pertama iaitu bidang formal dan bidang tidak formal. Bidang formal juga kita boleh membahagikan kepada dua cara iaitu cara yang pertama dalam negeri kita. Dalam negeri kita barangkali pengiktirafan tidak ada soal oleh kerana Kerajaan sendiri sudah memberikan “commitment” yang tetap kepadanya. Jadi penuntut-penuntut tidak adalah menghadapi kesusahan, untuk memasuki universiti-universiti tempatan kita.

Dan juga di luar negeri oleh kerana kita ada perhubungan yang rapat dan pihak Cambridge sendiri pun bersetuju membantu

kami dan juga institusi-institusi, Lembaga-lembaga Peperiksaan pun ada menjamin untuk memberikan pertolongan kepada kita dan inilah juga dapat secara lebih langsung melalui universiti-universiti tempatan kita pada masa sekarang sudah dikenali di dalam dunia luar dan secara langsung dan tidak langsung ini tentulah akan dapat memberikan pengiktirafan ataupun menolong memberikan pengiktirafan daripada negeri-negeri luar.

Ini pun boleh dikatakan satu contoh yang masa dulu apabila kita mengambil alih peperiksaan MCE dan SPM masa itu dan daripada pengalaman itu kita yakin, usaha seperti ini tentu dapat pengiktirafan oleh negara-negara luar.

Dari segi informal ini barangkali satu hal yang sampai hari ini kita tidak dapat ukurkan lagi oleh kerana kita belum keluaran sijil kita cuma selepas tahun 1982 kita dapat keluaran sijil kita sendiri. Ini bergantung kepada prestasi ataupun performance dari penuntut-penuntut kita bila mereka menghadapi peperiksaan itu. Dan pihak Kementerian dan pihak Yang Berhormat Menteri, kita yakin dengan pengalaman kami dan juga dengan pengalaman dan kemasyhuran universiti-universiti tempatan, sijil-sijil kita tentulah akan dapat pengiktirafan yang baik dan tentulah kita tidak bimbang kepada apa-apa soalan yang akan ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah dapat saya memberi penerangan kepada Majlis dan lagi sekalilah bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan bagi pihak Kementerian saya sekali lagi suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sumbangan dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan saya berharap mudah-mudahan dengan usaha kita semua dan juga dengan keyakinan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan dapat melaksanakan ataupun dapat menjalankan Rang Undang-undang ini untuk kebaikan negara dan juga kebaikan penuntut-penuntut kita pada masa akan datang. Insya Allah kita akan berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 15—*

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas masalah ini semasa Majlis ini bersidang dalam Jawatankuasa.

Pertama, saya hendak bangkitkan Fasal 1: "1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979."

Saya hendak kaitkan pandangan saya, Tuan Pengerusi, dan saya mohon maaf, saya harap, Tuan Pengerusi, tidak akan berasa hati.

Pertama, susunan kita membahaskan Akta-akta. Pada hari mula-mula kita membahaskan Rang Undang-undang di bawah Kementerian Kesihatan iaitu Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan).

Kedua, Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah, pun Menteri Kesihatan.

Ketiga, Rang Undang-undang Racun pun Menteri Kesihatan.

Jadi saya mohon pertimbangan pentadbiran Parlimen pada masa yang akan datang supaya ianya tidak berekor daripada satu Kementerian ke Kementerian yang sama sedangkan Bill ini adalah Bill mustahak yang patut diperbahaskan. Kerana saya menimbang masa, Tuan Pengerusi, saya tidak mengambil bahagian di dalam perbahasan dalam Rang Undang-undang ini. Tetapi saya mengingatkan pada masa yang akan datang susunannya hendaklah difikirkan baik-baik supaya jangan berlaku perkara-perkara mustahak kita akhiri dan

perkara yang kurang mustahak kita dahulukan, sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Bukanlah semua Rang Undang-undang tidak mustahak, akan tetapi perbahasannya yang saya maksudkan.

Tuan Pengerusi, itu saya jangkitkan pada Fasal 1.

Yang kedua, saya jangkitkan pada Fasal 4 (1):

“4. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut iaitu—

- (a) Naib-Canselor Universiti-universiti;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran;
- (c) Ketua Pengarah Pelajaran;
- (d) Pengawal Peperiksaan; dan
- (e) lima orang ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.”

Saya bangkitkan pandangan saya, Tuan Pengerusi, sebab saya tidak boleh membuat pindaan di sini, hanya saya mohon pandangan Menteri dan juga Kementerian Pelajaran pada masa akan datang dan kalau perlu dibawa pindaan ke Dewan ini.

Pada masa sekarang ini Pengerusinya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu daripada Naib-Canselor Universiti-universiti dan tempohnya boleh digilir-gilirkan satu demi satu. Tetapi saya mohon pandangan kepada Kerajaan supaya Pengerusi ini hendaklah tetap kepada satu orang bukan Naib-Canselor dan Naib-Canselor itu adalah sebahagian daripada ahli sahaja. Banyak ahli cendekiawan ilmiah kita yang ada di dalam negara kita.

Umpamanya, Professor Hamzah Sendot patut boleh dijadikan satu pandangan menjadi Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia ini. Kalau kita buat mengikut kehendak Undang-undang ini iaitu routine tiap-tiap Naib-Canselor, kerana kita memandangkan sekarang ini Naib-Canselor yang ada dalam negara kita ini seperti Professor Di Raja Ungku Aziz dan juga barangkali banyak yang lain tetapi orang-orang ini akan ber-

sara, bila sampai umur 55 tahun. Saya belum tahu bila masa dia bersara tetapi saya fikir dia lebih tua daripada saya. Jadi dengan cara begitu keadaannya maka dengan sendirinya gugur mereka itu yang tidak boleh masuk kembali badan ini sedangkan khidmat mereka perlu. Maka inilah saya mohon kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Pelajaran boleh menimbangkan masalah ini pada satu masa, dan kalau perlu pandangan itu bolehlah dibawa ke sini dan dipinda apabila sudah sampai masanya patut dipinda. Kerana, Tuan Pengerusi, dalam Jadual Kedua, Seksyen-kecil 3 memang ada dinyatakan di sini:

“3. Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Majlis dan ahli-ahli jawatankuasa dan jawatankuasa-kecil yang dilantik di bawah Akta ini apa-apa saraan atau elaun sebagaimana ditetapkan oleh Majlis dengan kelulusan Menteri.”

**Tuan Pengerusi:** Sabar dahulu Yang Berhormat! Kita belum sampai kepada Jadual. Sekarang ini baharu sampai kepada Fasal 1 hingga 15 sahaja.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Saya tarik balik, Tuan Pengerusi. Dan inilah alasan saya.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dahulu! Apabila sampai kepada Jadual, perkara itu boleh dikemukakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Pengerusi, pandangan daripada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak tadi, kita boleh timbangkan pada masa akan datang.

*Fasal 1 hingga 31* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Kedua—*

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Pengerusi, walaupun saya telah terlajak tadi iaitu tidak termasuk dalam

Jadual ini tetapi maksud dan hasrat saya telah diketahui oleh Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, jadi saya tidak akan bercakap lagi dalam Jadual ini.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah.

*Jadual Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.25 malam.*